

قَتِيقَن قِيتِه

PETIKAN TITAH

"SEBAGAI sebuah negara Islam yang progresif, pengukuhan Maqasid Syar'iah adalah menjadi prasyarat kepada kejayaan negara".
- Titah Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-34, Tahun 2018.



Hujung Minggu

قلبي في Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسش ايمان
MANISNYA IMAN

"DAN sesiapa yang melakukan kejahatan atau menganiaya dirinya sendiri (dengan melakukan maksiat), kemudian dia memohon ampun kepada Allah nescaya dia mendapati Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam, Surah an-Nisa, ayat 110.

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 minit

WAKTU SEMBAHYANG
IMSAK 4.34 SUBUH 4.44 SYURUK 6.09 DUHA 6.34 ZUHUR 12.23 ASAR 3.49 MAGHRIB 6.34 ISYAK 7.50

TAHUN 66 / BILANGAN 73

19 JUN 2021 / 1442 8 ذوالقعدة

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

"YA Allah, hanya Engkau jua tempat kami berlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin".

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.

CIPTA : PLATFORM INOVASI, ASPIRASI, PENCIPTAAN TEKNOLOGI



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) berkenan berangkat menyempurnakan pengurniaan Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2021, yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.
- Foto : Masri Osman.

■ Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BERAKAS, Rabu, 16 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri,

Pro Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) berkenan berangkat menyempurnakan pengurniaan Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2021, yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, di sini.

>> Muka 3



Berita Utama



DUKUNG transformasi digital
Muka 6

COVID-19 : 1 kes import baharu

■ Siaran Akhbar :
Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 18 Jun. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa satu kes import baharu disahkan setakat 12.00 tengah hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) seramai 252 orang.

Kes 252, seorang lelaki, berumur 29 tahun, yang tiba ke negara ini dari Indonesia melalui Singapura, pada 15 Jun 2021. Beliau tidak mengalami sebarang tanda-tanda jangkitan.

Penyiasatan dan pengesanan kontak mengesahkan 12 kontak terdekat bagi kes ini yang telah ke negara ini bersama kes tersebut dan telah menjalani kuarantin, sebaik sahaja tiba di Negara Brunei Darussalam.

Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 408 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei 2020.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 111 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

>> Muka 5

Keputusan kes rayuan dibuat sebelum 7 Julai

■ Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Jun. - Keputusan kes rayuan akan dibuat sebelum Rabu, 7 Julai 2021 di hadapan Yang Arif Presiden Mahkamah Rayuan Michael Peter Burrel, Pesuruhjaya Kehakiman Conrad Seagroatt dan Michael Victor Lunn, di Mahkamah Rayuan.

Pada hari ini, kes rayuan yang difailkan oleh Pendakwa Raya dan kedua-dua tertuduh, iaitu Ramzidah binti Pehin Datu Kesuma Diraja Kol. (B) Haji Abdul Rahman (Tertuduh Pertama); dan Haji Nabil Daraina bin Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin (Tertuduh Kedua), yang berakhir hari ini selepas tiga hari bersidang, di Mahkamah Rayuan.

Pada September dan November 2019, perbicaraan terhadap Tertuduh Pertama berlangsung di Mahkamah Tinggi telah disabit bersalah atas kesalahan-kesalahan pecah amanah dan pembersihan wang

haram.

Bagi Tertuduh Pertama dijatuhkan hukuman penjara selama 10 tahun oleh Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman Lugar-Mawson.

Sementara itu, Tertuduh Kedua disabit bersalah atas tiga kesalahan pembersihan wang haram dan dijatuhkan hukuman lima tahun pemenjaraan. Walau bagaimanapun, Tertuduh Kedua didapati tidak bersalah bagi dua kesalahan pembersihan wang haram.

Pendakwa Raya membentangkan hujahan-hujahan untuk hukuman yang telah dijatuhkan ke atas tertuduh-tertuduh untuk ditambah dan supaya pembebasan Tertuduh Kedua bagi dua kesalahan pembersihan wang haram diketepikan.

Bagi pihak tertuduh-tertuduh, hujahan dibuat supaya sabitan mereka diketepikan dan juga untuk hukuman Tertuduh Kedua dikurangkan.

>> Muka 5



RENCANA
PELIHARA, lestari Taman Rekreasi Hutan Berakas
Muka 27

STATISTIK COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 18 JUN 2021, 12.00 tengah hari

252

Jumlah kes jangkitan

136,567

Jumlah keseluruhan ujian makmal (sejak Januari 2020)

3

Jumlah kematian

20,138

Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)

243

Jumlah kes yang sembuh

6

Kes aktif

Ministry of Health, Brunei Darussalam | mohbrunei | www.moh.gov.bn

Patuhi piawaian keselamatan di tempat kerja

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Selamat Pagi

ALHAMDULILLAH, syukur kita panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana di atas limpah kurnia, rahmat dan taufik serta izin-Nya jua, membolehkan kita semua hadir berkumpul di Majlis Sambutan Minggu Keselamatan dan Kesihatan 2021 pada pagi ini. Terlebih dahulu, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak penganjur kerana dapat mengadakan majlis seumpama ini dan terima kasih di atas kesudian pihak penganjur menjemput saya hadir selaku tetamu kehormat di majlis pada pagi ini.

Krisis pandemik COVID-19 telah memberi kesan atau impak terhadap pelbagai sektor pekerjaan di seluruh dunia tidak terkecuali impak yang *significant* ke atas industri pembinaan.

Industri pembinaan tetap akan terus memainkan peranan penting dalam pembangunan semula ekonomi global setelah krisis pandemik COVID-19 ini berakhir dan secara berterusan dengan menghasilkan lebih banyak tenaga pekerja dengan persekitaran industri yang cekap dan inklusif serta berdaya tahan dalam menyediakan pekerjaan yang bersesuaian untuk industri ini.

Pengalaman negara kita, bagi menangani keadaan ancaman penularan pandemik Koronavirus ini, memerlukan dengan segera sebuah Bangunan Pengasingan Kebangsaan iaitu National Isolation Centre, NIC pada bulan Mac tahun lepas. Ini merupakan satu keadaan yang belum pernah kita hadapi sebelumnya, khususnya di dalam pembinaan di mana keperluan perkhidmatan tenaga pekerja menghendaki bekerja di dalam keadaan norma baru atau *new normal* tanpa mengabaikan Occupational Safety and Health Procedure yang telah ditetapkan.

Prosedur kesihatan dan keselamatan cara kerja

Alhamdulillah, bangunan yang diperlukan itu telah dapat disiapkan dalam tempoh masa dua minggu sahaja tanpa ada sebarang kemalangan atau kejadian yang berbahaya dilaporkan.

Ini membuktikan di dalam apa jua situasi pun, Occupational Safety and Health (OSH) tetap menjadi satu keutamaan di dalam kerja-kerja pembinaan dan semua pihak untuk sentiasa mengukuhkan lagi sistem OSH dengan mengambil kira langkah-langkah kawalan keselamatan dan kesihatan serta pengurusan tenaga pekerja terutama sekali di dalam situasi pandemik COVID-19 yang kita hadapi pada masa ini.

Tema bagi sambutan Workplace Safety and Health tahun 2021 ini iaitu *'Anticipate, prepare and respond to crisis : Invest now in resilient occupational safety and health systems'*, yang memfokuskan strategi memperkukuh lagi sistem Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Nasional yang berdaya tahan dan bersedia siaga menghadapi krisis seperti yang kita hadapi sekarang ini dan yang serupa di masa hadapan, dengan memanfaatkan apa jua yang telah dipelajari dan pengalaman dari pelbagai bidang pekerjaan.

Menurut perangkaan dari Bahagian Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar, Jabatan Kerja Raya, penyediaan Project Safety and Health Plan bagi projek-projek binaan menunjukkan peningkatan sebanyak 3.7 peratus pada tahun 2020 berbanding pada tahun 2019.

Dan statistik kemalangan di industri pembinaan di negara kita merekodkan, sebanyak 84 kes pada tahun 2020 berbanding dengan 69 kes kemalangan pada tahun 2019 iaitu meningkat sebanyak 21.7 peratus. Manakala, kes kemalangan yang menyebabkan kematian di tapak binaan merekodkan tujuh kes kematian pada tahun 2019 dan enam kes kematian pada tahun 2020.

Walaupun berbagai usaha bagi

mengurangkan kes-kes kemalangan di tapak bina telah dibuat oleh agensi-agensi dan pihak-pihak yang terlibat, namun kemalangan di industri pembinaan masih juga berlaku dan belum dapat dikurangkan. Perkara ini hendaklah diambil perhatian yang serius oleh pihak-pihak yang berkenaan dan kita perlu bekerja keras bagi meningkatkan lagi rasa kesedaran tentang pentingnya menjaga keselamatan dan kesihatan di tempat kerja binaan seperti menjadikan *safety auditing* satu kemestian, memperkukuhkan sistem pemantauan dan juga mengadakan latihan-latihan khusus di dalam aspek-aspek keselamatan di tapak bina secara berterusan.

Antara jenis kemalangan yang berlaku di industri pembinaan di negara ini adalah seperti: jatuh dari tempat tinggi (*falling from height*), ditimpa benda, kelemahan atau kecauan dalam mengendalikan jentera berat serta terkena peralatan atau mesin. Perkara ini amatlah membimbangkan dan juga merugikan serta menjejaskan pihak-pihak yang berkenaan terutamanya ahli keluarga mangsa.

Kes-kes kemalangan di tapak pembinaan ini adalah berpunca dari ketidakpatuhan dan kegagalan dalam memenuhi kehendak perundangan serta amalan atau piawaian keselamatan dan kesihatan tempat kerja. Antaranya seperti tidak mengamalkan pemakaian Peralatan Perlindungan Diri (PPE) yang sepatutnya, penggunaan peralatan yang kurang sesuai, pemasangan peralatan yang tidak mengikut prosedur khususnya bagi kerja-kerja *working at heights* dan sebagainya.

Saya difahami, Jabatan Kerja Raya, melalui Bahagian Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar, telah dan sentiasa melaksanakan pemeriksaan serta audit keselamatan bagi projek-projek yang dikendalikan oleh Jabatan Kerja Raya bagi memastikan segala keperluan piawaian keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dipatuhi, khususnya di tapak-tapak pembinaan bagi mengelakkan kemalangan.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar ketika berucap pada Minggu Keselamatan dan Kesihatan 2021 Jabatan Kerja Raya Brunei Darussalam di Dewan Atria Simpung, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya pada Isnin, 25 Syawal 1442H / 7 Jun 2021M.

Terdahulu dari itu, pihak Jabatan Kerja Raya juga mensyaratkan HSE Bill of Materials dan HSE Specification dimasukkan ke dalam semua tawaran-tawaran kerja binaan agar pihak kontraktor dapat menyediakan keperluan yang dikehendaki sebelum melaksanakan apa-apa jua projek.

Selain dari itu, pada tahun 2019, sebanyak 122 pemeriksaan telah dilaksanakan di tapak-tapak pembinaan, manakala 150 pemeriksaan pada tahun 2020 dibuat oleh Bahagian HSE, Jabatan Kerja Raya. Berdasarkan pemeriksaan berkenaan, didapati masih banyak syarikat/kontraktor yang tidak mempunyai orang yang kompeten (*competence person*) sama ada Workplace Safety and Health Officer dan / atau Workplace Safety and Health Co-Ordinator bagi menguruskan aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja khususnya di tapak-tapak pembinaan.

>> Muka 9



WAKTU SEMBAHYANG

JUN MASIHI	HARI	ZULKAEDAHI HAJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
19	SABTU	8	4.34	4.44	6.09	6.34	12.23	3.49	6.34	7.50
20	AHAD	9	4.35	4.45	6.10	6.34	12.23	3.49	6.34	7.50
21	ISNIN	10	4.35	4.45	6.10	6.34	12.23	3.49	6.34	7.50
22	SELASA	11	4.35	4.45	6.10	6.34	12.23	3.49	6.34	7.50
23	RABU	12	4.35	4.45	6.10	6.34	12.24	3.50	6.35	7.51
24	KHAMIS	13	4.36	4.46	6.11	6.35	12.24	3.50	6.35	7.51
25	JUMAAT	14	4.36	4.46	6.11	6.35	12.24	3.50	6.35	7.51

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU		AHAD		ISNIN	
Bandar Seri Begawan	31 24 °C	30 24 °C	30 24 °C	30 24 °C	30 24 °C
Pekan Bangar	30 24 °C	30 24 °C	30 24 °C	30 24 °C	30 24 °C
Pekan Tutong	31 24 °C	30 24 °C	30 24 °C	30 24 °C	30 24 °C
Kuala Belait	31 24 °C	30 24 °C	30 24 °C	30 24 °C	30 24 °C

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG

19 JUN 2021

Hadapi cabaran, depan kemajuan

PENJAWAT awam sebagai nadi utama dalam Perkhidmatan Awam hendaklah berterusan siaga menghadapi apa saja cabaran-cabaran dunia yang kompleks. Perkhidmatan Awam adalah pemacu utama pada pertumbuhan dan pembangunan negara.

Setiap penjawat awam perlu berfikir progresif dan kreatif ke arah penambahbaikan kualiti perkhidmatan. Tanggungjawab ini tidak hanya digalas oleh Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai agensi *focal*.

Ia adalah tanggungjawab bersama setiap agensi kerajaan melalui pendekatan Whole of Government bersama pihak-pihak berkepentingan melalui pendekatan Whole of Nation ke arah sama-sama mencapai hasrat Wawasan Brunei 2035.

Landskap Perkhidmatan Awam semakin berubah di peringkat serantau dan antarabangsa. Untuk mendepani kemajuan juga perkembangan yang bergerak pantas ini, adalah perlu bagi Perkhidmatan Awam untuk mengambil langkah pemodenan, bersifat transformatif dan *future ready*.

Salah satu cabaran yang dikenal pasti dalam Perkhidmatan Awam adalah memfokuskan pada usaha-usaha dalam pengurusan sumber manusia yang terbaik melalui transformasi proses manual menjadi sistem sumber manusia.

Langkah yang perlu dilangkaui adalah dengan memikirkan semula strategi pengurusan sumber manusia dan dengan adanya Sistem Sumber Manusia (SSM) yang diunggakahkan oleh JPA sebagai Projek Fiscal Consolidation bersama Kementerian Kewangan dan Ekonomi diharap akan dapat mengatasi cabaran-cabaran ini.

Satu lagi cabaran dinamik dalam Perkhidmatan Awam adalah mengkaji semula pengurusan bakat (*talent management*) bagi semua peringkat Perkhidmatan Awam. Ini merupakan usaha untuk mencapai perancangan, pengurusan dan perkembangan sumber manusia yang lebih mampan dan berdaya tahan.

Dengan adanya salah satu usaha JPA melalui pelaksanaan Program Kepimpinan Perkhidmatan Awam (Civil Service Leadership Pipeline - CSLP) sebagai Projek Flagship Kepimpinan dalam Perkhidmatan Awam akan dapat melahirkan barisan pemimpin yang berkualiti dan berkaliber.

Pada masa yang sama, akan dapat menerajui kepimpinan dalam Perkhidmatan Awam dalam jangka masa pendek dan panjang. Semua ini merupakan usaha yang murni dan diharap akan dapat membuahkan hasil yang diharapkan.

Berikut antara inti pati ucapan daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abd Mokti bin Haji Mohd. Daud pada Jerayawara Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), di Dewan Utama Kompleks Kemasyarakatan Daerah Tutong.

Penjawat awam adalah nadi utama Perkhidmatan Awam, perlu sia siaga menghadapi segala cabaran, penjawat awam perlu berfikir progresif, kreatif ke arah penambahbaikan juga kualiti perkhidmatan.

Perkhidmatan awam pemacu utama pertumbuhan dan pembangunan negara, setiap agensi kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan bertanggung jawab sama, dalam mencapai hasrat Wawasan Brunei 2035.

Landskap Perkhidmatan Awam berdepan perubahan, untuk mendepani kemajuan dan perkembangan, Perkhidmatan Awam perlu ambil langkah pemodenan, transformatif juga *future ready* yang dijangka berpatutan.

Pelbagai cabaran dihadapi, pelbagai usaha dibuat bagi mengatasi, mencapai perancangan, pengurusan juga perkembangan sumber manusia yang lebih mampan dan berdaya tahan kini, melahirkan barisan pemimpin yang berkualiti dan berkaliber. - **Ketua Penyuntingan (Nb)**.

CIPTA : Platform inovasi, aspirasi, penciptaan teknologi



Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Masri Osman, Hamzah Mohidin

>> Muka 1

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dijunjung oleh Menteri Tenaga, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien; Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh; Naib Canselor UTB, Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman; dan Pengarah Urusan dan Ketua

Pegawai Eksekutif Syarikat Brunei LNG Sendirian Berhad, Dayang Hajah Farida binti Dato Seri Paduka Haji Talib.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Acara disusuli dengan sembah alu-aluan Naib Canselor UTB, diikuti dengan persembahan multimedia dan pengaktifan

mekanisme piala CIPTA.

Seperti pada dua tahun yang lalu, barisan panel hakim sepakat dalam memutuskan bahawa tiada pemenang yang layak menerima Piala Anugerah Pengiran Muda Mahkota 2021, di mana syaratnya ialah projek berkenaan mestilah menyerlah berbanding projek lain dan mempunyai kualiti cemerlang juga mestilah mencapai markah keseluruhan sekurang-kurangnya 90 peratus.

Ringkasan penilaian keseluruhan ketua pengadil bagi penyertaan CIPTA 2021, diikuti dengan pengumuman pemenang pertandingan yang disembahkan oleh salah seorang hakim tempatan yang mewakili Komiti

Teknikal CIPTA 2021, Pengiran Rafidah binti Pengiran Haji Petra.

Pertandingan pada kali ini, menerima sebanyak 67 penyertaan, di mana daripada jumlah tersebut, 51 adalah penyertaan dari dalam negara dan 16 dari negara ASEAN.


Pada majlis itu, DYTMM selaku Penaung Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2021 berkenan mengurniakan hadiah berupa wang tunai, piala dan sijil kepada semua peserta pertandingan.

DYTMM berkenan menyempurnakan pengurniaan hadiah-hadiah kepada para pemenang Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2021

tiada pemenang tempat pertama dan kedua bagi Kategori Ciptaan Produk, Proses atau Teknologi Baharu.

Projek 'Smart Fish System - Water Quality Management System for Red Tilapia Rear in Poly Tank', ciptaan Dayang Roshartiney binti Haji Damit, Awang Haji Ismit bin Haji Mohamad dan Dr. Dayang Wida Susanty binti Haji Suhaili selaku Penyelia dari UTB memenangi Kategori Pengubahsuaian Produk, Proses Atau Teknologi Yang Sedia Ada. Mereka menerima wang tunai BND6,000, sijil dan piala.

>> Muka 4



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah menyempurnakan pengurniaan hadiah-hadiah kepada para pemenang Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2021 (kiri, atas dan bawah kiri).



BACAAN Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar (atas), sementara gambar kiri, para hadirin menadah tangan ketika doa dibacakan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan bergambar ramai bersama pemenang-pemenang Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2021.

>> Muka 3

Tiada pemenang tempat pertama bagi Kategori Ciptaan Baharu atau Pengubahsuaian Produk, Proses Atau Teknologi Sedia Ada bagi Pencipta Muda. Tempat kedua dimenangi oleh Awang Wesley Onn Wei Rong bersama Penyelia Johary bin Haji Mohammad dengan Projek 'Poseidon'. Mereka menerima wang tunai BND2,000, sijil

dan piala.

Kategori Smart Junior Competition dimenangi oleh Rubbish Rewards ciptaan, Awang Abdullah bin Haji Ahmad Yazid, Awang Muhammad Hashim Dzulkarnain bin Muhammad Redzuan Sani, Dayang Nuraqilah binti Ariffin dan Awang Muhd. Fauzan bin Awang Damit selaku Penyelia dari Sekolah Menengah Berakas. Mereka menerima wang tunai BND1,000, sijil dan piala.

Pertandingan CIPTA (Creative, Innovative Product and Technological Advancement) bermula sejak tahun 2005 dan merupakan majlis kesembilan yang dianjurkan oleh UTB dengan kerjasama Syarikat Brunei LNG Sdn. Bhd., sebagai rakan kongsi dan penaja utama sejak tahun 2011.

DYTM kemudian berkenan menerima pesambah daripada Jawatankuasa CIPTA 2021 yang

disembahkan oleh Naib Canselor UTB sebelum DYTM dijunjung untuk menyaksikan pameran dan berinteraksi bersama pemenang-pemenang pertandingan CIPTA. Buat pertama kalinya, majlis ini diadakan dalam Minggu Teknologi Digital, iaitu salah satu tema bagi Brunei Mid-Year Conference and Exhibition (MYCE).

Bersempena dengan anugerah berkenaan juga, Siri Seminar CIPTA 2021 akan berlangsung mulai Jumaat, 18 Jun 2021 hingga Ahad, 20 Jun 2021 bertempat di Dewan Persidangan, ICC, Berakas.

Siri seminar tiga hari itu akan memuatkan Seminar Eksekutif CIPTA 2021 dengan temanya 'Inovasi untuk Masyarakat 5.0'; Sesi Perkongsian bersama pemenang-pemenang anugerah dengan tema 'Mengembangkan Aura Kemenangan', di mana pemenang-pemenang akan berkongsi pengalaman mereka dan Forum CIPTA 2021 bertema 'Pemanduan Inovasi Ekosistem'.

Sementara projek-projek yang memenangi anugerah tersebut akan dipamerkan di Galeri UTB, mulai 21 Jun 2021 dan dibukakan untuk orang ramai.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan berangkat ke Majlis Santap bersama pemenang-pemenang anugerah (kiri), sementara gambar kanan, antara yang hadir pada Majlis Santap tersebut.

ANUGERAH CIPTA LAHIRKAN PENCIPTA BERINOVASI, KREATIF

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Masri Osman, Hamzah Mohidin

BERAKAS, Rabu, 16 Jun. - Pertandingan Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota mampu menjana inovasi dan menyediakan platform yang boleh menghasilkan ciptaan dan inovasi yang berkualiti tinggi, sekali gus boleh bertindak sebagai dorongan untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat yang celik teknologi.

Berucap demikian di Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2021, yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB), Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman dalam sembah

alu-aluannya, seterusnya menjelaskan, tema bagi Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2021 adalah 'Innovations for Society 5.0' atau 'Inovasi untuk Masyarakat 5.0', yang sentral kepada tema, disebut sebagai masyarakat *super* pintar, saling menghubungkan talian dengan *offline* yang memberi impak pada sistem sosioekonomi inklusif yang lestari, dikuasakan oleh teknologi, seperti analisis data, Artificial Intelligence (AI), Internet of Things (IOT) dan robotik.

Dengan erti kata yang lain, teranginya, transformasi digital yang mempunyai lanskap meluas untuk mengubah cara hidup kita dengan menangani cabaran sosial untuk jarak masa yang

panjang.

Menurutnya, tema pada tahun ini juga, selaras dengan inspirasi Wawasan Brunei 2035 dalam melahirkan tenaga kerja yang kreatif dan berinovasi, berkemahiran dalam bidang sains dan teknologi untuk memastikan kualiti hidup yang cemerlang juga menuju ke arah ekonomi yang makmur dan mampan.

"Walaupun global pandemik COVID-19 belum berakhir, pertandingan pada kali ini menunjukkan peningkatan penyertaan, iaitu 51 adalah penyertaan dari dalam negara dan 16 dari negara ASEAN.

"Penyertaan dalam kategori Smart Junior dan ASEAN's New Invention and Innovation adalah sangat menggalakkan.

Alhamdulillah, pada pertandingan kali ini, penganjur telah menerima 26 penyertaan daripada pelajar-pelajar sekolah, ia menunjukkan satu perkembangan positif ke arah memupuk minda berinovasi dan kreatif dalam kalangan belia," tambahnya.

Manakala penyertaan negara-negara ASEAN tegasnya, boleh menjadi pemangkin kepada persaingan peserta dalam negeri dan menjadi petanda aras kepada kualiti penyertaan di setiap pertandingan Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota.

Justeru, UTB sebagai salah satu institusi pengajian tinggi di negara ini memainkan peranan penting untuk memangkin pembangunan lestari dalam ekosistem inovasi.



NAIB Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) ketika menyampaikan sembah alu-aluan.

COVID-19 : 1 kes import baharu

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan
Infografik : Bahagian Pelita Brunei

>> Muka 1

Menurut Kementerian Kesihatan lagi, alhamdulillah, dua kes telah sembuh hari ini manakala enam kes aktif masih menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan kesemua kes yang sedang menjalani pengasingan tersebut adalah dalam keadaan yang baik menjadikan keseluruhan kes yang sembuh setakat ini seramai 243 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 642 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 20,138 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 503 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 136,567 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.



Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Jun. - Sebanyak BND3,000 diterima oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke

Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Homeira Rigi Zirouki bagi Tabung Kemanusiaan Palestin 2021, yang berlangsung di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), di sini.

Turut hadir menyaksikan penyerahan derma tersebut, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) dan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa berbual bersama Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam pada majlis berkenaan.

KEPUTUSAN KES RAYUAN DIBUAT SEBELUM 7 JULAI



KES rayuan bagi Ramzidah binti Pehin Datu Kesuma Diraja Kol. (B) Haji Abdul Rahman (Tertuduh Pertama) dan Haji Nabil Daraina bin Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin (Tertuduh Kedua) berakhir hari ini, di Mahkamah Rayuan (kanan dan kiri).

>> Muka 1

Pendakwa Raya diwakili oleh Dato Seri Setia Davinder Singh S.C yang hadir secara talian dari Singapura dan dibantu oleh Timbalan Pendakwa Raya, Hajah Suriana Haji Radin, Dk.

Didi-Nuraza Pengiran Haji Abdul Latiff dan Muhammad Qamarul Affyian bin Abdul Rahman dari Pejabat Peguam Negara yang hadir di Mahkamah Negara Brunei Darussalam.

Para peguam dari Davinder Singh Chambers LLC, iaitu Navin

Thevar, David Fong, Tan Ruo Yu dan Srruthi Ilankathir juga turut membantu.

Simon Farrell QC yang mewakili kedua-dua tertuduh hadir melalui talian dari United Kingdom dan dibantu oleh Sheikh Noordin bin Sheikh Mohammad.

Sumbangan derma bantu Palestin

YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menerima sumbangan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam bagi Tabung Kemanusiaan Palestin 2021.

Kebudayaan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari dan Timbalan Duta Besar Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam, Dayang Afsaneh Ebrahimi.

Tabung Kemanusiaan Palestin 2021 dibukakan kepada orang ramai selama tiga bulan sejak 26 Mei hingga 23 Ogos 2021, merupakan sebuah platform yang disediakan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk membuka peluang kepada orang ramai untuk menyumbangkan derma berbentuk kewangan secara langsung dan terus juga bagi membolehkan pelbagai pihak untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti amal dan berkebajikan demi



meringankan beban mangsa-mangsa di Palestin.

Orang ramai yang berhasrat untuk memberikan sumbangan derma berbentuk kewangan boleh berbuat demikian melalui tabung-tabung yang disediakan di masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat; bangunan-bangunan bank; gedung-gedung perniagaan dan bangunan-bangunan awam di seluruh negara.

Derma juga boleh dihantar secara talian melalui akaun Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), akaun nombor 00-00-001-01-0072082 atau dihantar terus kepada pihak Urus Setia Tabung Kemanusiaan Palestin 2021, di Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran, Tingkat 2, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Bangunan KKBS, Jalan Kebangsaan, pada waktu pejabat.

Sumbangan juga boleh dihantar melalui perkhidmatan SMS dengan

menaip BANTU (tanpa jarak), diikuti dengan jumlah 1, 5, 10, 15, 20, 50 atau 100 dan hantar ke talian 38111 bagi pelanggan Datastream Digital Sendirian Berhad (DST) dan Progresif Sendirian Berhad juga hantar ke talian 39999 bagi pelanggan Imagine Sendirian Berhad sehingga 23 Ogos 2021.

Bagi mana-mana pihak yang berhasrat untuk menyediakan peti tabung bagi mengadakan kutipan amal, boleh mendapatkan pelekat khas daripada pihak Urus Setia Tabung Kemanusiaan Palestin 2021 di alamat yang disebutkan di atas pada waktu pejabat.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini, boleh menghubungi pihak Urus Setia Tabung Kemanusiaan Palestin 2021 menerusi talian +673 2381903 sambungan 1341 atau 1213 atau 1215, pada waktu pejabat atau e-mel ke info@japem.gov.bn.

BRUNEI MYCE 2021

MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION

BERAKAS, Khamis, 17 Jun. - Acara Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (MYCE) 2021 diteruskan lagi pada minggu ketiga dengan Pameran Minggu Teknologi Digital yang membawa tema 'Negara Pintar melalui Transformasi Digital' selaras dengan visi Pelan Induk Ekonomi Digital 2025.

Pelancarannya disempurnakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong dan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Minggu Teknologi Digital yang diadakan bermula 17 hingga 20 Jun 2021 ini mengetengahkan pelbagai acara berbentuk pameran, persidangan, dialog dan pertandingan yang memfokuskan kepada perkembangan dan potensi teknologi digital.

Pameran Minggu Teknologi Digital disertai oleh 13 agensi dari sektor kerajaan juga swasta mempamerkan inisiatif dan produk yang mendukung transformasi digital.

Antara peserta pameran adalah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Jabatan Perdana Menteri, Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC),

■ **MINGGU Teknologi Digital yang diadakan bermula 17 hingga 20 Jun 2021 ini mengetengahkan pelbagai acara berbentuk pameran, persidangan, dialog dan pertandingan yang memfokuskan kepada perkembangan dan potensi teknologi digital.**

■ **PERKHIDMATAN EGNC melalui Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 (RKN11), iaitu One Government Private Cloud 3 (OGPC3), National Centralized Database (NCDB) dan juga National Information Hub (NIH) dilancarkan.**

DUKUNG TRANSFORMASI DIGITAL



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi ketika merasmikan Pameran Minggu Teknologi Digital (kiri), manakala gambar kanan, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi meninjau petak pameran.



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Institut Perkhidmatan Awam, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI), Cyber Security Brunei (CSB), syarikat-syarikat pembekal perkhidmatan digital, termasuk DST Digital, Imagine Sdn. Bhd. dan Progresif Sdn. Bhd., IT Protective Security Services Sdn. Bhd. (ITPSS), Dinamik Technologies dan ASDS Sdn. Bhd. dan eSports Association.

Penyertaan AITI dalam Pameran Minggu Teknologi Digital menampilkan Pameran Pengalaman 5G, yang merupakan salah satu usaha berterusan AITI dalam meningkatkan kesedaran mengenai impak

ekonomi dari 5G dan peluang-peluang daripada pelbagai aplikasi 5G ke arah inovasi dan transformasi digital. Pameran ini yang mempunyai konsep rumah pintar (*smart home*) bagi meluaskan pengetahuan dan pengalaman mengenai bagaimana 5G boleh membantu dalam meraih manfaat-manfaat daripada transformasi digital melalui demonstrasi interaktif secara langsung.

Semasa mengunjungi pameran berkenaan, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi melancarkan Pelan Strategik AITI 2020 - 2025. Pelan Strategik AITI ini bertujuan untuk mendukung usaha mencapai hasil-hasil strategik Pelan Induk Ekonomi Digital 2025.

Semasa pameran ini, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi turut melancarkan tiga perkhidmatan EGNC melalui Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 (RKN11), iaitu One Government Private Cloud 3 (OGPC3), National

Centralized Database (NCDB) dan juga National Information Hub (NIH).

Perkhidmatan OGPC3 merupakan projek yang melibatkan penambahan pada kapasiti berserta peningkatan teknologi Cloud Computing yang terkini untuk menampung keperluan daripada agensi-agensi kerajaan yang kian meningkat.

Manakala perkhidmatan National Centralised Database (NCDB) adalah perkhidmatan yang melengkapi perkhidmatan infrastruktur Cloud yang akan memberikan perkhidmatan infrastruktur database secara pusat yang dikenali sebagai *database as a service* untuk kegunaan jabatan-jabatan atau kementerian-kementerian yang memerlukan perkhidmatan perisian database.

Dengan adanya NCDB, perkhidmatan ini membolehkan EGNC membekalkan

perkhidmatan platform NIH bagi penyimpanan data umum seperti nama, alamat, nombor kad pintar dan sebagainya. Ini akan memudahkan perkongsian data integrasi di antara sistem-sistem aplikasi kerajaan.

Di samping itu, EGNC juga turut mempamerkan muka baharu Laman Sesawang www.gov.bn, di mana antara lain ciri-ciri baharu yang diperkenalkan ialah *e-Participation* yang membolehkan orang ramai untuk menyuarakan pendapat secara dalam talian melalui tinjauan, kajian audiens juga kolaborasi secara digital.

Minggu Teknologi Digital dianjurkan bersama oleh MTIC, Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan InfoCom Federation Brunei (IFB) dan disokong oleh EGNC, AITI, CSB, ITPSS dan Dinamik Technologies Sdn. Bhd.



YANG Berhormat semasa melihat dengan lebih dekat Typing Tutorial Application terbitan Usaha Bersama Maju (UBM), antara yang diketengahkan pada pameran berkenaan.

BERAKAS, Khamis, 17 Jun. - Lebih daripada 100 Ahli BICTA Alumni terdiri daripada peserta dan hakim terdahulu menghadiri acara perkumpulan Brunei ICT Awards (BICTA) Alumni yang julung kalinya diadakan.

Acara BICTA Alumni ini yang diadakan semasa Minggu Teknologi Digital dianjurkan bersama oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, AITI juga IFB

bertujuan untuk memberikan penghargaan kepada mereka yang menyumbang pada kedayatahan BICTA sejak ia ditubuhkan.

Majlis pelancarannya disempurnakan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, berlangsung di

Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof selaku Pengerusi Bersama Pertama, Jawatankuasa Pandu BICTA; Setiausaha-Setiausaha Tetap; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap; wakil-wakil sektor kerajaan juga swasta.

Dalam ucapan alu-aluannya, Awang Haji Mohammad Nazri mengongsikan antara objektif utama BICTA Alumni adalah untuk memantau perkembangan produk-produk peserta BICTA sebelum ini dan mengukuhkan peranan BICTA sebagai wadah bagi peserta-peserta BICTA untuk berhubung bersama pemimpin industri, perniagaan, pakar teknikal dan pelabur.

Sehingga ke hari ini, tambah beliau, lebih daripada 30 peserta BICTA yang lalu mempunyai produk aktif. Sekurang-kurangnya lima produk telah melangkaui pasaran Brunei, antaranya ialah MindTrex, AgromelQ, Mars ERP, Islamic Brunei Educator dan Al-Huffaz Management.

Melihat sejauh mana produk-produk ini berjalan jelasnya, BICTA sememangnya

berfungsi sebagai platform yang menggalakkan untuk pengembangan produk ICT yang inovatif.

Sementara itu, Dr. Yong Chee Tuan, salah seorang daripada perintis BICTA, di dalam ucapannya, mengongsikan bahawa BICTA Alumni dapat menjadi pemangkin kepada perkembangan perniagaan yang inovatif dan menyumbang pada perkembangan sosial dan ekonomi Negara Brunei Darussalam dengan sokongan berterusan daripada pihak kerajaan yang berkepentingan.

Dr. Yong Chee Tuan juga menggalakkan para alumni untuk terus berhubung secara aktif untuk meningkatkan industri dan memperkayakan komuniti secara keseluruhannya.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi juga mengadakan lawatan ke pameran produk-produk Ahli-ahli BICTA Alumni. Perkumpulan alumni ini diakhiri dengan sesi perkongsian pengalaman oleh peserta-peserta BICTA terdahulu.

Sejak BICTA ditubuhkan pada tahun 2004, sebanyak 369 peserta dan hakim telah direkodkan, di mana 245 telah mendaftar sebagai Ahli BICTA Alumni.

Kukuhkan peranan BICTA

Pendaftaran bolehlah dibuat melalui Laman Sesawang BICTA www.bicta.gov.bn.

Turut diadakan bersama pada hari tersebut adalah Pertandingan Low Code yang dianjurkan oleh Dinamik Technologies Sdn. Bhd. Pertandingan ini bertujuan untuk menjana kesedaran mengenai perkembangan Low Code di Negara Brunei Darussalam yang berupaya untuk membentuk pelbagai aplikasi baharu untuk inisiatif digital.

Brunei MYCE 2021 merupakan inisiatif Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi menarik pasaran MICE (Meetings, Incentives, Conferences and Events), khususnya, *business travelers* ke Negara Brunei Darussalam. Ia memfokuskan kepada acara-acara berbentuk persidangan, seminar, forum, bengkel dan pameran atau ekspo dengan objektif utamanya untuk menggalakkan perkongsian ilmu juga meningkatkan aktiviti perniagaan dan *networking* dalam kalangan pakar-pakar juga para pengusaha dari dalam dan luar negara.

Untuk maklumat lanjut, sila layari Laman Sesawang <https://www.brunetourism.com/brunei-myce/> dan ikuti akaun Instagram @bruneimyce.

Pelan Strategik AITI 2020 - 2025 dilancarkan

Siaran Akhbar dan Foto : Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam

matlamat strategik dan objektif strategik.

Pelancaran Pelan Strategik AITI 2020 - 2025 itu disempurnakan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof semasa lawatannya di booth AITI sempena Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (MYCE) 2021.

Turut hadir, Menteri Sumber-Sumber Utama dan

Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apeng.

Pelan Strategik AITI dikembangkan untuk mendukung dalam merealisasikan hasil yang digariskan dalam Pelan Induk Ekonomi Digital 2025.

Selain itu, ia sejajar dengan objektif strategik Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) 2025 yang berkaitan dengan pengembangan sektor informasi maklumat.

Di bawah visi 'Connected Smart Nation', Pelan Strategik AITI bertujuan untuk mencapai tiga hasil strategik, iaitu Industri Digital Yang Berjaya; Negara Yang Terhubung; dan Masyarakat Yang Diperkaya Secara Digital.

Hasil strategik disokong oleh tiga tonggak strategik yang meliputi Memudahkan Pengembangan dan Inovasi Industri Digital; Mengupayakan Persekitaran Peraturan dan Infrastruktur Digital



Yang Kondusif; dan Memperkasakan Perniagaan dan Masyarakat Dengan Kemampuan Digital, yang dikendalikan oleh rakyat, proses dan teknologinya yang secara kolektif ditakrifkan sebagai kecemerlangan organisasi.

Aspirasi Pelan Strategik AITI 2020 - 2025 membentuk semula pendekatan AITI dalam mendekati rakyat dengan bekerjasama dengan pemain utama dalam industri dan masyarakat untuk memastikan set program yang tepat untuk dikenal pasti dan dilaksanakan untuk keberkesanan kemajuan.

Dengan sektor digital terus berkembang, arah strategik menyeluruh yang ditetapkan dalam Pelan Strategik AITI akan memungkinkan ruang untuk perubahan sejajar dengan persekitaran yang cepat berubah.

Pengukuran secara berkala terhadap sasaran strategik dan pencapaiannya adalah kunci keberhasilan pelaksanaan strategik serta memungkinkan kajian semula strategik dan pendekatan untuk memperbaiki, menyusun semula dan mengikuti perkembangan teknologi.

Pelan Strategik AITI 2020 - 2025 boleh diakses di <https://www.aiti.gov.bn/SitePages/strategicplan.aspx>.

MAJUKAN AGENDA DIGITAL, INOVASI

**Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ihsan
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi**

BERAKAS, Khamis, 17 Jun. - Seiring dengan Revolusi Industri Keempat, bidang bioteknologi juga menjadi kunci untuk membantu usaha-usaha pemulihan ekonomi pasca COVID-19, di mana Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) merupakan kunci utama dalam memastikan kejayaan jangka panjang strategi vaksinasi dan pemulihan COVID-19.

Perkara tersebut disuarakan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri

Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof semasa menghadiri The 11th Informal ASEAN Ministerial Meeting on Science, Technology and Innovation (IAMMSTI-11), yang berlangsung menerusi sidang video.

Pada edisi kali ini mesyuarat IAMMSTI-11 dipengerusikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Sains, Penyelidikan dan Inovasi, Thailand, Tuan Yang Terutama Dr. Anek Laothamatas, antara lain menyentuh mengenai laporan Mesyuarat 79th Committee on

Science, Technology and Innovation (COSTI-79) yang dipersetujui oleh Ahli-ahli IAMMSTI.

Pada mesyuarat yang turut dihadiri oleh wakil-wakil negara-negara ASEAN tersebut, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi mengongsikan mengenai impak COVID-19 telah memberikan Negara Brunei Darussalam peluang untuk memajukan agenda digital dan inovasi juga penyebaran perkhidmatan digital telah pun dipercepat dalam usaha meningkatkan respons dan pemulihan daripada kesan COVID-19, di samping bertukar

fikiran mengenai kerjasama untuk menanganinya.

Yang Berhormat, turut menzahirkan sokongan akan projek-projek cadangan dari negara anggota ASEAN dalam bidang yang dapat menyumbangkan kepada penguatan daya tahan dan kesiapsiagaan wilayah terhadap COVID-19.

Terdahulu, turut bersidang ialah Mesyuarat ASEAN COSTI-79 bermula pada 15 hingga 16 Jun 2021, di mana dihadiri oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof selaku Pengerusi Negara Brunei Darussalam bagi ASEAN COSTI.

Pada Mesyuarat ASEAN COSTI-79 yang dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pengajian Tinggi, Sains, Penyelidikan dan Inovasi, Thailand, Profesor Sirirug Songsivilai membincangkan perkara-perkara berkaitan 'Endorsement of projects that build up the capability of ASEAN



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi ketika menghadiri The 11th Informal ASEAN Ministerial Meeting on Science, Technology and Innovation (IAMMSTI-11).

to combat COVID-19', 'Implementation of a Summer School for High Performance Computing', 'Establishment of a Technology Management Hub' dan 'Implementation of projects addressing the Sustainable Development Goals'.

Hadir sama, Setiausaha Tetap MTIC, Awang Haji Mohammad Nazri; Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) MTIC, Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim; Pengerusi Board of Advisors kepada COSTI (BAC), Jawatankuasa - Jawatankuasa Kecil (Sub-Committees), di bawah COSTI juga oleh pegawai-pegawai kanan di MTIC.





YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ketika ucapan.

TUTONG, Khamis, 17 Jun. - Landskap Perkhidmatan Awam adalah semakin berubah di peringkat serantau dan antarabangsa. Untuk mendepani kemajuan dan perkembangan yang bergerak pantas ini, adalah perlu bagi Perkhidmatan Awam itu untuk mengambil langkah pemodenan dan bersifat transformatif dan *future ready* pada masa hadapan.

Demikian yang ditekankan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud dalam ucapannya pada Jerayawara Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di Dewan Utama Kompleks Kemasyarakatan Daerah Tutong, di sini.

Salah satu cabaran yang dikenal pasti di dalam Perkhidmatan Awam jelasnya, adalah memfokuskan kepada usaha-usaha dalam pengurusan sumber manusia yang terbaik melalui transformasi proses manual menjadi sistem sumber manusia. Langkah yang perlu dilangkaui adalah dengan

LAHIRKAN BARISAN PEMIMPIN BERKALIBER, BERKUALITI

Oleh : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

memikirkan semula strategi pengurusan sumber manusia dan apa yang diharapkan dengan adanya Sistem Sumber Manusia (SSM) yang diunkayahkan oleh JPA sebagai Projek Fiskal Consolidation bersama Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan dapat mengatasi cabaran-cabaran ini.

Di samping itu, katanya, satu lagi cabaran dinamik dalam Perkhidmatan Awam adalah mengkaji semula pengurusan bakat (*talent management*) bagi semua peringkat Perkhidmatan Awam dalam usaha untuk mencapai perancangan, pengurusan dan perkembangan sumber manusia yang lebih mampan dan berdaya tahan. Saya penuh yakin dengan adanya salah satu usaha JPA melalui pelaksanaan Program Kepimpinan Perkhidmatan Awam (Civil Service Leadership Pipeline - CSLP) sebagai Projek Flagship Kepimpinan dalam Perkhidmatan Awam akan dapat melahirkan barisan pemimpin yang berkaliber dan berkualiti juga pada masa yang sama akan dapat menerajui kepimpinan dalam Perkhidmatan Awam dalam jangka masa pendek dan panjang. Semua ini merupakan usaha yang murni dan diharapkan akan dapat membuahkan hasil yang diharapkan.

"Usaha-usaha atau inisiatif-inisiatif ini sejajar dengan visi baharu JPA, iaitu 'Transformasi

Perkhidmatan Awam Ke Arah Brunei Darussalam Yang Maju' yang menggambarkan Perkhidmatan Awam yang progresif serta dinamik bagi menepati keperluan dan peningkatan ekspektasi pihak-pihak berkepentingan dan orang ramai yang sentiasa berharap kepada Perkhidmatan Awam yang berdaya tahan, adaptif, responsif serta peka kepada apa jua perkembangan terkini terhadap penyampaian perkhidmatan".

Tambahnya, ini juga jelas terbukti apabila negara kita dilanda wabak COVID-19, di mana agensi-agensi kerajaan telah pun dan sedang sama-sama berganding bahu menggembelng tenaga memainkan peranan dalam pencegahan penularan wabak COVID-19. Tidak dinafikan Perkhidmatan Awam juga tidak lepas daripada limpahan impak wabak COVID-19 yang banyak menjejaskan penyampaian perkhidmatan - perkhidmatan kepada orang ramai, terutamanya

bagi jenis-jenis perkhidmatan yang sebelum ini lazimnya dilaksanakan melalui hubungan secara terus atau *direct contact*.

Jelas Yang Berhormat, situasi penularan jangkitan COVID-19 telah dapat dikawal, hasil daripada usaha-usaha bersepadu (*Whole of Nation approach*) secara berterusan oleh semua agensi-agensi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta juga kerjasama dan sokongan yang padu daripada pihak swasta serta orang ramai di semua peringkat masyarakat.

"Justeru itu, penjawat Awam sebagai nadi utama dalam Perkhidmatan Awam hendaklah berterusan siap siaga untuk

menghadapi apa saja cabaran-cabaran dunia yang kompleks. Perkhidmatan Awam adalah pemacu utama kepada pertumbuhan dan pembangunan negara, oleh yang demikian setiap penjawat awam perlulah sentiasa berfikir progresif dan kreatif ke arah penambahbaikan kualiti perkhidmatan. Tanggungjawab ini tidak hanya digalas oleh JPA sebagai agensi fokal sahaja, malah adalah juga tanggungjawab bersama setiap agensi kerajaan melalui pendekatan *Whole of Government* bersama pihak-pihak berkepentingan melalui pendekatan *Whole of Nation* ke arah sama-sama mencapai hasrat Wawasan Brunei 2035".



ANTARA yang hadir pada Jerayawara Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di Dewan Utama Kompleks Kemasyarakatan Daerah Tutong.

Perkenal peranan, tanggungjawab JPA



YANG Berhormat semasa mendengarkan penerangan ketika menyaksikan pameran pada jerayawara tersebut. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (kiri). Sementara gambar kanan, antara yang ikut serta pada jerayawara berkenaan.

tetamu kehormat dan seterusnya sesi dialog yang diadakan dengan warga Perkhidmatan Awam yang hadir bagi memberikan peluang kepada mereka untuk menyuarakan pendapat, cadangan serta masalah-masalah yang dihadapi.

Beberapa taklimat juga disampaikan mengenai Hal Ehwal Tata tertib, Hal Ehwal Cuti, Hal Ehwal Pemindahan, Kaunseling serta mengenai Sistem Sumber Manusia (SSM) yang baru dilancarkan pada bulan Mei yang lalu. Sesi taklimat tersebut diharapkan akan dapat memberi peluang kepada warga Perkhidmatan Awam berkenaan untuk sama-sama berbincang bersama pegawai-pegawai JPA mengenai perkhidmatan-perkhidmatan jabatan tersebut melalui beberapa sesi konsultasi yang telah disediakan.

Dalam pada itu, Jerayawara JPA ini juga dijadikan sebagai satu platform dalam mengongsikan pelan strategik jabatan yang baharu, iaitu Pelan Strategik JPA 2021 - 2025 yang mula diguna pakai pada tahun ini serta usaha-usaha berterusan JPA untuk



meningkatkan kecemerlangan Perkhidmatan Awam.

Tambahan lagi, jerayawara ini memberi peluang kepada agensi-agensi kerajaan yang mempunyai cawangan di Daerah Tutong untuk ikut serta dalam mengadakan pameran bagi mempromosikan perkhidmatan masing-masing. Agensi-agensi berkenaan terdiri dari Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Institut Perkhidmatan Awam, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Bahagian Kesihatan (Tutong), Jabatan Ukur, Jabatan Bomba dan Penyelamat (Operasi E), Jabatan Penjara, Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Penerangan, Dewan Bahasa dan

Pustaka, Bahagian Sukatan dan Timbangan, Jabatan Pos dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa serta Program Satu Kampung Satu Produk (1K1P) juga turut serta dalam pameran tersebut.

Jerayawara ini merupakan jerayawara ketiga dalam siri Jerayawara JPA yang telah diadakan pada tahun ini, yang mana jerayawara pertama telah diadakan di Daerah Temburong pada 4 Mac 2021 dan Daerah Belait pada 8 April 2021. Siri jerayawara ini akan diteruskan di Daerah Brunei dan Muara dengan sekali gus menyambut Jubli Emas Penubuhan JPA sebagai sebuah jabatan kerajaan Brunei Darussalam pada 1 Julai 2021.

TUTONG, Khamis, 17 Jun. - Jerayawara Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan pameran yang dianjurkan oleh JPA merupakan salah satu usaha berterusan jabatan berkenaan memperkenalkan dan menyebarkan lagi peranan dan tanggungjawab JPA secara menyeluruh kepada warga Perkhidmatan Awam di Daerah Tutong.

Jerayawara JPA mengambil tempat di Dewan Utama, Kompleks Kemasyarakatan Daerah Tutong, di sini yang dihadiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud hadir selaku tetamu kehormat.

Juga hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang

Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong dan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit; Setiausaha Tetap (Perkhidmatan Awam, Kesejahteraan, Antarabangsa dan Media) JPM, Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Perkhidmatan Awam, Kesejahteraan, Antarabangsa dan Media), JPM, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan dari Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dr. Awang Norfarizal bin Othman dan diikuti dengan ucapan daripada

JBP SAMBUT HARI ULANG TAHUN KE-61



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada Upacara Perbarisan Kawalan Kehormatan Statik bagi Sambutan Hari Ulang Tahun JBP Yang Ke-61 dengan tema 'Keselamatan Kebakaran Tanggungjawab Bersama', yang dialu-alukan oleh Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Lim Hock Guan.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Jun. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) meraikan Sambutan Hari Ulang Tahun JBP Yang Ke-61 dengan tema 'Keselamatan Kebakaran Tanggungjawab Bersama' bertujuan untuk meningkatkan lagi aspek keselamatan, kesedaran dan bahaya kebakaran dengan mengamalkan aspek tersebut akan dapat mengurangkan kadar kejadian, kerugian juga kehilangan jiwa daripada berlaku.

Sehubungan itu, antara atur cara kemuncak sambutan tersebut ialah Upacara Perbarisan Kawalan Kehormatan Statik, yang diadakan di Dewan Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apeng.

Ketibaan tetamu kehormat dialu-alukan oleh Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Lim Hock Guan. Yang

Berhormat seterusnya memeriksa Perbarisan Kawalan Kehormatan.

Pada upacara tersebut juga, tetamu kehormat menandatangani lembaran kenangan dan menerima cenderahati yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat, dan seterusnya menyempurnakan penyampaian Anugerah Balai Contoh bagi tahun 2021 yang disandang oleh Balai Bomba Unit Operasi Wanita, Cawangan Operasi 'C' yang dikira dari sudut operasi, perancangan dan latihan, teknikal dan pentadbiran dan kewangan.

JBP ada juga menyediakan program-program keselamatan, seperti Kursus Fire Marshal, Life Saver 995 dan Taklimat

ANUGERAH Balai Contoh bagi tahun 2021 disandang oleh Balai Bomba Unit Operasi Wanita, Cawangan Operasi 'C' yang dikira dari sudut operasi, perancangan dan latihan, teknikal juga pentadbiran dan kewangan.

Keselamatan Kebakaran bagi mengetahui aspek-aspek keselamatan semasa menangani kecemasan serta mengetahui tatacara yang betul bagi penggunaan alat pemadam api.

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan hubungi Talian Kecemasan Bomba 995 dan memberikan maklumat tepat.



KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

SIAPAKAH YANG PERLU MENGGUNAKAN PENUTUP MULUT DAN HIDUNG?

! Penutup mulut dan hidung secara amnya **tidak perlu digunakan bagi orang yang sihat.**

Gunakan penutup mulut dan hidung **JIKA** awda

demam batuk selsema

Cara penggunaan penutup mulut dan hidung yang betul.

Tutup keseluruhan mulut, hidung dan dagu dengan lapisan berwarna menghadap keluar.

Pastikan ianya tertutup rapi dengan membentuk kepingan logam mengikut bentuk hidung.

Tanggalkan dengan hanya memegang tali penyangkut telinga selepas selesai memakainya.

Untuk lebih berkesan, kerap menukar penutup mulut dan hidung awda, atau jika ianya kotor atau basah.

Cuci tangan dengan air dan sabun selepas membuang penutup mulut dan hidung dengan betul.

Imbas di sini untuk keterangan lanjut

www.moh.gov.bn

HALUAN

Patuhi piawaian keselamatan di tempat kerja

>> Muka 2

Hasil pemeriksaan berkenaan juga mendapati, para pekerja serta pihak pengurusan tapak pembinaan masih kurang mendapat latihan atau mengikuti latihan-latihan berkaitan dengan aspek keselamatan dan kesihatan sepertimana yang dinyatakan atau dikehendaki di bawah Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja (WHSO) 2009, di mana setiap majikan hendaklah memastikan para pekerja mendapat maklumat dan latihan yang sepatutnya bagi melaksanakan apa jua kerja yang diarahkan.

Alhamdulillah, di dalam Sambutan Minggu Keselamatan dan Kesihatan 2021 kali ini, saya difahamkan terdapat beberapa

pameran dari syarikat penyedia latihan (*training provider*) yang berdaftar dengan SHENA, turut serta untuk berkongsi maklumat berkaitan kursus-kursus yang disediakan oleh syarikat masing-masing.

Dalam hal ini, saya menyeru semua pihak untuk sentiasa melaksanakan tanggungjawab masing-masing dalam pengurusan kesihatan dan keselamatan termasuk pekerja dan orang awam mulai dari awal pelaksanaan projek lagi, dengan menyediakan Health and Safety Plan yang cukup, terutama sekali *adequate risk assessment* yang disediakan bagi setiap aktiviti yang dilaksanakan di setiap projek.

Saya juga ingin menyarankan kepada pihak Jabatan Kerja Raya untuk

mengadakan program bagi memberikan penghargaan kepada kontraktor atas komitmen mereka dalam pengurusan kesihatan keselamatan dan alam sekitar yang ditunjukkan sepanjang pelaksanaan projek. Ini bertujuan untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan di tapak bina serta menggalakkan kontraktor-kontraktor untuk mempraktikkan amalan keselamatan tempat kerja sebagai satu budaya kerja bagi menjamin keselamatan pekerja-pekerja di tapak bina.

Akhir sekali, di kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas sokongan dari penceramah-penceramah dan penaja-penaja yang turut komited dalam mempromosikan serta menayakan

Sambutan Minggu Keselamatan dan Kesihatan ini demi meningkatkan budaya kerja selamat dan sihat dalam industri pembinaan.

Tidak lupa juga, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua ahli jawatankuasa yang terlibat dalam menjayakan Minggu Keselamatan dan Kesihatan 2021, Jabatan Kerja Raya.

Dengan kalimah *Bismillahir Rahmanir Rahim*, saya dengan rasminya melancarkan Sambutan Minggu Keselamatan dan Kesihatan 2021, Jabatan Kerja Raya. Sekian. *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

TUMPU PERHATIAN KEMAJUAN 7 KUMPULAN KERJA

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Rabu, 16 Jun. - Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN Plus (ADMM-Plus) Ke-8 berakhir dengan persetujuan untuk menerima pakai 'Bandar Seri Begawan Declaration by the ADMM-Plus in Commemoration of the 15th Anniversary of the ADMM on Promoting a Future-Ready, Peaceful and Prosperous ASEAN'. Mesyuarat yang diadakan secara dalam talian itu dipengerusikan oleh Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Ketua ADMM-Plus Negara Brunei Darussalam (NBD), yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Turut hadir pada mesyuarat

tersebut, Setiausaha Tetap, Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Shahril Anwar bin Haji Ma'awiah selaku Ketua ASEAN Defence Senior Officials' Meeting Plus (ADSOM-Plus) NBD dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Strategi), Kementerian Pertahanan, Awang Haji Adi Itham bin Dato Paduka Haji Mahmud selaku Ketua ADSOM-Plus Working Group NBD.

Semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya, Yang Berhormat Menteri Pertahanan Kedua merakamkan penghargaan atas sokongan negara-negara ASEAN dan Plus kepada NBD selaku Pengerusi ADMM dan mesyuarat - mesyuarat berkaitan.

Mesyuarat tersebut antara lain mengambil perhatian kemajuan tujuh Kumpulan Kerja Pakar ADMM-Plus yang ditunda pada tahun 2020 berikutan dengan pandemik COVID-19.

Mesyuarat tersebut juga mengambil maklum laporan mengenai ADSOM-Plus yang disampaikan oleh Ketua ADSOM-Plus NBD.

Turut hadir ke mesyuarat tersebut, Setiausaha Agung



YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua selaku Ketua ADMM-Plus Negara Brunei Darussalam pada Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN Plus (ADMM-Plus) Ke-8, berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (atas dan bawah).

ASEAN, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Lim Jock Hoi, di mana beliau memberikan laporan mengenai perkembangan terkini ASEAN, termasuk perkembangan dalam sektor-sektor dan tonggak-tonggak ASEAN yang lain. Menteri-menteri Pertahanan juga bertukar pandangan mengenai

keselamatan rantau dan sejabat.

Dengan berakhirnya mesyuarat ADMM-Plus Ke-8 ini, NBD akan mengendalikan ADMM Retreat pada bulan November 2021, termasuk Upacara Serah Terima Pengerusi ADMM dan Mesyuarat-mesyuarat berkaitan kepada Kemboja sebagai Pengerusi ADMM bagi tahun 2022.

COVID-19 : 663 jalani pengasingan diri

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan
Infografik : Bahagian Pelita Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Jun. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa satu kes import baharu disahkan setakat 12.00 tengah hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) seramai 251 orang.

Kes 251, seorang lelaki, berumur 52 tahun, yang tiba ke negara ini dari Indonesia melalui Singapura, pada 4 Jun 2021. Beliau tidak mengalami sebarang tanda-tanda jangkitan.

Penyiasatan dan pengesanan kontak mengesahkan tidak ada kontak terdekat bagi kes baharu ini memandangkan beliau telah dikuarantin sebaik sahaja tiba ke negara ini dan keseluruhan pengendalian perjalanan semasa ketibaan dan pengasingan diri beliau telah mengikut Standard Operating Procedure (SOP) yang sedia ada.

Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 407 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei 2020.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 110 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan lagi, alhamdulillah, satu kes aktif telah sembuh hari ini, manakala tujuh kes aktif masih menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan kesemua kes yang sedang dirawat di pusat pengasingan tersebut adalah dalam keadaan yang baik menjadikan keseluruhan kes yang sembuh setakat ini, seramai 241 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 663 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 20,115 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 436 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 136,064 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.



Pengeluaran sekuriti Sukuk Al-Ijarah

Siaran Akhbar : Autoriti Monetari Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 18 Jun. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), ejen kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mengurus dan mentadbir pengeluaran Sukuk Al-Ijarah dengan sukacitanya mengumumkan kejayaan penentuan harga bagi pengeluaran sekuriti Sukuk Al-Ijarah jangka pendek ke-195.

Jumlah pengeluaran Sukuk Siri Ke-195 adalah sejumlah BND5 juta, iaitu tarikh pengeluaran pada 17 Jun 2021, sementara tarikh matang adalah pada 13 Jun 2024 dalam jangka masa tenor selama 1,092 (tiga tahun) pada kadar sewa 0.1875 peratus.

Dengan pengeluaran tersebut, Kerajaan Brunei setakat ini mengeluarkan lebih BND14.55 bilion nilai Sekuriti Sukuk Al-Ijarah


jangka pendek, sejak tawaran pertama pada 6 April 2006 dan baki tertunggak pegangan jumlah Sukuk Kerajaan Brunei sehingga 17 Jun 2021 berjumlah BND280.0 juta.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun
PenggunaBijak



Ringkasan Kes



BACAAN YAA SIIN, TAHLIL SEMPENA JUBLI PERAK PPB

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 18 Jun. - Bersempena memperingati Jubli Perak Penubuhan Pusat Pembangunan Belia (PPB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil khusus bagi paduka ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhum Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman. Majlis tersebut juga adalah bagi paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Kubah Makam Diraja, di sini.

Rombongan terdiri daripada para pegawai, kakitangan, pelatih dan Alumni PPB berserta beberapa jemputan, diketuai oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B)



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mengetuai rombongan pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil sempena memperingati Jubli Perak Penubuhan Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid dan Imam di Masjid Kampung Tamoi, Awang Faisal bin Awang Rosli.

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien lindung pada 3 Muharam 1407 Hijrah bersamaan 7 September 1986 Masihi dan Al-Marhum Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit lindung pada 20 Syawal 1399H bersamaan 13 September 1979M. Sementara

■ **Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

itu, Al-Marhum DYT M Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim mangkat pada 7 Rabiulawal 1442H bersamaan 24 Oktober 2020M.

Turut menyertai rombongan tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat

Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad; Setiausaha-setiausaha Tetap KKBS dan sebahagian pegawai-pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya.

COVID-19 : 1 kes sembuh

■ **Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan**
■ **Infografik : Bahagian Pelita Brunei**

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Jun. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa tidak ada kes baharu dilaporkan setakat 12.00 tengah hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) kekal seramai 250 orang.

Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 406 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei 2020.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 109 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan lagi, tujuh kes aktif masih menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan alhamdulillah, satu kes telah disahkan sembuh pada hari ini menjadikan keseluruhan kes yang sembuh setakat ini seramai 240 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 639 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 20,035 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 407 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 135,628 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.



Seminar Eksekutif CIPTA 2021 dirasmikan



NAIB Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya merasmikan seminar tersebut.

BERAKAS, Jumaat, 18 Jun. - Seminar Eksekutif CIPTA 2021 yang membawakan tema 'Inovasi bagi Masyarakat 5.0' dan diadakan selama tiga hari bermula pada hari ini di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Seminar tersebut dirasmikan pagi tadi oleh Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB), Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman yang juga hadir selaku tetamu kehormat.

Ketua Jawatankuasa Seminar CIPTA 2021, Dr. Wida Susanty binti Haji Suhaili dalam ucapannya antara lain berkata, seminar itu adalah julung kali diadakan dalam format siri tiga hari.

Menurutnya, seminar tersebut direka bagi mewujudkan dan membawa idea serta penciptaan ke tahap seterusnya, di samping menilai tujuan idea berkenaan dihasilkan.

Seminar pada hari pertama ini mengetengahkan tajuk 'Budaya dan Lanskap Inovasi di Malaysia : perspektif Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)' yang dibentangkan oleh Presiden Pertubuhan Kreativiti dan Inovasi Malaysia (MACRI), Hussein bin Dato Mohd Ariff.

Manakala, Pengarah PT. Hikari

Solusindo Sukses, Dr. Eko Fajar Nurprasetyo dari Indonesia membentangkan tajuk 'Kisah Penyelidikan dan Komersialisasi'.

Pada seminar berkenaan, peserta-peserta memperoleh pandangan dari para penceramah mengenai bagaimana inovasi dan ekosistem penciptaan ditangani, secara maya.

Seminar itu diadakan bersempena Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2021 anjuran UTB dan Brunei LNG Sendirian Berhad sebagai penaja

utama.

Ia turut diadakan sebagai sebahagian daripada Minggu Teknologi Digital di Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (MYCE) yang dikendalikan Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP).

Antara pengisian seminar ialah sesi perkongsian oleh pemenang-pemenang Anugerah CIPTA 2021 mengenai pengalaman mereka sepanjang proses penciptaan, iaitu yang akan diadakan pada hari kedua.

Sementara itu, seminar juga akan mengetengahkan mengenai forum bertemakan 'Memacu Ekosistem Inovasi', iaitu yang akan diadakan pada hari ketiga.

Dalam masa yang sama, orang ramai juga berpeluang untuk menyaksikan dengan lebih dekat mengenai projek-projek yang memenangi Anugerah CIPTA 2021 yang akan dipamerkan di Galeri UTB bermula pada 21 Jun 2021 ini.

Sehubungan itu, orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir bagi sama-sama meraih manfaat dan menambah ilmu pengetahuan dalam Siri Seminar CIPTA 2021 ini dan sekali gus menyaksikan pameran-pameran yang diadakan.



SEMINAR dimulakan dengan pembentangan dari Presiden Pertubuhan Kreativiti dan Inovasi Malaysia (MACRI), Hussein bin Dato Mohd. Ariff dan diteruskan dengan pembentang kedua dari Pengarah PT. Hikari Solusindo Sukses, Dr. Eko Fajar Nurprasetyo dari Indonesia secara maya.

Pelbagai produk ditawarkan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika merasmikan Ekspo Seasons Fair : Family Fun.

SALAMBIGAR, Jumaat, 18 Jun. - Dewan Perniagaan Tionghua (Chinese Chamber of Commerce)



Bandar Seri Begawan buat julung kalinya menganjurkan Ekspo Seasons Fair : Family Fun bertempat di OneCity Shopping Complex selama enam hari, bermula 15 Jun hingga 20 Jun 2021 nanti.

Sehubungan itu, perasmian ekspo berkenaan disempurnakan oleh tetamu kehormat, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan

UCAPAN alu-aluan daripada Presiden Dewan Perniagaan Tionghua, Awang Malcolm Lim.

daripada Presiden Dewan Perniagaan Tionghua, Awang Malcolm Lim, antaranya mengongsikan konsep di sebalik Seasons Fair yang akan diadakan seumpamanya empat kali setahun mengikut musim, iaitu Musim Bunga, Musim Panas, Musim Gugur dan Musim Sejuk.

Ekspo juga dihasratkan untuk menjadi platform bagi mempromosi dan mendedahkan produk juga perkhidmatan para peserta pameran, di samping menghubungkan keluarga yang berkunjung pada pelbagai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan, antaranya seperti institusi pendidikan dan pusat kesihatan.

"Saya percaya dengan pelancaran Seasons Fair : Family Fun ini akan mengukuhkan lagi ikatan bersama rakan kongsi, penaja juga peserta pameran yang membuatkan kami lebih yakin pada masa depan perkongsian perniagaan kami di masa akan datang," tambahnya.

Tetamu kehormat kemudian meninjau petak-petak pameran di Aras 1, kompleks berkenaan, merangkumi pelbagai perkhidmatan, antaranya dari syarikat telekomunikasi, pemeriksaan kesihatan, jualan produk dan aksesori buatan tangan, aktiviti mewarna, aktiviti tulisan kaligrafi, promosi keluarga dan sebagainya.

Dewan Perniagaan Tionghua BSB merupakan organisasi nirlaba yang berkomitmen untuk bekerjasama dengan promosi pembangunan ekonomi dan perdagangan negara, selain berkomitmen untuk wujud bersama pelbagai etnik, membangun dan mempromosikan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika menyaksikan produk-produk yang dipamerkan pada ekspo berkenaan (atas dan bawah).



Oleh : Hernie Suliana Haji Othman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

usaha budaya dan pendidikan juga menyediakan peluang pertukaran maklumat perniagaan dan industri juga mempromosikan komunikasi di antara komuniti perniagaan antarabangsa.

Sebagai tambahan pada perkhidmatan perniagaan umum, Dewan Perniagaan Tionghua

KUKUHKAN RANTAIAN BEKALAN, TINGKATKAN HUBUNGAN PERDAGANGAN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Jun. - Majlis Mesyuarat Negara (MMN) menghadiri Mesyuarat ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) CAUCUS Ke-12, yang dihoskan oleh Parlimen Singapura dan diadakan secara dalam talian. Mesyuarat secara dalam talian tersebut berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis.

Mesyuarat AIPA CAUCUS Ke-12 tersebut dihadiri oleh sembilan buah negara Ahli AIPA, termasuk Negara Brunei Darussalam (NBD), diketuai oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi bersama beberapa Ahli MMN.

Semasa perbincangan mengenai status implementasi resolusi-resolusi Perhimpunan Agung AIPA Ke-41 yang telah diluluskan tahun lepas, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi membuat kenyataan bahawa NBD telah melaksanakan melalui pelbagai cara, termasuk di dalam rancangan pembangunan negara yang menyasarkan kepada penglibatan kementerian-kementerian yang berkaitan.

Mesyuarat membincangkan mengenai isu 'Strengthening Supply Chain Resilience and

MESYUARAT ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) CAUCUS Ke-12 dihadiri oleh sembilan buah negara Ahli AIPA, termasuk Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Yang Berhormat Ahli MMN bersama beberapa Ahli MMN yang lain.

Enhancing Trade Connectivity'.

Manakala, Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh juga memberikan kenyataan tentang kepentingan bagi NBD dalam sentiasa mengembangkan dan mempelbagaikan ekonomi negara dan untuk tidak bergantung kepada minyak dan gas, terutamanya semasa pandemik COVID-19 yang mendorong negara untuk menghasilkan makanan asasi yang mencukupi secara domestik dengan menggunakan teknologi yang cekap dan dalam masa yang sama membukakan peluang perniagaan baharu di dalam mengembangkan ekonomi 'hijau'.

Sebahagian daripada usaha NBD dalam mengukuhkan rantaian bekalan dan meningkatkan hubungan perdagangan juga dapat



dilihat melalui penyertaan NBD bersama rakan-rakan kongsi di rantau ASEAN dan global di dalam polisi perdagangan yang terbuka (*open trade policies*).

Pada perbincangan isu tersebut juga, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi memberikan kenyataan mengenai kepentingan Integrasi

standard ASEAN untuk memberikan tumpuan kepada rantaian bekalan merentas sempadan (*across border*) termasuk pertukaran data dan *procurement* yang perlu ditingkatkan, terutama sekali semasa berhadapan dengan pandemik COVID-19.

Mesyuarat AIPA CAUCUS kali ini

telah meluluskan Laporan Rasmi Mesyuarat AIPA CAUCUS Ke-12 dengan sebulat suara.

Laporan tersebut, seterusnya akan dibincangkan untuk diluluskan semasa Perhimpunan Agung AIPA Kali Ke-42 yang akan dihoskan oleh MMN, NBD pada Ogos 2021 yang akan diadakan secara dalam talian.

MEMPERINGATI PENUBUHAN PPB KE-25 TAHUN



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada Majlis Sembahyang Hajat dan Doa Kesyukuran bersempena Jubli Perak Penubuhan Pusat Pembangunan Belia (PPB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) (atas dan atas kanan). Sementara gambar kanan, antara yang sama-sama menyemarakkan majlis tersebut.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

SALAMBIGAR, Khamis, 17 Jun. - Sebagai tanda kesyukuran dan bagi meraikan 25 tahun penubuhan Pusat Pembangunan Belia (PPB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Majlis Sembahyang Hajat dan Doa Kesyukuran bersempena Jubli Perak Penubuhan PPB diadakan di Masjid Salambigar, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji

Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap KKBS, para jemputan khas, pengarah-pengarah dan pegawai kanan KKBS.

Acara juga dihadiri oleh kakitangan, Pelatih PPB, mantan-mantan Ketua PPB, mantan-mantan kakitangan dan alumni PPB.

Pada majlis tersebut,

Sembahyang Sunat Hajat dan Doa Kesyukuran diketuai oleh Pegawai Imam Masjid Salambigar, Awang Haji Masrol Azmi bin Abdullah.

Acara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat, bacaan Surah Yaa Siin dan Tahliil beramai-ramai serta Doa Kesyukuran, dan diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

PPB yang terletak di Jalan Utama Tanah Jambu itu menyambut 25 tahun penubuhannya pada 2 Jun yang lalu.



Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Jun. - Peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) dari Kampung Menengah, Mukim Bangar mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) sebagai salah satu daripada pengisian program di hari kedua.

Para peserta terlebih dahulu dibawa ke Bahagian Pelita Brunei bagi meninjau proses penerbitan akhbar rasmi kerajaan, Pelita Brunei yang mula diterbitkan pada 15 Februari 1956.

Taklimat ringkas daripada Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Dayangku Nasibahanim binti Pengiran Haji Bakar, antara lain mengongsikan beberapa

aktiviti yang boleh disertai oleh masyarakat, seperti Selera Kampung Kitani; Alai Pintar; Minda Pembaca dan yang boleh disumbangkan pada pengisian dalam akhbar Pelita Brunei.

Pelita Brunei kini mencecah usia 65 tahun dan merupakan salah satu strategi Jabatan Penerangan untuk meluaskan jangkauan ke tempat-tempat yang strategik bagi memastikan pembarigian maklumat, dasar kerajaan dan aktiviti kerajaan kepada setiap lapisan masyarakat tidak mengira sama ada di bandar mahupun di kawasan pedalaman.

Rombongan juga melawat ke Unit Fotografi, Bahagian Media dan

Peserta PMB didedahkan matlamat, fungsi Jabatan Penerangan



PARA peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) dari Kampung Menengah, Mukim Bangar ketika mengadakan lawatan ke Unit Fotografi, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Galeri Lentera Makmur (atas dan atas kiri).

Komunikasi Korporat yang antara lain tugas dan tanggungjawabnya adalah untuk menerbitkan imej positif mengenai Negara Brunei Darussalam melalui perkhidmatan fotografi kepada media dan orang ramai, dan kini menyediakan perkhidmatan penjualan salinan gambar digital.

Lawatan berakhir di Galeri Lentera Makmur, yang memfokuskan kepada pengukuhan imej baik Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan memastikan

penyaluran maklumat dengan dasar, program, aktiviti serta inisiatif kerajaan menangani isu-isu terkini dibarigakan secara telus, tangkas dan berkesan.


Keempat-empat aspek yang terdapat di galeri tersebut ialah Raja Kita; Strategi Bahan-bahan Terbitan; Strategi Komunikasi Bersemuka; dan Strategi Perhubungan Media dan Media Baharu.

Galeri tersebut dirasmikan oleh Menteri di JPM, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, pada 10 April 2021.

Ia merupakan sebagai nilai tambah pada platform penyebaran maklumat yang sedia ada sejajar dengan objektif asal penubuhan Jabatan Penerangan, pada 1 April 1952, iaitu untuk menyalurkan maklumat dasar juga aktiviti kerajaan kekal relevan dan masih ditandai secara berterusan dalam membarigakan maklumat, dasar juga aktiviti kerajaan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan kepada seluruh lapisan masyarakat, tidak mengira di bandar atau pedalaman dalam usahanya untuk membudayakan masyarakat bermaklumat.

IMPAK POSITIF INISIATIF DIGITAL MEMUDAH CARA MASYARAKAT

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Hamzah Mohidin



HADIR selaku ahli panel utama bagi membincangkan topik 'A Conversation on the Smart Nation, Digital Transformation and the Fourth Industrial Revolution' ialah Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Ahli Majlis Ekonomi Digital; Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi selaku Setiausaha kepada Majlis Ekonomi Digital dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Dynamik Technologies Sdn. Bhd.

BERAKAS, Jumaat, 18 Jun. - Acara Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (Brunei Mid-Year Conference and Exhibition - MYCE) 2021 disambung pada hari ini dengan penganjuran persidangan bertemakan 'Negara Pintar melalui Transformasi Digital' (Smart Nation Through Digital Transformation) yang diselenggarakan oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi selaku Penganjur Bersama Minggu Teknologi Digital sempena Brunei MYCE 2021.

Persidangan pada sebelah pagi berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas dengan menampilkan ahli-ahli panel dari dalam dan luar negara secara langsung dan secara dalam talian.

Hadir selaku ahli panel utama bagi membincangkan topik 'A Conversation on the Smart Nation, Digital Transformation and the Fourth Industrial Revolution' ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi selaku Ahli Majlis Ekonomi Digital; Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof selaku Setiausaha kepada Majlis Ekonomi Digital dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Dynamik Technologies Sdn. Bhd., Dayang Haslina binti Taib.

Semasa persidangan berkenaan, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi antara lain mengongsikan impak teknologi dan keperluan untuk perubahan serta

adaptive learning bagi generasi akan datang.

Turut dikongsikan adalah impak positif berikutan inisiatif digital yang telah dapat memudahkan cara masyarakat untuk mendaftarkan syarikat mereka serta peranan sektor swasta yang penting sebagai jentera pertumbuhan ekonomi.

Sementara itu, Awang Haji Mohammad Nazri memulakan persidangan dengan mengongsikan visi dan hasil utama Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 yang telah dilancarkan pada tahun 2020, urus tadbir pelan induk tersebut, maklumat terkini sejak ia dilancarkan.

Di samping itu, beliau turut menyampaikan kepentingan penyelarasan inisiatif-inisiatif melalui penubuhan Jawatankuasa Pandu Transformasi Digital di setiap kementerian untuk memandu dan memantau transformasi digital bagi sektor masing-masing bagi mencapai aspirasi untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai sebuah negara yang lebih inovatif dan *export-oriented*, di mana antara kelebihan NBD adalah mempunyai *high connectivity* yang membantu ke arah transformasi digital.

Manakala, Dayang Haslina mengongsikan impak ekonomi digital kepada infrastruktur *back-end* yang memerlukan usaha bersama dan juga kepentingan *distributed ledger* dan *data analytics* sebagai langkah ke hadapan.

Tambahnya, inovasi bagi transformasi digital dan mempunyai bakat di dalam era digital juga penting dan dengan mudahnya perkongsian data adalah penting bagi orang ramai mengetahui hak mereka dari segi perlindungan data peribadi.

Sesi persidangan ini diikuti dengan taklimat daripada pakar-pakar industri, antaranya,

Ketua Pegawai Eksekutif Datastream Digital (DST) Sdn. Bhd., Radin Sufri bin Radin Basiuni, yang antara lain mengongsikan mengenai dengan peluang-peluang yang dapat diraih di dalam ekonomi digital seperti e-dagang, penjaan ekonomi data, dan penubuhan 'Inno Connect' bagi mendukung komuniti *developers*, dan meningkatkan bakat tempatan bagi memanfaatkan perkembangan ekonomi digital.

Wakil dari Platform for Bots and Automation (PBA), Singapura telah membincangkan mengenai dengan masa hadapan industri-industri dan tenaga kerja dengan adanya *digitalization* dan *automation* melalui *upskilling*, inovasi dan mengejar aspirasi baharu.

Seterusnya, persidangan juga menampilkan satu sesi perbincangan di antara ahli-ahli panel dari dalam dan luar negara, iaitu Pengasas Syarikat Think Axis Solutions Sdn. Bhd., Awang Rahman Yoonus serta wakil-wakil dari CitiXsys, Singapura dan, SGLab Pte Ltd, Singapura mengenai dengan peluang-peluang dan cabaran-cabaran

yang dihadapi berikutan dengan transformasi digital, Internet of Things (IoT), *use cases digitalisasi* di NBD, termasuk dalam sektor makanan dan minuman, dan ekosistem yang mendorong kreativiti peribadi.

Persidangan Smart Nation through Digital Transformation dihadiri oleh hampir 200 orang peserta yang terdiri daripada sektor kerajaan, swasta dan penuntut-penuntut.

MYCE 2021 merupakan inisiatif Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) bagi menarik pasaran MICE (Meetings, Incentives, Conferences and Events), khususnya, *business travelers* ke NBD.

Acara tersebut memfokuskan kepada acara-acara berbentuk persidangan, seminar, forum, bengkel dan pameran atau ekspso dengan objektif utamanya untuk menggalakkan perkongsian ilmu dan meningkatkan aktiviti perniagaan dan *networking* dalam kalangan pakar-pakar dan para pengusaha dari dalam dan luar negara.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang <https://www.brunetourism.com/brunei-myce/> dan ikuti akaun Instagram, @bruneimyce.



ANTARA yang hadir pada persidangan bertemakan 'Negara Pintar melalui Transformasi Digital' (Smart Nation Through Digital Transformation).

Perkembangan ketara penggunaan telefon bimbit, peranti

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani



BERAKAS, Jumaat, 18 Jun. - Negara Brunei Darussalam mempunyai kadar penggunaan internet tertinggi sebanyak 95 peratus bagi tahun lalu.

Daripada jumlah 413 ribu pengguna internet di negara ini,

seramai 410 ribu pengguna internet menggunakan media sosial.

Perkara tersebut, antara yang disentuh oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Imagine Sdn. Bhd., Suzanna Suharju dalam pembentangan yang bertajuk 'Productizing and Deploying AI Solutions Across Multiple Verticals to Drive Customer Interactions' semasa Persidangan Negara Pintar Melalui Transformasi Digital, yang berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

KETUA Pegawai Eksekutif, Imagine Sdn. Bhd., Suzanna Suharju semasa menyampaikan pembentangan yang bertajuk 'Productizing and Deploying AI Solutions Across Multiple Verticals to Drive Customer Interactions' semasa Persidangan Negara Pintar Melalui Transformasi Digital.

Menurutnya, adanya perkembangan yang ketara dalam penggunaan telefon bimbit dan peranti lain, di mana warga negara ini berada dalam keadaan baik dan bergerak dalam gelombang pendigitalan.

Beliau, juga mengongsikan anggaran jumlah data yang digunakan dalam satu minit di internet, seperti penggunaan YouTube, Instagram, WhatsApp, Netflix dan sebagainya.

"Penggunaan secara talian hampir dua kali ganda pada tahun lalu berbanding tahun 2019 dan trend ini terus meningkat," ujarnya.

Antara yang turut dikongsikan,

ANTARA yang hadir pada Persidangan Negara Pintar Melalui Transformasi Digital yang berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa.



kepentingan AI dan Analytics; Rakan kongsi The Imagine - Lynx Analytics; juga perkongsian dalam 'Supporting You Journey to Become Data Driven'.

Sementara itu, Politics and Government Outreach Manager, Indonesia and APAC, Facebook, Mr. Noudhy Valdarno pula menyampaikan pembentangan bertajuk 'The Future of Digital Marketplace : How Social Media Helps SMEs Thrive in Digital Era' yang diadakan secara maya.

Manakala pembentangan bertajuk 'Data Analytics and E-commerce : Supporting Function

Towards a Cashless Society' pula dikongsikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif ONZ, Azri Jumat; dan Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif DXM Sdn. Bhd. (Heydomo), Darryn Liew juga Presiden Young Entrepreneur Association of Brunei (YEAB), Fatin Arifin sebagai moderator.

Persidangan merupakan anjuran Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi yang diadakan semasa Minggu Teknologi Digital sebagai sebahagian daripada Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (MYCE) 2021.



MASYARAKAT DISARAN MAHIR BAHASA ISYARAT

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Ihsan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BERAKAS, Khamis, 17 Jun. - Bengkel Asas Bahasa Isyarat Fasa Kedua bagi Tahun 2021 yang diadakan selama tiga hari bermula 15 Jun lalu berakhir dengan majlis penutup yang diadakan di VIP Lounge, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Bengkel dianjurkan dengan kerjasama Bahagian Orang Kelainan Upaya (OKU), Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan Persatuan Orang Kurang Pendengaran (OKP).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Saidah binti Haji Wahid @ Burut.



SEBAHAGIAN peserta yang hadir pada Bengkel Asas Bahasa Isyarat Fasa Kedua bagi Tahun 2021.

Pemangku Timbalan Pengarah JAPEM, Dayang Mirany Floridzah binti Abdul Rahman, dalam ucapannya, antara lain menjelaskan, bahawa bilangan individu yang mahir berkomunikasi menggunakan Bahasa Isyarat akan dapat dikembangkan melalui pengendalian bengkel-bengkel sebegini.

Menurutnya, pengendalian bengkel itu juga akan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai pentingnya menggunakan Bahasa Isyarat ke arah mencapai masyarakat yang bermaklumat.

"Kepada para ibu bapa, penjaga, guru-guru, para majikan dan orang awam, mempelajari Bahasa Isyarat

untuk berinteraksi dengan golongan OKU adalah satu kebolehan yang unik dalam sama-sama memeduli keperluan masyarakat *kitani* agar tidak ada yang berasa tersisih.

"Apa yang turut diharapkan adalah kaedah penggunaan Bahasa Isyarat hendaklah juga diperkenalkan seawal mungkin kepada golongan kanak-kanak OKU Pendengaran sebagai bahasa pengantara yang digunakan dalam pembelajaran dan kehidupan seharian," katanya.

Bengkel berkenaan merupakan lanjutan daripada Bengkel Asas Bahasa Isyarat Fasa Pertama dan bengkel kali ini, antara lain bagi meningkatkan lagi pengetahuan para peserta mengenai Bahasa Isyarat.

Para peserta bengkel, terdiri daripada sektor kerajaan, sektor swasta, para sukarelawan, persendirian, penjaga dan ibu bapa OKU Pendengaran yang pernah menghadiri Bengkel Asas Bahasa Isyarat Fasa Pertama sebelum ini.

Tenaga pengajar pada bengkel tersebut ialah Pegawai Pelajaran, Kementerian Pendidikan, Dr. Dayang Hajah Norbayah binti Haji Shahminan.

Majlis turut menayangkan sebuah video pendek yang memperlihatkan kebolehan dan kemahiran para peserta menggunakan Bahasa Isyarat secara praktikal juga memperlihatkan gambar-gambar aktiviti para peserta sepanjang bengkel berkenaan diadakan.

Majlis diakhiri dengan penyampaian sijil kepada pemudah cara dan para peserta oleh tetamu kehormat.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (kanan) ketika menyampaikan sijil kepada Pegawai Pelajaran, Kementerian Pendidikan, Dayang Dr. Hajah Norbayah binti Haji Shahminan selaku tenaga pengajar bengkel.

Orang ramai yang berhasrat untuk menyertai bengkel Bahasa Isyarat bolehlah menghubungi Bahagian OKU menerusi talian +673 2330315 atau e-mel kepada pusatbahagia@gmail.com.

■ **KEPADA para ibu bapa, penjaga, guru-guru, para majikan dan orang awam, mempelajari Bahasa Isyarat untuk berinteraksi dengan golongan OKU adalah satu kebolehan yang unik dalam sama-sama memeduli keperluan masyarakat *kitani* agar tidak ada yang berasa tersisih.**

■ **PENGENDALIAN bengkel seumpamanya juga akan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai pentingnya menggunakan Bahasa Isyarat ke arah mencapai masyarakat yang bermaklumat.**

■ **KAEDAH penggunaan Bahasa Isyarat hendaklah juga diperkenalkan seawal mungkin kepada golongan kanak-kanak OKU Pendengaran sebagai bahasa pengantara yang digunakan dalam pembelajaran dan kehidupan seharian.**

Kenal pasti rukun dakwah dengan jelas

■ **KEPENTINGAN untuk sentiasa merujuk kepada sumber paling utama dalam kehidupan iaitu Al-Quran dan Sunnah, memahami isi dan mengamalkan apa yang terkandung di dalamnya.**

■ **PELBAGAI ilmu telah diperjelaskan meliputi metodologi dakwah, komponen-komponen utama sasaran dakwah, media teknologi dakwah dan kemahiran bahasa yang perlu dalam penyampaian mesej dakwah serta diharapkan bengkel tersebut berupaya meningkatkan kemahiran dan kewibawaan penceramah-penceramah atau da'ie tempatan.**

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Jun. - Pembentangan bengkel bertajuk 'Meningkatkan Kemahiran Dakwah Relevan dengan Perkembangan Semasa' antara lain membincangkan mengenai amalan cara solat Mazhab Al-Syafi'e, mengukuhkan sahsiah diri da'ie yang Murabbi, akhlak da'ie yang Rabbani, intelek da'ie yang Muslih dan teknik dakwah da'ie yang Mukhlis dari

aspek kerohanian, intelektual, fizikal, akhlak, sosial dan kerjanya. Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Adanan bin Haji Basar juga menerangkan mengenai isu-isu dalam masyarakat yang perlu difokuskan dalam dakwah serta cadangan pendekatan dakwah berkesan.

Terdahulu, Dr. Haji Adanan menjelaskan kepentingan untuk

sentiasa merujuk kepada sumber paling utama dalam kehidupan, iaitu Al-Quran dan Sunnah, memahami isi dan mengamalkan apa yang terkandung di dalamnya.

Pada Majlis Penutup Bengkel Memantapkan Dakwah berlangsung di Dewan Tarbiyah di sini, Dr. Haji Adanan juga menyatakan, secara praktiknya dilihat daripada akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang merupakan akhlak Al-Quran. Segala yang terkandung dalam Al-Quran tercermin dalam diri Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam semua aspek seperti hidup bermasyarakat, berkeluarga, kepimpinan dan sebagainya.

Majlis anjuran bersama KUPU SB melalui Fakulti Usuluddin dan Pusat Da'wah Islamiah diakhiri dengan penyampaian sijil kepada para peserta yang disampaikan oleh Ra'es KUPU SB.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi, Ihsan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Pegawai Ugama Kanan Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman selaku Timbalan Pengerusi Bersama Bengkel dalam ucapan alu-aluan menjelaskan bahawa antara pengisian bengkel termasuk teknologi dakwah, English for dakwah, dakwah dalam media dan aliran pemikiran kontemporari, diharapkan dapat memperkasa da'ie yang menyertai bengkel tersebut.

Melalui integrasi ilmu teori dan praktik, jelasnya akan dapat memantapkan lagi strategi dakwah yang tajam, relevan dengan situasi perubahan semasa dan cakna masyarakat.

Pelbagai ilmu telah diperjelaskan meliputi metodologi dakwah, komponen-komponen utama sasaran dakwah, media teknologi dakwah dan kemahiran bahasa yang perlu dalam penyampaian mesej dakwah juga diharapkan bengkel tersebut berupaya meningkatkan kemahiran dan kewibawaan penceramah-penceramah atau da'ie tempatan.

Sementara itu, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Muhammad Naqib bin Haji Awang selaku wakil peserta bengkel dalam ucapannya menjelaskan bahawa bengkel yang diunkayahkan sangat menyuntik semangat peserta da'ie untuk terus berdakwah dalam mengajak manusia ke jalan Allah Subhanahu

Wata'ala dan ia merupakan tugas mulia dan utama para Rasul 'alaihimussalam.

Melalui bengkel tersebut, jelas beliau juga menekankan kepentingan mengenal pasti rukun-rukun dakwah secara jelas, kaedah dan mesej dalam berdakwah, memastikan ketepatan isi kandungan dakwah, mengetahui *syajaratul 'ilm*, kepentingan Kitab Turath, memahami aliran pemikiran semasa dan banyak lagi. Turut diharapkan oleh peserta agar bengkel berkenaan boleh diteruskan ke peringkat lanjutan dan lebih fokus kepada satu-satu bidang ilmu seperti 'Ulum Hadis, Kitab Turath, Ketamadunan Islam dan sebagainya.

Selain itu, tambahnya, diperlukan bengkel lanjutan yang boleh membantu memantapkan lagi diri para da'ie itu sendiri, kerohanian atau spiritualnya selain intelek dan keilmuannya. Maka dengan mantapnya da'ie dan dakwahnya maka akan tajamlah dakwah Islamiah di Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Pegawai-pegawai Utama KUPU SB dan Pusat Da'wah Islamiah, pegawai-pegawai daripada jabatan-jabatan kerajaan, perwakilan daripada Al-Minhaj Centre serta Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam, pensyarah-pensyarah dan kakitangan KUPU SB.



RA'ES Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) ketika menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta Bengkel Memantapkan Dakwah (kiri sekali dan kiri).



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Hujurat, ayat 12 :

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan daripada prasangka, sesungguhnya sebahagian prasangka itu dosa. Dan janganlah kamu mengintip (mencari-cari kesalahan) orang dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain. Adakah seseorang daripada kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? Maka sudah tentu kamu merasa jijik kepadanya. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Pengasih".

Antara cara bagi kita untuk melestari dan mengekalkan keharmonian hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara itu ialah dengan menjaga adab, etika dan tingkah laku dalam pergaulan kita antara satu sama lain. Perkara tersebut adalah salah satu cabang ketinggian akhlak dan kemuliaan keperibadian seseorang. Ini termasuklah juga ketika kita berinteraksi dan

berkomunikasi di media-media sosial. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Sebaik-baik orang Mukmin adalah yang paling baik akhlaknya". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Sesungguhnya kecanggihan dunia teknologi pada masa kini tidak dapat disangkal lagi. Bahkan bilangan orang yang celik IT adalah semakin ramai dan bertambah jumlahnya, malah penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi sudah menjadi lumrah dan menjadi trend kehidupan masyarakat kita pada masa ini.

Di satu sisi, tidak dapat disangkal bahawa pelbagai bentuk media digital berasaskan media sosial telah memberikan kemudahan manfaat yang luar biasa kepada masyarakat. Segenap lapisan masyarakat pada masa kini menjadikan media sosial seperti Facebook, WhatsApp, Instagram, Telegram dan seumpamanya, sebagai medium informasi dan perhubungan dalam kehidupan seharian.

Akan tetapi di sisi yang berbeza, media sosial itu sekiranya disalahgunakan, maka ia juga berperanan sebagai medium untuk menyebarkan perkara-perkara yang tidak baik, antaranya :

Pertama : Menjadi medan untuk mengata atau untuk mengaibkan orang.

Kedua : Menjadi tempat perdebatan dan bertenggang urat.

Ketiga : Menjadi tempat penyebaran masalah sosial, bukan saja di kalangan remaja, bahkan juga di kalangan kanak-kanak dan juga di kalangan orang dewasa.

Sesungguhnya teknologi maklumat komunikasi berasaskan media sosial pada dasarnya adalah untuk mempermudah sesuatu. Oleh yang demikian, media sosial itu sekiranya digunakan dengan niat yang betul maka ia akan membawa kepada manfaat dan kesejahteraan hidup, akan tetapi sekiranya media sosial itu disalah guna maka ia akan membawa kepada perkara-perkara yang sia-sia dan merugikan.

Ketika kita berinteraksi dan berkomunikasi di media-media sosial, maka kita perlulah menyedari bahawa kita telah mendedahkan diri kita kepada sebuah dunia yang terbuka

luas dan tanpa sempadan.

Oleh yang demikian, sebagai umat Islam, kita hendaklah sentiasa menjaga akhlak, adab dan etika ketika kita berkomunikasi dan berinteraksi di dalam media sosial itu sebagaimana yang disarankan menurut hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam antaranya :

Pertama : Menjaga tutur bicara dan menjaga perkataan.

Dalam konteks komunikasi dan interaksi di media sosial, menjaga tutur bicara dan menjaga perkataan itu ialah dengan sentiasa memastikan bahawa setiap perkataan yang kita lafazkan ataupun kata-kata yang kita tulis itu ialah sesuatu yang elok, baik dan betul.

Ini termasuklah dengan tidak melafazkan kata-kata ataupun menggunakan perkataan yang tidak baik seperti menghina, mengejek, mencela, berbicara dengan perkataan-perkataan yang kurang sopan dan segala bentuk perkataan buruk lainnya. Daripada Abdullah bin Mas'ud Radiallahuanhu ia berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Bukanlah seorang mukmin yang suka mencela, melaknat, berbuat dan berkata keji dan kotor". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Kedua : Menjauhi prasangka dan mencari-cari kesalahan. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Jauhilah prasangka kerana prasangka itu adalah ucapan yang paling dusta, janganlah kalian saling mendiamkan, janganlah suka mencari-cari isu, saling mendengki, saling membelakangi serta saling membenci tetapi jadilah kalian hamba-hamba Allah yang bersaudara". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menegah umatnya daripada bersifat buruk sangka dan mencari-cari kesalahan orang lain. Ini kerana sifat-sifat tersebut akan membawa kepada perbuatan umpat dan fitnah. Di zaman moden yang serba canggih ini, perbuatan mengumpat dan menabur fitnah itu semakin mudah disebarkan.

Perlu diingat, bahawa dalam agama kita, mengumpat dan memfitnah itu adalah satu perbuatan yang haram, tercela dan termasuk dalam dosa-dosa besar. Oleh yang demikian,

kita hendaklah sentiasa berhati-hati dan menjaga diri kita daripada melakukan perbuatan yang boleh mengundang kepada kata-kata umpat dan fitnah. Ini kerana bahaya umpat dan fitnah itu bukan saja menyebabkan kita mendapat dosa besar malah mengakibatkan kita tidak akan dapat memasuki syurga Allah Subhanahu Wata'ala. Daripada Huzaifah bin Al-Yaman bahawa dia mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya : "Penabur fitnah tidak akan masuk syurga".

Ketiga : Tabayyun iaitu mensabitkan dan menyemak asas kebenaran sesuatu perkara. Oleh yang demikian, setiap perkara, informasi, berita ataupun perkhayaban yang kita terima dan peroleh itu hendaklah diselidik dan disiasat terlebih dahulu kebenaran dan kesahihannya sebelum memviralkan dan menularkannya ke laman-laman sosial dan aplikasi-aplikasi tertentu. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Sesungguhnya seorang hamba apabila menuturkan satu perkataan yang tidak dipastikan kebenarannya terlebih dahulu, akan membawanya ke neraka yang jaraknya lebih jauh dari jarak antara timur dan Barat." (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Sebagai pengguna media sosial yang bijak, kita hendaklah sentiasa muhasabah diri dan sentiasa berusaha menjaga setiap tingkah laku dan tutur kata kita, terutamanya ketika kita berinteraksi dan berkomunikasi di media sosial. Sama-samalah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala melindungi diri kita daripada melafazkan tutur kata dan melakukan tingkah laku yang boleh mengundang dosa dan kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alam.

Tafsirnya : "Dan peliharalah diri kamu daripada (berlakunya) fitnah (yang membawa bala bencana) yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang zalim antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu kesemuanya). Dan ketahuilah bahawa Allah sangat berat seksa-Nya". (Surah Anfal, ayat 25)

RB tercalon dalam 3 kategori



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 18 Jun. - Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB)

sukacita memaklumkan bahawa, RB dicalonkan dalam tiga kategori bagi sub-wilayah Asia bagi World

Travel Awards Ke-28, iaitu Asia's Leading Airline, Asia's Leading Airline - Kelas Perniagaan dan Krew Kabin Terkemuka Asia (Asia's Leading Cabin Crew).

Pada tahun 2020, RB muncul sebagai juara Krew Kabin Terkemuka di Asia dan Dunia yang mengalahkan banyak syarikat penerbangan terkemuka di seluruh dunia.

Ketua Pegawai Eksekutif RB, Kapten Haji Khalidkhan bin Haji Asmahan berkata, "Kemenangan berganda tahun lalu untuk Krew Kabin Terkemuka Asia dan Krew Kabin Terkemuka Dunia 2020 sudah pasti merupakan salah satu pencapaian yang paling membanggakan.

"Ia memang bukti bahawa walaupun dengan wabak global, kita masih boleh melakukan dan mempamerkan kesopanan rakyat Brunei kepada para tetamu kami. Pencalonan tahun ini juga membuktikan kedayatahan.

"Saya sangat berbangga dengan semua anggota kakitangan kami, dan sangat berterima kasih kepada para tetamu kami atas sokongan berterusan mereka terhadap syarikat penerbangan ini.

"Kami akan bekerjasama, di samping menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa keberangkatan lawatan

baginda pada tahun 2020, untuk memastikan bahawa RB akan mengekalkan kemenangan dalam beberapa tahun akan datang.

"Oleh itu, kami ingin menjemput para tetamu, rakan perniagaan dan perdagangan, media, keluarga, rakan-rakan dan peminat RB kami untuk memberikan sokongan kepada RB dengan meluangkan masa untuk mengundi," jelasnya.

Orang ramai khususnya rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam dialu-alukan untuk sama-sama mengundi RB di <https://www.worldtravelawards.com>

Siaran Akhbar : Syarikat Penerbangan Diraja Brunei

[com/vote](https://www.worldtravelawards.com/vote) hingga 16 Ogos 2021.

Sejak anugerah ini ditubuhkan pada tahun 1993, RB telah memenangi lima anugerah dan dicalonkan lebih dari 26 kali.

Maklumat lanjut mengenai anugerah dan pencalonan yang lalu boleh didapati menerusi <https://www.worldtravelawards.com/profile-2149-royal-brunei-airlines> atau layari www.flyRB.com/votenow.



ADAB DAN ETIKA BERINTERAKSI DI MEDIA SOSIAL

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 07 Zulkaedah 1442H/18 Jun 2021M


 Jabatan Hal Ehwal Masjid,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam



JANGAN JADIKAN MEDIA SOSIAL ITU SEBAGAI :







Menjaga tutur bicara dan perkataan



Menjauhi prasangka dan mencari-cari kesalahan




Tabayyun iaitu mensabitkan dan menyemak asas kebenaran sesuatu perkara

Daripada Abu Hurairah Radhi Allahu 'Anhu, Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

Sesungguhnya seorang hamba apabila menuturkan satu perkataan yang tidak dipastikan kebenarannya terlebih dahulu, akan membawanya ke neraka yang jaraknya lebih jauh antara Timur dan Barat (HR Imam Bukhari)





DISEDIAKAN OLEH :
 BAHAGIAN PENYELIDIKAN
 DAN PERKEMBANGAN,
 JABATAN HAL EHWAL
 MASJID,
 KEMENTERIAN HAL EHWAL
 UGAMA,
 NEGARA BRUNEI
 DARUSSALAM

SUNTIK SEMANGAT, MENGASPIRASIKAN MASYARAKAT MELALUI LAWATAN



PARA peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) dari Kampung Menengah, Mukim Bangar, pada sebelah petang meneruskan lagi lawatan ke Syarikat Helif Aquaculture, di Kampung Mentiri (kanan), sementara gambar kiri, antara Udang jenis Vannamei (Whiteleg Shrimp) yang dihasilkan dan dipasarkan di pasar raya-pasar raya tempatan.

Berita dan Foto : Aimi Sani

MENTIRI, Rabu, 16 Jun. - Peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) dari Kampung Menengah, Mukim Bangar, pada sebelah petang meneruskan lagi lawatan ke Syarikat Helif Aquaculture, di Kampung Mentiri.

Syarikat Helif Aquaculture yang berkeluasan 32 hektar itu mula

beroperasi sejak tahun 2018 dan syarikat tersebut mampu menghasilkan Udang jenis Vannamei (Whiteleg Shrimp) dan dipasarkan ke pasar raya-pasar raya tempatan.

Jurujual Syarikat Helif Aquaculture, Chuah Chyh Chung ketika ditemui berkata, pada ketika ini, mereka mempunyai enam kolam ternakan udang dan

setiap satu kolam mampu menghasilkan 260 tan setahun.

Udang Vannamei ujarnya, mampu membesar sehingga 30 gram, iaitu saiz sebesar tapak tangan.

PMB yang diunkayahkan oleh Jabatan Penerangan ini adalah untuk menyuntik semangat dan mengaspirasikan anggota masyarakat mempertingkatkan

taraf hidup mereka melalui aktiviti keusahawanan serta memberi pengetahuan dan maklumat bagaimana untuk meningkatkan taraf hidup dengan membina ekonomi dalam bidang keusahawanan melalui taklimat-taklimat dari agensi-agensi tertentu dan perkongsian maklumat dengan pengusaha yang berjaya bagi mewujudkan

masyarakat kampung yang bermaklumat dan berilmu dalam sama-sama menanai hasrat kerajaan mencapai Wawasan Brunei 2035.

Melalui program ini juga, ia diharapkan akan dapat mengukuhkan jati diri dan menyuntik semangat dalam terus memberikan kerjasama dalam mendukung aspirasi negara.

Tinjau lebih dekat perusahaan tempatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Jun. - Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Kampung Menengah di Daerah Temburong diteruskan lagi di hari keduanya dengan mengadakan lawatan ke beberapa buah tempat di Daerah Brunei dan Muara.

Seramai 35 peserta PMB yang diketuai oleh Mejar (B) Ampuan Hussain bin Ampuan Mattahir selaku Pemangku Ketua Kampung Menengah memulakan kunjungan lawatan mereka ke Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd. yang terletak di Tapak Perindustrian Lambak Kanan.

Rombongan terlebih dahulu diberikan beberapa taklimat pengenalan dari wakil Syarikat Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd., antaranya mengenai penubuhan, visi, misi, matlamat serta peranan syarikat tersebut dari mula ia ditubuhkan sehingga ia menjadi sebuah syarikat perusahaan yang berjaya di negara ini.

Di samping itu, peserta-peserta juga berpeluang untuk meninjau sebahagian dari prasarana yang terdapat di syarikat berkenaan antaranya kaedah pemprosesan dan pembungkusan produk-produk

keluaran syarikat berkenaan.

Peserta-peserta juga berpeluang untuk membeli pelbagai jenis produk keluaran syarikat tersebut secara terus dari kilang pembuatan dan pemprosesan yang antaranya terdiri dari pelbagai jenis rempah ratus, serbuk kopi, serbuk teh, makanan proses dalam tin, cuka, air mineral botol dan banyak lagi dengan harga yang istimewa.

PMB yang diunkayahkan oleh Jabatan Penerangan ini dihasrat dapat menyuntik semangat dan memberikan inspirasi kepada anggota masyarakat di negara ini bagi mempertingkatkan lagi

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

taraf hidup mereka melalui aktiviti keusahawanan.

Selain itu, program tersebut juga dipupuk untuk memberikan pengetahuan dan maklumat bagaimana untuk meningkatkan taraf hidup dengan membina dan menjana ekonomi dalam bidang keusahawanan melalui

taklimat-taklimat dari agensi-agensi tertentu dan perkongsian maklumat dengan para pengusaha yang berjaya bagi mewujudkan masyarakat kampung yang bermaklumat dan berilmu dalam sama-sama menanai hasrat kerajaan mencapai Wawasan Brunei 2035.



PARA peserta PMB dari Kampung Menengah, Mukim Bangar mendengarkan penerangan dan melihat lebih dekat produk-produk ketika lawatan ke Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd. (atas, atas kanan dan kanan).

DITANGKAP KERANA LAKUKAN KESALAHAN IMIGRESEN

Siaran Akhbar dan Foto :

Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Jun. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) mengingatkan kepada orang ramai bahawa jabatan berkenaan akan sentiasa menjalankan operasi, menangkap, menyiasat juga mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana orang yang menyalahi undang-undang mengikut bidang kuasa yang diperuntukkan.

Bagi mana-mana warganegara asing di negara ini yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan dan jika sabit kesalahan akan dihadapkan ke mahkamah, dipenjarakan dan diusir ke negara asal dan nama-nama mereka disenaraihitamkan.

■ **SEORANG lelaki warganegara asing ditangkap semasa Operasi Langis JIPK 71/2021 kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah peraturan-peraturan Imigresen dan seterusnya dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, JIPK untuk siasatan lanjut.**

■ **BAGI mana-mana warganegara asing di negara ini yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan dan jika sabit kesalahan akan dihadapkan ke mahkamah, dipenjarakan dan diusir ke negara asal dan nama-nama mereka disenaraihitamkan.**

Tujuan operasi dan pemeriksaan adalah bagi melaksanakan rondaan, operasi dan pemeriksaan berdasarkan kepada maklumat dan kerjasama daripada orang ramai berpandukan kepada maklumat yang terkumpul, sama ada secara persendirian atau bersama agensi penguat kuasa yang lain; menguatkuasakan Akta dan Peraturan Imigresen, Akta dan Peraturan Pasport dan memastikan ia dipatuhi serta dalam usaha mengesan pesalah imigresen.

Di samping itu, bagi menguatkuasakan Perintah Pencegahan Penyeludupan Orang 2019 dan Perintah Anti Pemerdagangan Orang 2019; dan

apa juga kegiatan yang bertentangan dengan undang-undang dan peraturan di Negara Brunei Darussalam.

Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, JIPK, Bandar Seri Begawan menjalankan Operasi Langis JIPK 71/2021 pada Rabu, 16 Jun 2021, jam 9.30 pagi yang menyasarkan beberapa bangku di Pasar Tani Setanaga, Mukim Sengkurong.

Sewaktu pemeriksaan dijalankan di lokasi berkenaan, pihak Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, JIPK memeriksa beberapa orang warganegara asing.

Hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan, seorang lelaki warganegara asing berjaya ditangkap kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah peraturan-peraturan Imigresen dan seterusnya dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, JIPK untuk siasatan lanjut.

Oleh itu, Ketua Pegawai Imigresen Kanan, Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, JIPK menegaskan bahawa JIPK akan sentiasa meningkatkan aktiviti penguatkuasaan di negara ini dengan melaksanakan secara



HASIL daripada pemeriksaan yang dijalankan, seorang lelaki warganegara asing berjaya ditangkap kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah peraturan-peraturan Imigresen, seterusnya dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, JIPK untuk siasatan lanjut.

berterusan pemantauan, operasi dan pemeriksaan berpandukan kepada maklumat yang ada, sama ada secara bersendirian atau bersama dengan agensi penguatkuasaan yang lain.

Ke arah aktiviti penguatkuasaan tersebut, jabatan ini mengalu-alukan orang ramai bagi

sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen.

Sebarang maklumat dan nama pemberi maklumat akan diarahsiakan sepenuhnya dengan menghubungi Hotline JIPK menerusi talian + 673 8734888 dan +673 8753888.

Majikan perlu patuhi Perintah Pekerja 2009

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

SENGKURONG, Rabu, 16 Jun. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh mengadakan Operasi Selongkar 111/2021, baru-baru ini, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerja 2009 dipatuhi oleh majikan-majikan.

Pegawai Penguatkuasa dari Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh menjalankan pemeriksaan ke atas sebuah perusahaan Kedai Pembekal Barang-barang Elektrik di kawasan Sengkurong.

Hasil operasi tersebut mendapati dua pekerja tempatan tidak diberikan kontrak pekerjaan dan majikan juga didapati gagal memberikan cuti Hari Kelepasan Awam. Manakala seorang pekerja asing didapati melakukan kerja tidak mengikut kebenaran Lesen Pekerja Asing (Penyalahgunaan Jawatan).

Jabatan Buruh akan mengambil tindakan denda kompaun, iaitu di bawah Bab 10, Perintah Pekerja 2009 kegagalan dalam menyediakan kontrak pekerjaan dan jika sabit kesalahan, didenda kompaun sebanyak BND600 bagi kesalahan pertama dan BND900

bagi kesalahan kedua.

Manakala kegagalan majikan memberikan Cuti Hari Kelepasan Awam, iaitu kesalahan, di bawah Bab 70, Perintah Pekerja 2009, jika sabit kesalahan, majikan akan didenda kompaun sebanyak BND160 bagi kesalahan pertama dan BND320 bagi kesalahan kedua.

Akhir sekali tindakan di bawah Bab 112, Perintah Pekerja 2009 penyalahgunaan jawatan jika sabit kesalahan, majikan akan didenda kompaun sebanyak BND600 bagi kesalahan pertama dan BND900 bagi kesalahan kedua.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh

ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja menurut kehendak Perintah Pekerja 2009 seperti penyediaan kontrak pekerjaan, pembayaran gaji tepat pada waktunya dan memberikan tempat tinggal yang bersih.

Di samping itu, jua dinasihatkan kepada majikan untuk tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing dan melanggar akta di bawah Perintah Pekerja 2009.

Untuk makluman lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



PEGAWAI Penguatkuasa dari Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh menjalankan pemeriksaan ke atas sebuah perusahaan Kedai Pembekal Barang-barang Elektrik di kawasan Sengkurong.

14 peserta ikuti Kursus Fire Marshal

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

MUARA, Jumaat, 18 Jun. - Seramai 12 kakitangan Poni Group Sdn. Bhd. dan dua kakitangan Bureau Veritas Sdn. Bhd. mengikuti Kursus Fire Marshal selama tiga hari, baru-baru ini, diadakan di Bangunan Al-Warash, Pekan Muara dan dikendalikan oleh Bahagian Perhubungan Awam Cawangan Operasi 'A', Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP).

Sepanjang kursus dijalankan, peserta-peserta didedahkan mengenai pentingnya keselamatan kebakaran secara teori dan praktikal mengenai sebab dan punca berlakunya kebakaran, selain mengetahui akan tindakan apabila menghadapi insiden kebakaran di tempat kerja dengan membuat latihan pengosongan bangunan secara bersistematik.

Selain itu, peserta-peserta juga didedahkan mengenai tatacara penggunaan alat-alat pemadam api dan selimut api dengan cara yang betul dan tatacara untuk menyelamatkan diri dari terperangkap di dalam bangunan bila berlakunya kebakaran juga turut diajarkan.

Seterusnya, peserta-peserta juga berpeluang membuat lawatan ke Unit Operasi Wanita bagi mengetahui fungsi bomba wanita juga mengenali perkakas-perkakas dan peralatan bomba.

JBP ada menyediakan program-program keselamatan, seperti Taklimat Mencegah Kebakaran, LS995 dan Kursus Fire Marshal bagi mengetahui aspek-aspek keselamatan semasa menangani kecemasan juga mengetahui tatacara yang betul bagi penggunaan alat pemadam api.

Jika berlaku kecemasan, hubungi Talian Kecemasan Bomba 995 dan memberikan maklumat tepat.



PARA peserta Kursus Fire Marshal didedahkan mengenai tatacara penggunaan alat-alat pemadam api dan selimut api dengan cara yang betul.

VAKSIN SEBAGAI IMUNISASI BADAN MANUSIA



PEGAWAI Pelajaran Kesihatan, Dayang Nurul Adillah binti Mahmud dan Pegawai Perubatan Kementerian Kesihatan, Dr. Nur Asilah binti Ibrahim ketika menyampaikan Taklimat Program Vaksinasi COVID-19.

Oleh : Aimi Sani

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Jun. - Taklimat Program Vaksinasi COVID-19 dilaksanakan dengan tujuan untuk membarigakan maklumat mengenai vaksin COVID-19 kepada golongan sasaran bagi fasa kedua, iaitu guru-guru dan

mereka yang berisiko. Sehubungan itu, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama berinisiatif mengadakan satu program Taklimat Vaksinasi bagi seramai 504 orang pegawai JPI, pengetua-pengetua sekolah Arab,

guru-guru besar dan ketua guru agama Bahagian IRK bertempat di Dewan Auditorium 1 Sekolah Arab Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Kampung Rimba bermula 16 Jun 2021 secara dua sesi, iaitu pagi dan petang.

Hadir menyampaikan taklimat berkenaan ialah Pegawai Pelajaran Kesihatan, Dayang Nurul Adillah binti Mahmud dan Pegawai Perubatan Kementerian Kesihatan, Dr. Nur Asilah binti Ibrahim.

Guru-guru adalah sebagai barisan hadapan bagi melindungi kanak-kanak di bawah umur 18 tahun yang tidak dapat menerima vaksin.

Penggunaan vaksin COVID-19 yang diambil oleh semua umat Islam adalah diharuskan kerana penggunaan vaksin itu bertujuan sebagai imunisasi badan manusia. Pemberian imunisasi vaksin ini dilaksanakan secara berperingkat kepada semua golongan juga menepati prinsip Maqasid Syariah. Vaksinasi memenuhi objektif syariah kerana orang Islam yang diberi vaksin akan berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk terus melaksanakan ibadah wajib, mengurangkan kesakitan dan kematian akibat COVID-19.



ANTARA Pegawai Jabatan Pengajian Islam (JPI), pengetua-pengetua sekolah Arab, guru-guru besar dan ketua guru agama Bahagian IRK yang menghadiri taklimat tersebut.

Menangani isu kesihatan mental

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Jun. - Pusat Promosi Kesihatan melalui Kumpulan Strategi Kesihatan Mental bekerjasama dengan pihak pengurusan Kluster 3, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan mengunakayahkan Bengkel Menangani Isu Kesihatan Mental Di Sekolah.

Bengkel yang dijalankan selama dua hari, iaitu pada 9 hingga 10 Jun lalu itu disertai seramai 40 orang ketua sekolah dan Ahli Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di bawah Kluster 3.

Bengkel tersebut merupakan salah satu aktiviti Program Jangkauan Sekolah (School Outreach Program), iaitu Program Mempromosikan Kesihatan Kanak-kanak dan Remaja di bawah Pusat Promosi Kesihatan.

Antara lain objektif bengkel ini diadakan ialah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai, terutama dalam kalangan ketua-ketua sekolah, guru-guru dan para ibu bapa akan kepentingan kesihatan

mental dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah dalam memastikan ketumbesaran fizikal dan perkembangan emosi mereka dalam keadaan optima.

Bengkel juga dihasratkan sebagai satu platform pembarigakan langkah-langkah yang dapat dan perlu dilaksanakan oleh ketua-ketua sekolah, guru-guru serta ibu bapa dalam sama-sama menangani isu kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak dan remaja.

Pada masa yang sama, ia juga bertujuan untuk membantu sekolah-sekolah di bawah Kluster 3 untuk melakar garis panduan tatacara pengendalian piawai Standard Operating Procedure (SOP) untuk isu-isu berkaitan kesihatan mental dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah.

Bengkel yang berlangsung selama dua hari itu juga dimuatkan dengan sesi mini forum yang mengongsikan pengalaman ahli-ahli keluarga juga guru-guru dalam menangani pelajar-pelajar

yang mengalami isu kesihatan mental, diikuti dengan taklimat mengenai Kesihatan Mental dan Cara-cara Menanganinya yang disampaikan oleh Pegawai Saintifik, Pusat Promosi Kesihatan, Dr. Siti Nur Hassanah binti Haji Hasnan pada hari pertama.

Manakala pada hari kedua, bengkel tersebut diteruskan dengan taklimat mengenai Strategi Keibubapaan Positif dan Kemahiran Asas Kaunseling yang disampaikan oleh Ketua Strategi Kesihatan Mental, Pusat Promosi Kesihatan, Dayang Nor Syahmun binti Haji Matassan.

Bengkel juga dimuatkan dengan sesi perbincangan mengenai pelakoran tatacara pengendalian piawai isu-isu berkaitan kesihatan mental.



PUSAT Promosi Kesihatan melalui Kumpulan Strategi Kesihatan Mental bekerjasama dengan pihak pengurusan Kluster 3, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan mengunakayahkan Bengkel Menangani Isu Kesihatan Mental Di Sekolah.



SEBAHAGIAN daripada ketua sekolah dan Ahli Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di bawah Kluster 3 yang menyertai bengkel tersebut.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Merokok Membahayakan Kesihatan'. Tarikh Tutup : 23 Jun 2021
2. 'Waspada Dengan Penipuan Dalam Talian'. Tarikh Tutup : 30 Jun 2021
3. 'Bersama Menjaga Kebersihan Pantai'. Tarikh Tutup : 7 Julai 2021

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

MAKLUMAN IKLAN JAWATAN KOSONG

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN ATAU DENGAN MENGIKUT KOD QR DI BAWAH.



Lihat Senarai Iklan
Jawatan Kosong



PSC.BN

+673 7371961 PSC.BN PSC.BN query@sp.gov.bn

BIL.	JAWATAN & KOD IKLAN	JABATAN / KEMENTERIAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1	PENGAWAS TINGKAT I D.4 EB.5 (BAHAGIAN IV) 2021/0023/02	JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	16	7(A)	26 JUN 2021
2	PEMBANTU JURULATIH KESENIAN D.3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2021/0023/01	BAHAGIAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	01	7(A)	26 JUN 2021
3	KERANI D.1-2-3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2021/0024/05	JABATAN-JABATAN KERAJAAN	02	7(A)	26 JUN 2021
4	ATENDAN KESIHATAN PELABUHAN F.2-3-4-5 EB.4 (BAHAGIAN V) 2021/0023/03	JABATAN PERKHIDMATAN ALAM SEKITAR KEMENTERIAN KESIHATAN	05	7(A)	26 JUN 2021
5	JURUPULIH CARA KERJA M.11 / M.13-14 EB.15 (BAHAGIAN II) 2021/0021/02	KEMENTERIAN KESIHATAN	04	7(A)	28 JUN 2021

MAKLUMAT LEBIH LANJUT BERKAITAN DENGAN BIDANG DAN TUGAS TANGGUNGJAWAB BOLEHLAH MELAYARI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN DAN DENGAN MENGIKUTI AKAUN MEDIA SOSIAL INSTAGRAM DAN TELEGRAM DI @PSC.BN



KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

REQUEST FOR PROPOSALS
(RFP)

TOURISM DEVELOPMENT
DEPARTMENT
MINISTRY OF PRIMARY
RESOURCES AND TOURISM
(MPRT)

Open Invitation for Proposals

TO DESIGN, BUILD, OPERATE
AND MAINTAIN AN
EDUTAINMENT INTERACTIVE
PARK AT SUNGAI BASONG



RECREATIONAL PARK,
TUTONG,
BRUNEI DARUSSALAM

Reference No:
MPRT / RFP / 2021 / 01

Closing Date:
Tuesday, 6th July 2021,
2.00 PM



JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

'THE SUPPLY AND DELIVERY
OF 10KVA UNINTERRUPTIBLE
POWER SUPPLY (UPS) FOR
REMOTE SITE (BUKIT PUAN
AND SERIA REMOTE
SITE), DEPARTMENT OF CIVIL
AVIATION'

Bilangan Sebut Harga :



ATELS / 2021 / SH-16

Tarikh Tutup : 23 Jun 2021
(Rabu),
Jam 2.00 Petang



JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

NOTIS SEBUT HARGA

BILANGAN TAWARAN :
RTB / K / 18 / 21 - 22

TAJUK TAWARAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF HD

LIVE SWITCHER
ACCESSORIES FOR KB
STUDIO.

BAYARAN TAWARAN :
BND5.00 (tidak dikembalikan)

SALINAN KERTAS
(Hardcopy) :
BND5.00 (jika perlu dan tidak
dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu, 23 Jun 2021,
jam 2.00 Petang



JABATAN AUDIT JABATAN PERDANA MENTERI

SEBUT HARGA
JABATAN AUDIT, JABATAN
PERDANA MENTERI

BILANGAN SEBUT HARGA :
AUD / PTMK / Q&T / 2021-2022
/ 02

MEMBELI PERALATAN
GANTI BAGI MEMBAIKI MESIN

CETAK BERWARNA
LEXMARKC950

JENIS PERALATAN :
SFP-TOUCH SCREEN (40 X
7116)
KUANTITI : 1

JENIS PERALATAN :
PHOTOCONDUCTOR UNIT 1
PACK (C950 X 71G)
KUANTITI : 2

JENIS PERALATAN :
PHOTOCONDUCTOR UNIT 3
PACK (C950 X 73G)
KUANTITI : 2



Tarikh Tutup :
Selasa, 29 Jun 2021, jam 12.00
Tengah Hari.



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

Syarat-syarat Tawaran :

1. UNISSA / SB0017 / 2021 /
2022 - SUPPLY, DELIVERY,
INSTALLATION, TESTING AND
MAINTENANCE OF DIGITAL
MOBILE RADIO (DMR) FOR
UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI (UNISSA)

2. UNISSA / SB0018 / 2021 /
2022 - MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR BUKU-BUKU
RUJUKAN BAGI FAKULTI
PENGURUSAN
PEMBANGUNAN ISLAM DAN
TENAGA-TENAGA AKADEMIK
LAIN 2020-2021 UNIVERSITI
ISLAM SULTAN SHARIF ALI
(UNISSA)

Tarikh Tutup :
Tidak lewat Rabu, 23 Jun 2021,
Jam 2.00 Petang.



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR

DI DALAM KELAS :
IV & V SAHAJA
KATEGORI : [KA01 ATAU E01
ATAU E02 ATAU E03 ATAU

P05]
BILANGAN :
JKR / DOR / SRM 11 / 2021

NAMA PROJEK :
PENYELENGGARAAN DAN
PENINGKATAN SISTEM
LAMPU ISYARAT
TERMASUK 'SCAT' DI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM.

Tarikh Tutup Tawaran Pada :
Tidak Lewat Selasa,
6 Julai 2021
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN TENAGA

SEBUT HARGA
KEMENTERIAN TENAGA

1. Bilangan Sebut harga :
ME / SEBUTHARGA /
2021-2022 / 02

Tajuk Sebut harga :
'COACHING SERVICES FOR
THE MINISTRY OF
ENERGY ON COMMERCIAL
MATTERS'

2. Bilangan Sebut harga :
ME / SEBUTHARGA /
2021-2022 / 03

Tajuk Sebut harga :
'COACHING SERVICES FOR
THE MINISTRY OF
ENERGY ON LEGAL MATTERS'

3. Bilangan Sebut harga :
ME / SEBUTHARGA /
2021-2022 / 04

Tajuk Sebut harga :
'COACHING SERVICES FOR
THE MINISTRY OF
ENERGY ON PROJECT
MANAGEMENT'

4. Bilangan Sebut harga :
ME / SEBUTHARGA /
2021-2022 / 05

Tajuk Sebut harga :
'THE SUPPLY AND DELIVERY
OF TONERS / CARTRIDGES

FOR MINISTRY OF ENERGY
FOR ONE YEAR (2021-2022)'

Tarikh Tutup :
Sabtu, 15 Zulkaedah 1442H /
26 Jun 2021M
[Tidak lewat
jam 2.00 Petang]





**JABATAN HAL EHWAL MASJID
KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA**

Bilangan Sebut Harga :
JHEM / R / SBH / 01 / 06 / 21

Tajuk Sebut Harga :
**TERM CONTRACT 12 MONTHS
FOR LANDSCAPE AND
GROUND MAINTENANCE
MASJID OMAR ALI
SAIFUDDIEN, BANDAR
SERI BEGAWAN,
NEGARA BRUNEI**



DARUSSALAM

Tarikh Tutup :
Rabu, 14 Julai 2021,
jam 2.00 Petang



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan cetak (*hard copy*) atau salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan TIDAK kurang dari dua (2) minggu sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca juga menggunakan Microsoft Word dengan Font ARIAL saiz 12.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh dijangka terbit, kekerapan terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Persuratan mengenai iklan berkenaan bolehlah dihantar dalam salinan cetak (*hard copy*) dan dialamatkan ke :

**MEJA IKLAN,
SEKSYEN KANDUNGAN KHAS,
BAHAGIAN PELITA BRUNEI,
JABATAN PENERANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**SALINAN LIUT (SOFT COPY) BOLEH DIHANTAR MELALUI E-MEL KE
iklan.pb@information.gov.bn.**

FAKSIMILE MENERUSI +673 238 1004

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

UNTUK MEMASTIKAN IKLAN-IKLAN YANG DIHANTAR SUDAH DITERIMA, BOLEHLAH MENGHUBUNGI MENERUSI TALIAN :
+673 238 2891 ATAU +673 238 3400 SAMBUNGAN 217.



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

BILANGAN SEBUT HARGA :
KKBS / OBBD / F-004
(02-2021-2023)

RE-QUOTATION :
KONTRAK PENGGAL (2)
TAHUN (2021-2023) BAGI

PENYEDIAAN DAN
PENYAJIAN MAKAN / MINUM
(KATERING) UNTUK
PEGAWAI, KAKITANGAN DAN
PESERTA YANG MENGIKUTI
PELBAGAI PROGRAM
OUTWARD BOUND BRUNEI
DARUSSALAM (OBBD)
KEMENTERIAN
KEBUDAYAAN, BELIA DAN
SUKAN

Tarikh Tutup Sebut Harga :
24 Jun 2021, jam 2.00 Petang
(Khamis)



**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH
BESAR
DI NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
DI BANDAR SERI BEGAWAN**

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN
PERTAMA**

**KES NO. BCY / CP / 543 /
2009**

Nama Penghutang - Siti Rahayu binti Haji Tuah (ID No. 00-264404). **Alamat** - No.67, Jalan 11, Kampung Perpindahan Lambak Kanan, Berakas BC2915, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No 543 tahun 2009. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 36.598 peratus. **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama Bila Kena Dibayar - 3 Ogos 2020. **Dimana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh : 3 Jun 2021

**NURUL HIDAYAH BINTI
HAMDAN
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam**

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN
PERTAMA**

**KES NO. BCY / CP / 224 /
2009**

Nama Penghutang - Masri bin Haji Gariff (ID No. 00-064684). **JD1 Alamat** - No.13-D, Jalan 26, Perumahan Kampung Rimba, Gadong BE3319, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 224 tahun 2009. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 21.329 peratus. **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama Bila Kena Dibayar - 6 Mac 2021. **Dimana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh : 3 Jun 2021

**NURUL HIDAYAH BINTI
HAMDAN**

**Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam**

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN
PERTAMA**

KES NO. BCY / CP / 5 / 2017

Nama Penghutang - Norhasyimah binti Abdullah Pandai (ID No. 00-122330). **Alamat** - No.2714, Kampung Sungai Mau, Bukit Sawat Ulu Belait, Kuala Belait, KF 1138, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 5 tahun 2017. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 24.655 peratus. **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama Bila Kena Dibayar - 15 April 2021. **Dimana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh : 3 Jun 2021

**NURUL HIDAYAH BINTI
HAMDAN
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam**

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN
PERTAMA**

**KES NO. BCY / CP / 118 /
2018**

Nama Penghutang - Ahmad Nurulhadi bin Haji Aban (BYIC 00-306124). **Alamat** - Room No. 9, Flat FB 3 Tutong Kem 2BN, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 118



**JABATAN KASTAM DAN
EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN
KEWANGAN DAN
EKONOMI**

**TAWARAN KASTAM
BIL. 13 / 2021**

**TAWARAN PEMBEKALAN
HIGH SECURITY CONTAINER
SEAL KEPADA JABATAN
KASTAM DAN EKSAIS
DIRAJA, NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM.**



Tarikh Tutup :
Selasa,
22 Jun 2021
Jam 2.00 Petang

tahun 2018. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 18.8 sen. **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama Bila Kena Dibayar - 10 Jun 2021. **Dimana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh : 3 Jun 2021

**MUHD MUZAKKIR BIN HAJI
ZAKARIA
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam**

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN
PERTAMA**

**KES NO. BCY / CP / 473 /
2010**

Nama Penghutang - Mahari bin Ibrahim (BYIC 00-128879). **Alamat** - No.15, Simpang 40, Jalan 31, RPN Kampung Lambak Kanan, Bandar Seri Begawan BC2915, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 473 tahun 2010. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 64.2 sen. **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama Bila Kena Dibayar - 10 Jun 2021. **Dimana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh : 3 Jun 2021

**MUHD MUZAKKIR BIN HAJI
ZAKARIA
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam**



MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**KES NO. BCY / CP / 306 /
2020**

BIBD AT-TAMWIL BERHAD
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

ROSNANI BINTI TANJONG
(BYIC No. 00-274779)

- Penghutang Penghakiman /
Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN
PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh 18 Februari 2021.

Notis adalah diberikan bahawa
satu perjumpaan
pemiutang-pemiutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-5)**
**Mahkamah Besar pada 29 Jun
2021, jam 10.00 Pagi.**

Untuk membolehkan kamu
mengundi dalam perjumpaan itu,
bukti-bukti kamu mestilah

diserah-simpan kepada saya tidak
lewat daripada 24 jam sebelum
waktu yang telah ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang hendak
digunakan dalam perjumpaan
itu mestilah diserahkan simpan
kepada saya tidak lewat daripada
24 jam sebelum waktu yang telah
ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap
Penghutang telah ditetapkan pada
29 Jun 2021, jam 10.00 Pagi.

Mana-mana pihak pemiutang
yang telah memberikan bukti, atau
wakil- wakilnya yang diberi kuasa
secara bertulis, bolehlah menyoal
penghutang semasa pemeriksaan
awam baginya berhubung dengan
hal ehwalnya dan sebab-sebab
kegagalannya.

Bertarikh : 8 Mac 2021

**NURUL HIDAYAH BINTI
HAMDAN**

Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
Mahkamah Besar

**KES NO. BCY / CP / 320 /
2020**

BABDURI BANK BERHAD

- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen
**HAJI ISKANDAR BIN HAJI
YUSOF**

(BYIC No. 00-064063)

- Penghutang Penghakiman /
Penentang
**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN
PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh 11 Februari 2021.

Notis adalah diberikan bahawa
satu perjumpaan
pemiutang-pemiutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-5)**
**Mahkamah Besar pada 30 Jun
2021, jam 10.15 Pagi.**

Untuk membolehkan kamu
mengundi dalam perjumpaan itu,
bukti-bukti kamu mestilah
diserah-simpan kepada saya tidak
lewat daripada 24 jam sebelum
waktu yang telah ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang hendak
digunakan dalam perjumpaan
itu mestilah diserahkan simpan
kepada saya tidak lewat daripada
24 jam sebelum waktu yang telah

ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap
Penghutang telah ditetapkan pada
30 Jun 2021, jam 10.15 Pagi.

Mana-mana pihak pemiutang
yang telah memberikan bukti, atau
wakil- wakilnya yang diberi kuasa
secara bertulis, bolehlah menyoal
penghutang semasa pemeriksaan

awam baginya berhubung dengan
hal ehwalnya dan sebab-sebab
kegagalannya.

Bertarikh : 8 Mac 2021

**NURUL HIDAYAH BINTI
HAMDAN**

Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
Mahkamah Besar



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 050 / 2021

TAJUK :
**REQUTATION LIFT
MAINTENANCE -
MODERNIZATION OF 'ORONA'
CONTROL SYSTEM AND
PARTS REPLACEMENT OF
PASSENGER LIFT AT
BANGUNAN JABATAN HAL
EHWAL SYAR'IAH,
KEMENTERIAN HAL EHWAL**



UGAMA (LAMA).

Tarikh Tutup :
Rabu, 23 Jun 2021,
2.00 Petang



JABATAN KASTAM DAN EKS AIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

TAWARAN KASTAM
BIL. 12 / 2021

**TAWARAN PERKHIDMATAN
PEMBERSIHAN STOR BPUU,
CAWANGAN MUARA,
JABATAN KASTAM DAN
EKS AIS DIRAJA, NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**



Tarikh Tutup :
Selasa, 22 Jun 2021
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**PERATURAN DAN
SYARAT-SYARAT**

**JUALAN SECARA SEBUT
HARGA BAGI 15 BUAH BOT
SERANG LAJU DAN 5 BUAH
BOT GETAH KEPUNYAAN
ANGKATAN BERSENJATA
DIRAJA BRUNEI**



RUJUKAN :
**MINDEF / DFA / MWOC / L / 1
(03/2021)**

Tarikh tutup menghantar
sebut harga :
Rabu, 23 Jun 2021,
tidak lewat jam 10.00 Pagi.



PEJABAT PEGUAM NEGARA JABATAN PERDANA MENTERI

BILANGAN TAWARAN :
**PPN / ASSET / BUU / QTN /
2021 / 5 / 1**

NAMA TAWARAN :
**INTERIOR DESIGN AND
RENOVATION SUPPLY AND
INSTALLATION OF
FURNITURES AND FIXTURES
FOR WILKINSON ROOM,
SYNDICATE ROOM AND
CLERKS ROOM, SECOND
FLOOR, LAW BUILDING,**

**ATTORNEY GENERAL'S
CHAMBERS, JALAN RAJA
ISTERI PENGIRAN ANAK
SALEHA, BA1910, BRUNEI
DARUSSALAM**

BILANGAN TAWARAN :
**PPN / ASSET / BUU / QTN /
2021 / 5 / 2**

NAMA TAWARAN :
**INTERIOR DESING AND
RENOVATION SUPPLY AND
INSTALLTION OF FURNITURES
AND FIXTURES FOR
SECURITY GUARD ROOM AND
WALKWAY, GROUND FLOOR,
LAW BUILDING, ATTORNEY
GENERAL'S CHAMBERS,
JALAN RAJA ISTERI
PENGIRAN ANAK SALEHA,**



**BA1910, BRUNEI
DARUSSALAM**

Tarikh Tutup :
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang Pada
Selasa, 22 Jun 2021



JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

JPt / TAW / 01 / 2020 - 2021 :

**MEMBEKAL BAJA-BAJA
KIMIA BAGI BANTUAN
INSENTIF JABATAN.**



Tarikh Tutup :
tidak lewat dari

jam 2.00 Petang,
pada Selasa,
29 Jun 2021.

PERINTAH PERSAINGAN BERI MANFAAT KEPADA PENIAGA



SUASANA sesi dialog bersama peniaga pasar yang disampaikan oleh Sekretariat Eksekutif kepada Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam (CCBD).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Jun. - Pasaran yang berdaya saing memberi peluang kepada peniaga tanpa mengira saiz perniagaan untuk berkembang.

Kesedaran dan kepatuhan terhadap Perintah Persaingan adalah sangat penting ke arah mencapai pasaran yang adil yang dapat memberi manfaat kepada para peniaga dalam jangka

panjang dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan pengguna.

Perkara tersebut ditekankan oleh Sekretariat Eksekutif kepada Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam (CCBD) di dalam sesi dialog bersama peniaga pasar, baru-baru ini.

Sekretariat Eksekutif kepada CCBD memberi pujian kepada peniaga pasar di atas kehadiran dalam sesi dialog berkenaan. Sekretariat Eksekutif kepada CCBD seterusnya menekankan kepentingan untuk mempunyai kesedaran mengenai Perintah Persaingan, mengambil kira juga peniaga di pasaran menawarkan khidmat yang penting kepada masyarakat.

Sesi dialog dilaksanakan dengan objektif utama untuk membarigakan mengenai kepentingan dan manfaat mematuhi Perintah Persaingan serta larangan-larangan utama yang dikuatkuasakan, iaitu larangan terhadap perjanjian di antara dua atau lebih peniaga untuk menetapkan harga, mengehadkan bekalan, membuat tawaran secara kolusif dan membahagikan pasaran.

Perjanjian-perjanjian ini adalah dilarang di bawah Bab 11, Perintah Persaingan, 2015 yang dikuatkuasakan pada 1 Januari 2020.

Melalui larangan amalan anti-persaingan, Perintah Persaingan dihasrat dapat mencapai objektif bagi menggalakkan peniaga, termasuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk bersaing secara sihat dengan menawarkan harga kompetitif secara bebas dan memberikan produk juga perkhidmatan yang berkualiti untuk menarik pelanggan.

Siaran Akhbar dan Foto : Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam

Sesi berkenaan juga membincangkan mengenai kaedah bagi mengesan Perjanjian Anti-Persaingan (kartel). Di bawah Bab 44, Perintah Persaingan memberi peruntukan bagi Program Kelonggaran, iaitu program yang memberi insentif kepada peniaga yang terlibat di dalam amalan kartel untuk tampil memberi maklumat mengenai amalan yang dilarang tersebut dan memberi kerjasama sepenuhnya kepada CCBD sebagai pertukaran bagi imuniti daripada penalti.

Maklumat lanjut mengenai Perintah Persaingan dan Program Kelonggaran boleh diperoleh di Laman Sesawang CCBD di www.ccbd.gov.bn.

Pembentangan mengenai Perintah Persaingan diikuti dengan

perbincangan interaktif yang merangkumi hal-hal berkaitan dengan tingkah laku peniaga dalam pasaran domestik dan dasar bagi mempromosi persaingan dalam pasaran.

Sesi dialog adalah sebahagian daripada pelaksanaan fungsi utama CCBD untuk mempromosi persekitaran perniagaan yang berdaya saing di Negara Brunei Darussalam melalui penguatkuasaan perundangan persaingan yang berkesan.

Sekretariat Eksekutif kepada CCBD boleh dihubungi melalui e-mel di brunei.competition@jpes.gov.bn atau menerusi talian +673 2233344 sambungan 230, 341 atau 343 bagi sebarang pertanyaan umum dan permohonan taklimat mengenai Perintah Persaingan.

■ **KESEDARAN** dan kepatuhan terhadap Perintah Persaingan adalah sangat penting ke arah mencapai pasaran yang adil yang dapat memberi manfaat kepada para peniaga dalam jangka panjang dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan pengguna.

■ **KEPENTINGAN** untuk mempunyai kesedaran mengenai Perintah Persaingan, mengambil kira juga peniaga di pasaran menawarkan khidmat yang penting kepada masyarakat.

■ **MELALUI** larangan amalan anti-persaingan, Perintah Persaingan dihasrat dapat mencapai objektif bagi menggalakkan peniaga, termasuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk bersaing secara sihat dengan menawarkan harga kompetitif secara bebas dan memberikan produk dan perkhidmatan yang berkualiti untuk menarik pelanggan.

Pemenang BruneiKu-est terima hadiah



SENIOR Vice President of Operations, DST Sdn. Bhd., Awang Amir bin Pehin Datu Pekerma Bijaya Kolonel (B) Dato Paduka Haji Hussin bergambar ramai pada acara penyampaian hadiah kepada para pemenang bagi Pertandingan BruneiKu-est sempena Kempen Pelancongan Domestik Selera Bruneiku.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Jun. - Jabatan Kemajuan Pelancongan, baru-baru ini mengadakan acara penyampaian hadiah kepada para pemenang bagi Pertandingan BruneiKu-est sempena Kempen Pelancongan Domestik Selera Bruneiku, bertempat di Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP).

BruneiKu-est

pertandingan dalam talian (*online competition*) yang melibatkan empat Social Media Influencers (SMIs), iaitu DJ Daffy, Kurapak, Ranoadidas dan Eat.What.Now dalam misi mempromosikan makanan, destinasi juga aktiviti yang unik dan menarik di keempat-empat daerah.

Gambar-gambar dan video ekspedisi SMIs kemudian dimuat naik di media sosial bagi membolehkan orang ramai mengikuti *virtual tour* dan

seterusnya mengundi video kegemaran mereka.

Pertandingan BruneiKu-est ini merupakan projek kerjasama di antara Jabatan Kemajuan Pelancongan dengan Syarikat Datastream Digital (DST) Sdn. Bhd. yang juga merupakan penaja utama bagi pertandingan ini.

Acara penyampaian hadiah kepada para pemenang, disampaikan oleh Senior Vice President of Operations, DST Sdn. Bhd., Awang Amir bin Pehin Datu Pekerma Bijaya Kolonel (B) Dato Paduka Haji Hussin.

Pertandingan yang dibukakan selama tiga minggu itu dimenangi oleh Kurapak, sementara tempat kedua dimenangi oleh Ranoadidas, tempat ketiga disandang oleh DJ Daffy dan Eat.What.Now mendapat tempat keempat.

Kempen Pelancongan Domestik Selera Bruneiku merupakan inisiatif Jabatan Kemajuan Pelancongan bagi menggalakkan rakyat dan penduduk di negara ini untuk melancong di dalam negara dan mencuba pelbagai jenis makanan dan aktiviti menarik di keempat-empat daerah.

Ia merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Kemajuan Pelancongan ke arah memajukan sektor pelancongan domestik, terutama pada waktu pandemik COVID-19 yang melanda dunia ketika ini.

PERJANJIAN ANTI-PERSAINGAN (KARTEL) DILARANG DI BAWAH PERINTAH PERSAINGAN 2015

Tarikh penguatkuasaan: 1 Januari 2020

Perjanjian yang menghalang, mengganggu atau menyekat persaingan di pasaran

MENETAPKAN HARGA

Perjanjian untuk menetapkan harga barangan atau perkhidmatan tanpa bersaing untuk menawarkan nilai yang terbaik.

MEMBAHAGIKAN PASARAN

Perjanjian untuk membahagikan pasaran mengikut jenis barangan atau perkhidmatan, atau kawasan geografi.

MENGHADKAN BEKALAN

Perjanjian untuk menghadkan kuantiti barangan atau perkhidmatan bagi memalsukan kekurangan bekalan di pasaran.

KOLUSIF TENDER

Perjanjian di antara penender atau vendor yang berpotensi menender untuk menghadkan atau mengurangkan persaingan di dalam proses tender dengan menipu bidaan.

Disediakan oleh Sekretariat Eksekutif kepada Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna, JPES, KKE

CERAMAH SENTUH MENGENAI DEMAM DENGGI



SESI bergambar ramai bersama Ahli PKWE Daerah Tutong ketika ceramah mengenai Demam Denggi bersempena dengan Sambutan Hari Denggi ASEAN 2021 yang diadakan di Bangunan PKWE Daerah Tutong (kiri), manakala gambar bawah kiri, suasana pada sesi ceramah tersebut.

Dr. Mohammad Hussein menyampaikan ceramah bertajuk 'Demam Denggi', manakala Dr. Norzalena binti Haji Ahmad menyampaikan ceramah bertajuk 'Pengawasan Penyakit Bawaan Vektor'.

Pameran dan maklumat yang berkaitan dengan demam denggi turut dipamerkan di acara tersebut. Terdahulu, bagi memulakan sesi ceramah tersebut, Pengerusi PKWE Daerah Tutong, Awang Haji Hamaffi bin Md. Yassin, mengetuai bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat.

Ceramah yang diadakan dihasrat akan dapat memberi kesedaran kepada ahli-ahli pusat berkenaan akan bahayanya penyakit demam denggi, selain dapat berhati-hati untuk mengelakkan daripada terkena jangkitan wabak berkenaan.

■ Berita dan Foto : Ihsan Ajees Hamdan

TUTONG, Rabu, 16 Jun. - Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Tutong mengadakan satu sesi ceramah mengenai Demam Denggi bersempena dengan Sambutan Hari Denggi ASEAN 2021 yang diadakan di Bangunan PKWE

Daerah Tutong. Seramai dua pegawai dari Kementerian Kesihatan dijemput pada sesi ceramah tersebut dan menjelaskan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan demam denggi.



Alert List AMBD dikemas kini

■ Siaran Akhbar : Autoriti Monetari Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Jun. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Alert List AMBD telah dikemaskinikan.

Alert List AMBD adalah senarai individu, syarikat dan laman sesawang yang tidak diberi kebenaran atau kelulusan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan di bawah kawalan AMBD, atau mana-mana aktiviti yang menimbulkan kecurigaan akan berlaku aktiviti yang menyalahi undang-undang.

Senarai ini adalah tanpa prejudis kepada sebarang penilaian lanjut oleh AMBD mengenai aktiviti-aktiviti syarikat berkenaan.

AMBD juga ingin memaklumkan orang ramai bahawa individu, syarikat atau entiti yang telah dimasukkan ke dalam Alert List AMBD bagi bulan Mei 2021 adalah Alan Wong Loan Settlement (FB Profile) (+673 8300641) dan Billah FinService Organization (FB Profile).

Alert List AMBD yang telah dikemaskinikan boleh didapati melalui laman sesawang AMBD di www.ambd.gov.bn. Senarai syarikat-syarikat dan individu-individu yang dilesenkan oleh AMBD juga boleh didapati di laman sesawang yang sama.

AMBD juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan orang ramai bahawa AMBD telah mendapati beberapa halaman Facebook yang digunakan sebagai platform untuk menawarkan aktiviti-aktiviti kewangan termasuk produk serta perkhidmatan kewangan yang tidak berlesen dan tidak dikawal selia. Ini adalah termasuk halaman Facebook *Via Tempat Minjam Duit Tahan Item/ATM*.

AMBD ingin menekankan agar orang ramai hanya berurusan dengan institusi-institusi kewangan yang berlesen, seterusnya berwaspada dengan penyedia-penyedia perkhidmatan kewangan atau entiti pihak ketiga tidak berlesen yang menawarkan bantuan untuk mendapatkan produk atau perkhidmatan kewangan melalui media sosial.

Sebarang urusan dengan entiti atau syarikat dan / atau individu yang tidak dikawal selia oleh AMBD tidak akan dilindungi di bawah rangka kerja penyeliaan yang ditadbir oleh AMBD.

AMBD akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di NBD. AMBD juga akan terus memantau sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di NBD.

Jika orang ramai mempunyai sebarang maklumat mengenai aktiviti yang tidak berlesen, sila hubungi AMBD menerusi talian +673 2380007 atau e-mel ke fci@ambd.gov.bn.



بانچي قندودوق دان قرومهن
BANCII PENDUDUK
dan **PERUMAHAN 2021**

جباتن قرائچن ايكونومي دان ستاتيستيك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Penyenaraian Tempat Kediaman
20 Januari 2021 - 21 Februari 2021

Pengendalian e-Census
20 April 2021 - 21 Jun 2021

Temuduga Bersemuka
20 Julai 2021 - 2 Ogos 2021



Imbas Kod QR untuk maklumat lanjut

www.brucensus.gov.bn support.brucensus@jpes.gov.bn [@statistics.jpes](https://www.instagram.com/statistics.jpes)



Sekilas info JPA

Fakta 8 :

AWAL tahun 1950-an : Pada awal tahun 1950-an, penyertaan anak tempatan mula bertambah dalam Perkhidmatan Awam tetapi kebanyakannya hanya memegang jawatan rendah. Hanya sebahagian kecil dapat memegang jawatan sebagai pegawai kanan, pegawai dan kerani.

Bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja dalam jawatan separuh-mahir, Pegawai Pendidikan Negeri telah mengeluarkan arahan kepada pelajar-pelajar Brunei di Sarawak, meminta mereka yang tamat persekolahan dalam Darjah VII ke atas agar pulang ke Brunei untuk memasuki Perkhidmatan Awam. Mereka yang lulus Darjah VII ditawarkan jawatan dalam bidang perkeranian dalam pelbagai bidang, manakala bagi yang lulus Junior atau Secondary Cambridge berpeluang menjadi pegawai di Jabatan Pendidikan.

Fakta 9 :

Pertengahan - akhir 1950-an : Peranan Majlis Mesyuarat Negeri sebagai badan tertinggi dalam meneliti dasar-dasar pentadbiran awam Brunei juga berkembang. Ia bukan sahaja berperanan meluluskan undang-undang, akta dan enakmen, malah juga membincangkan perancangan-perancangan jabatan kerajaan, perjawatan, peraturan, laporan jabatan, latihan, pembentukan jawatankuasa dan sebagainya.

Fakta 10 :

Dibentuk pada 29 September 1959, Perlembagaan Negeri Brunei 1959 (PNB) telah membentuk sebuah struktur pemerintahan dan pentadbiran Brunei secara mendadak dari segi dasar, sistem, dan struktur pentadbiran yang kini di bawah kuasa berkerajaan sendiri.

Fakta 11 :

Perjanjian Brunei-British 1971 telah memberikan Brunei kuasa mutlak untuk menjalankan pentadbiran dalam negara, sementara Kerajaan British hanya bertanggungjawab untuk pentadbiran luar negara.

Fakta 12 :

Dalam pemerintahan Melayu Islam Beraja (MIB), titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan dasar dan rujukan utama dalam pentadbiran negara, selaras dengan kuasa eksekutif penuh baginda sebagai pemimpin Negara Brunei Darussalam. Titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang diucapkan di majlis-majlis rasmi diambil tindakan susulan dalam pentadbiran awam. Surat-surat keliling yang menyediakan maklumat yang lebih terperinci dan garis panduan mengenai titah akan dikeluarkan dengan perkenan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Jabatan Perkhidmatan Awam menyumbang kepada perangkaan dan penilaian sebahagian surat-surat keliling berkaitan warga Perkhidmatan Awam.

Fakta 13 :

"Tidak dapat disangkal lagi, Perkhidmatan Awam adalah merupakan jentera penggerak kerajaan dalam membangun negara bagi kesejahteraan rakyat.

Ia, bukan sahaja untuk masa ini, malahan juga untuk kepentingan jangka panjang.

Perkhidmatan Awam berperanan menanai tanggungjawab besar untuk masyarakat. Ia perlu mempunyai usaha atau inisiatif bagi kemanfaatan masyarakat secara langsung".

Petikan titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-50 pada Selasa, 15 Rabiulawal 1441 Hijrah bersamaan 12 November 2019 Masihi.

Fakta 14 :

Visi Jabatan Perkhidmatan Awam adalah 'Transformasi Perkhidmatan Awam Ke Arah Negara Brunei Darussalam yang Maju'.

Ikuti maklumat mengenai JPA dan aktiviti-aktiviti sempena Hari Ulang Tahun JPA Ke-50, iaitu Jubli Emas JPA. #JPA50 #50FactsFor50Years

BERSAMA TANAI TANGGUNGJAWAB BERSIHKAN PANTAI



KUMPULAN IMPAK penggerak belia Tutong pada sesi bergambar ramai ketika menyertai program Kempen Kebersihan Senegara 2021 'Serpihan Laut' sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2021.

■ Berita dan Foto : Ihsan Kumpulan IMPAK

TUTONG, Rabu, 16 Jun. - Kumpulan IMPAK penggerak belia Tutong baru-baru ini menyertai program Kempen Kebersihan Senegara 2021 'Serpihan Laut' sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2021.

Kempen bertemakan 'Pemulihan Ekosistem' yang dikendalikan oleh Jabatan Alam Sekitar (JASTRe) Tutong itu diadakan di hujung Pantai Danau yang disertai oleh lebih kurang 20 ahli Kumpulan IMPAK.

Menurut Pengerusi IMPAK Tutong, Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, kempen yang diadakan adalah salah satu aktiviti yang baik

untuk menggalakkan belia-belia dan khususnya orang ramai tentang kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar terutama sekali di kawasan pantai-pantai.

"Kita juga tahu bahawa di muka bumi ini bukan saja *kitani* yang tinggal namun ada binatang lain juga perlu diambil kira terutamanya binatang laut.

"Jika kita biarkan sampah sarap di kawasan pantai ini terbiar, tidak mustahil ia boleh membunuh haiwan-haiwan laut seperti ikan, penyu dan bermacam lagi haiwan yang boleh terancam," katanya.

Dengan cara kempen

seumpama ini tambahannya, ia akan dapat mengelakkan haiwan-haiwan ini dari pupus, di samping dapat mencantikkan lagi pantai-pantai dari tercemar oleh sampah sarap.

Beliau seterusnya berharap kempen seperti ini bukan sahaja diadakan hanya sekali atau pada waktu-waktu tertentu tetapi biarlah ia berterusan bukan sahaja di satu tempat tetapi juga di tempat-tempat lain.

Program seumpamanya akan menjadi projek bulanan Kumpulan IMPAK Tutong untuk membersihkan pantai bagi sama-sama mengawal pencemaran pantai di daerah berkenaan.

Buaya terjat ke kail ditangkap



ANGGOTA bomba bertindak dengan mengikat buaya tersebut menggunakan tali dan diserahkan ke pihak Bahagian Hidupan Liar bagi tindakan seterusnya.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Jun. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) menerima panggilan kecemasan berikutan dengan insiden gangguan binatang liar, iaitu seekor buaya, di kawasan perairan Kampung Bolkiah 'A', pada jam 4.40 pagi, di sini.

Seramai lima anggota bomba dari Balai Bomba Sungai Kebun dikerahkan ke tempat lokasi, diketuai oleh ABK 143 Kalali bin Haji Muncit.

Semasa sampai di lokasi, anggota bomba mendapati seekor buaya terjat ke kail dan telah dinaikkan oleh penduduk kampung. Buaya tersebut

dianggarkan berukuran 2.5 meter panjang. Anggota bomba bertindak dengan mengikat buaya tersebut menggunakan tali dan diserahkan ke pihak Bahagian Hidupan Liar bagi tindakan seterusnya.

Sehubungan itu, pihak JBP menyarankan orang ramai, iaitu secara umumnya, supaya memastikan persekitaran kawasan adalah dalam keadaan bersih dan teratur supaya mengelakkan haiwan-haiwan liar untuk datang ke kawasan tersebut.

Kemudian, memastikan pintu rumah dan jendela dalam keadaan tertutup, khususnya jika awda tidak berada di rumah bagi mengelakkan

haiwan-haiwan liar, seperti anjing liar, ular, buaya dan monyet memasuki rumah awda.

JBP ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pihak jabatan ada menyediakan program-program keselamatan, seperti Kursus Fire Marshal, Life Saver 995 dan Taklimat Keselamatan Kebakaran bagi mengetahui aspek-aspek keselamatan ketika menangani kecemasan juga mengetahui tatacara betul bagi penggunaan alat pemadam api.

Akhir sekali, jika berlaku sebarang insiden kecemasan, orang ramai disarankan untuk menghubungi Talian Kecemasan Bomba 995 dan memberikan informasi dengan tepat.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Jabatan Penerangan



NEGARA Brunei Darussalam meskipun salah sebuah negara terkecil di ASEAN, namun mempunyai potensi yang besar bagi menjana pelaburan dan mengukuhkan lagi ekonomi negara melalui hasil dari sektor pelancongannya. Ini kerana Negara Brunei Darussalam mempunyai banyak tempat yang menarik dan berpotensi bagi tarikan para pelancong, sama ada dalam mahupun luar negara.

Di Daerah Brunei dan Muara, salah sebuah tempat yang sering menjadi tarikan ialah Taman Rekreasi Hutan Berakas. Taman ini mula dibuka pada tahun 1994 dan merupakan salah satu taman di bawah kawalan Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Dibukakan kepada orang ramai setiap hari, mulai jam 6.00 pagi hingga 6.00 petang, Taman Rekreasi Hutan Berakas, terletak kira-kira 18 kilometer dari Bandar Seri Begawan, di sepanjang Lebuh raya Muara-Tutong dan berada dalam kawasan Hutan Simpan Berakas, yang mempunyai keluasan seluas 348 hektar. Laluan masuk utama taman ini mudah dikenal pasti dengan adanya berbagai jenis replika tumbuhan yang dikenali dengan nama tempatannya 'sumbui-sumbui' atau *pitcher plants*.

Kemudahan yang disediakan

Taman Rekreasi Hutan Berakas merupakan salah satu destinasi yang popular kepada pelawat, terutama pada hujung minggu dan waktu cuti persekolahan. Peningkatan jumlah pelawat ke taman ini meningkat dengan tersedianya kemudahan, seperti pondok rehat, bekalan air dan elektrik, tandas awam, surau dan sebagainya.

Taman ini dibahagikan pada beberapa zon dan orang ramai yang ingin beriadah boleh melakukan aktiviti *barbeque* di tempat khas yang disediakan. Selain itu, taman ini juga menyediakan tapak perkhemahan atau lebih dikenali sebagai *camping site area* bagi mana-mana pihak yang ingin mengadakan aktiviti-aktiviti. Antara aktiviti yang sering

diadakan di sini ialah program kepimpinan atau program pembangunan kapasiti dan bermacam-macam lagi aktiviti yang lain.

Terdapat sebanyak 13 buah pondok disediakan di tapak perkhemahan ini yang boleh digunakan untuk aktiviti bermalam. Bagi yang berminat untuk menggunakan tapak perkhemahan ini, terlebih dahulu hendaklah membuat permohonan ke Jabatan Perhutanan. Selain itu, taman ini juga mempunyai trek hiking dan trek basikal sepanjang 8 kilometer.

Aktiviti sukan basikal tahan lasak

Aktiviti sukan basikal tahan lasak merupakan salah satu aktiviti yang sering diadakan di Taman Rekreasi Hutan Berakas, khususnya bagi penggemar sukan berkenaan. Taman tersebut bukan saja menarik penggemar-penggemar aktiviti sukan itu, malah ia juga telah menarik minat pelancong dari luar negara untuk menerokai taman juga hutan simpan di negara ini sebagai destinasi aktiviti sukan basikal tahan lasak.

Keunikan Taman Rekreasi Hutan Berakas

Selain sebagai sebuah destinasi popular kepada pelawat, Taman Rekreasi Hutan Berakas juga terkenal dengan tempat-tempat perkemahan memandangkan landskapnya yang menarik, dikelilingi oleh pokok-pokok hutan kerangas, bukit-bukau, hutan pantai juga pemandangan lautan yang indah. Salah satu yang sering dinantikan oleh pengunjung ke taman berkenaan ialah menghayati pemandangan matahari terbenam di sebelah petang.

Di kawasan taman rekreasi ini juga terdapat Taman Biodiversiti, di mana sebelum ini sering terbakar dan digunakan oleh orang yang tidak bertanggungjawab untuk membuang sampah sarap juga benda-benda terpakai, seperti tayar kereta. Walau bagaimanapun, dengan usaha yang gigih daripada Jabatan Perhutanan telah memulihkan kawasan ini hingga menjadi sebuah taman yang ditumbuhi dengan keindahan daripada pelbagai

spesies pokok dan kemudahan awam yang boleh dinikmati oleh orang ramai. Sebagai contoh, di sini disediakan trek laluan untuk berjalan kaki, taman permainan juga peralatan bersenam.

Salah satu kawasan di bawah Queen's Commonwealth Canopy (QCC)

Queen's Commonwealth Canopy (QCC) yang dilancarkan pada tahun 2015 semasa Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM), merupakan sebahagian daripada komitmen negara-negara anggota Komanwel demi memelihara ekosistem bumi untuk mempromosikan kesedaran mengenai nilai hutan, memudahkan pertukaran pengetahuan, berkongsi amalan terbaik dan mewujudkan kolaborasi baharu untuk pemuliharaan hutan.

Taman Rekreasi Hutan Berakas merupakan salah satu daripada tiga kawasan hutan yang dianugerahkan dan disenaraikan di bawah inisiatif QCC, pada tahun 2016, di samping Taman Negara Ulu Temburong, Hutan Simpan Batu Apoi; dan Taman Rekreasi Hutan Simpan Pulau Selirong.

Penganugerahan tersebut adalah berikutan daripada inisiatif dan program pemulihan juga pemuliharaan yang giat dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan, di kawasan Hutan Simpan Berakas. Inisiatif dan program tersebut juga turut melibatkan penyertaan orang rama, seperti agensi-agensi kerajaan, penuntut-penuntut sekolah, badan-badan persatuan bukan kerajaan (NGO), badan sukarelawan dan sebagainya. Sejak taman ini disenaraikan di bawah inisiatif QCC, sebanyak kira-kira 14,000 pokok ditanam hingga ke hari ini.

Perasmian pembukaan Plak QCC disempurnakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, pada 8 Mac 2021 bersempena Hari Komanwel.

Projek Penghutan Semula

Dasar Perubahan Iklim Pertama yang menggariskan 10 strategi utama bagi peralihan kepada sebuah negara yang mengeluarkan karbon yang rendah dan iklim

yang berdaya tahan dengan menetapkan hala tuju tindakan iklim bagi tempoh akan datang bermula dengan pelaksanaan Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (BNCCP), pada tahun ini.

Protokol Hijau merupakan satu garis panduan bagi sektor kerajaan untuk melaksanakan BNCCP dengan menggariskan bahagian-bahagian yang mempunyai peluang-peluang amalan hijau dalam operasi harian, seperti tenaga dan air, pengurusan sampah dan penggunaan kertas, seterusnya akan mendorong dalam amalan-amalan hijau bagi mengatur acara-acara kebangsaan dan menangani pokok yang terjejas daripada projek-projek kerajaan.

Hutan Simpan Berakas dipilih sebagai lokasi Projek Penghutan Semula kerana ia dikenal pasti sebagai kawasan yang rosak akibat kebakaran hutan, yang menjejaskan teruk pokok-pokok di hutan simpan. Lokasi itu juga dipilih sebagai sebahagian daripada fokus BNCCP untuk memulihkan kawasan yang terjejas melalui penghutan semula dan penanaman semula hutan.

Penutup

Dengan adanya taman-taman rekreasi yang tersedia seperti ini, orang ramai sentiasa mengambil peluang ini untuk bersenam dan beriadah bersama keluarga juga menjadikan riadah sebagai amalan mingguan keluarga bagi sama-sama membina masyarakat yang sihat dan aktif, di samping meningkatkan tahap kesihatan optimum juga kualiti kehidupan yang baik.

Sebagai rakyat dan penduduk negara ini, kita seharusnya memahami kepentingan dalam memelihara dan melestarikan alam sekitar yang dikurniakan kepada negara kita demi kelangsungan hidup generasi sekarang dan akan datang.

Antara faktor utama mengapa kita perlu menjaganya ialah untuk memulihara habitat flora dan fauna, menjadikan ekosistem yang stabil dan kesihatan manusia terjamin, selain ia mampu menarik pelancong ke negara ini juga menjaga sumber alam.



Melatih OKU dalam bidang tanaman bunga hidup

Rencana dan Foto :
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

PUSAT-PUSAT Bahagia di negara ini menyediakan pelbagai program bimbingan dan asas latihan kemahiran kepada lima kategori Orang Kelainan Upaya (OKU), iaitu OKU Intelek, Penglihatan, Pendengaran, Anggota dan Berganda. Menerusi Pusat Bahagia OKU-OKU, pelatih-pelatih OKU diberikan latihan asas kemahiran agar mereka dapat menyumbang kepada masyarakat dan negara.

Dalam hubungan ini, Pusat Bahagia Tutong memperkenalkan Program Pertanian Tanaman Bunga Hidup. Program ini merupakan salah satu projek latihan kemahiran dan keusahawanan pelatih-pelatih OKU Pusat Bahagia Tutong dalam memberikan kemahiran dan menambahkan pendapatan pelatih-pelatih Pusat Bahagia Tutong. Projek ini dilaksanakan setelah menerima lawatan dan saranan daripada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin agar pelatih-pelatih OKU, selain daripada mencari pekerjaan, mereka juga harus

diberikan pengetahuan dalam keusahawanan dalam bidang pertanian.

Program Pertanian Tanaman Bunga Hidup

Seramai 18 pelatih OKU, terdiri daripada 10 lelaki dan lapan perempuan, diketuai oleh seorang pelatih industri menyertai program ini di bawah pengawasan seorang pengajar pusat berkenaan, Awang Shahrin bin Haji Omar. Program Pertanian Tanaman Bunga Hidup ini bermula pada Julai 2020 dengan penanaman bunga-bunga hidup, antaranya Bunga Snake Plant, Lidah Buaya, Bunga Melor, Bunga Duit, Bunga Puding, Bunga Pandan dan sebagainya.

Lebih 100 buah pasu bunga hidup yang ditanam oleh pelatih OKU dan ditempatkan sekitar kawasan Pusat Bahagia Tutong, sedia untuk dipasarkan. Harga bagi bunga-bunga hidup dijual dari BND1 hingga BND5 sepasu. Memandangkan permintaan dan pasaran semakin meningkat, pada Oktober 2020, program ini ditambah baik dengan tanaman pelbagai jenis Bunga Keladi dan Bunga Ati-Ati, hingga pada

masa ini, lebih 100 jenis bunga dengan 1,000 lebih pasu bunga untuk dipasarkan. Bunga Ati-Ati, antara bunga yang paling laris dijual kerana bunga jenis ini menjadi tarikan kepada pengemarnya pada ketika ini. Dalam pada itu, tanaman bunga-bunga hidup ini dipromosikan / dipasarkan melalui platform media sosial, iaitu dilaman Facebook, Pusat Bahagia Tutong, JAPEM KKBS dan akaun Instagram @pusat.bahagia.tutong, di samping itu, ia juga turut dijual di tempat-tempat jualan, seperti Tamu Tutong dan kawasan Pusat Bahagia Tutong.

Semasa projek bermula dari Julai hingga Disember 2020, para pelatih OKU berjaya mendapatkan hasil jualan sebanyak BND1,036, di mana hasil jualan tertinggi dicatatkan pada November tahun lepas, iaitu sebanyak BND274. Hasil jualan tanaman bunga-bunga hidup yang diusahakan oleh pelatih-pelatih OKU pusat berkenaan mencatatkan jualan yang memberangsangkan, bermula awal tahun 2021, dengan peningkatan hasil jualan sebanyak BND561, pada Januari dan hasil jualan paling tinggi dicatatkan sebanyak BND743 dan BND715, masing-masing

bagi Mac dan April 2021.

Kesimpulan

Program Pertanian Tanaman Bunga Hidup diadakan bertujuan bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran cara pertanian kepada pelatih-pelatih OKU dan memberikan pendedahan mengenai proses dan cara menanam bunga-bunga hidup. Di samping itu, ia juga memberikan peluang kepada para pelatih OKU untuk menceburi bidang tanaman bunga hidup dan meningkatkan kemahiran kepada pelatih-pelatih OKU sebagai keusahawanan tanaman bunga-bunga hidup. Dengan adanya Program Pertanian Tanaman Bunga Hidup ini diharap akan dapat melahirkan pelatih-pelatih OKU yang boleh berdikari dalam bidang Pertanian Tanaman Bunga Hidup, sama ada secara perseorangan mahupun berkumpulan, agar mereka boleh berdikari juga mampu menjana pendapatan sendiri untuk menampung perbelanjaan harian mereka. Selain itu, program seperti ini diharap akan dapat diperluaskan lagi ke semua Pusat Bahagia di daerah yang lainnya.



DARI MAHKAMAH

KEPUTUSAN AKAN DIKETAHUI DALAM MASA TERDEKAT

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Jun. - Pihak pendakwaan bagi perbicaraan enam tertuduh dalam kes pengedaran dadah dan pengubahan wang haram akan menunjukkan keterangan dan laporan mengenai dengan *exhibit* di Jabatan Perkhidmatan Saintifik yang telah pun siap dan akan diketahui dalam masa terdekat. Manakala proses analisa masih dijalankan di Malaysia, akan tetapi disebabkan Malaysia masih

Percubaan culik : Lelaki dihadapkan ke mahkamah

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Jun. - Seorang lelaki warga tempatan dihadapkan di Mahkamah Majistret hari ini atas kesalahan percubaan menculik seorang kanak-kanak perempuan berumur 8 tahun.

Mohammad Firdaus bin Yunus didakwa menculik kanak-kanak tersebut daripada penjagaan ibu kandungnya yang berumur 38 tahun di sebuah sekolah rendah di Daerah Belait, kira-kira jam

8.30 pagi pada 14 Jun 2021.

Tertuduh didakwa di bawah Seksyen 363 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22 yang membawa hukuman penjara yang boleh dilanjutkan sehingga 10 tahun dan denda.

Yang Arif Pemangku Majistret Kanan Pengiran Hazirah binti Pengiran Mohd. Yusof menetapkan bagi kes ini disebut semula di Mahkamah Perantaraan, pada 30 Jun 2021 jam 2.00 petang dan pendakwaan tertuduh dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Raihan Nabilah binti Haji Ahmad Ghazali.

lockdown, maka proses telah pun terlambat dan masih menunggu keputusan.

Timbalan Pendakwa Raya juga menyatakan bahawa jika semua dokumen sudah lengkap akan diserahkan kepada peguam bela dan perbicaraan akan diperdengarkan di Mahkamah Tinggi nanti.

Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Qamarul Affyian bin Abdul Rahman yang membacakan pernyataan di

hadapan Hakim Yang Arif Pengiran Masni binti Pengiran Haji Bahar di Mahkamah Tinggi bagi membantu siasatan yang membabitkan kes pengedaran dadah dan pengubahan wang haram.

Pendakwaan terhadap enam tertuduh yang ditangkap oleh Biro Kawalan Narkotik ialah Ahmad bin Haji Tamit dan isterinya, Maskunah binti Wahab bersama anak-anak mereka, iaitu Isamuddin bin Ahmad,

Mohammad Saifuddin bin Ahmad dan Siti Izzatul Munirah binti Ahmad, dan suaminya, Jakaria bin Ahad didakwa atas dua kesalahan di bawah Seksyen 3A Akta Penyalahgunaan Dadah, Bab 27.

Manakala tertuduh-tertuduh diwakili oleh DC Mohd. Daud dan DC Pengiran Khairul Nizam Pengiran Haji Mohd. Yassin.

Kes itu akan didengarkan lagi pada 30 Jun 2021, jam 9.00 pagi secara dalam talian.

Operasi Sepadu Langis : Warga asing ditahan



OPERASI Sepadu Langis Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) 72/2021 yang dilaksanakan oleh JIPK, Kuala Belait, di projek pembinaan rumah baharu, kawasan Jalan Jaya Negara, Daerah Belait.

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

KUALA BELAIT, Khamis, 17 Jun. - Operasi Sepadu Langis Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) 72/2021 yang dilaksanakan oleh JIPK, Kuala Belait, sekitar jam 9.30 pagi, baru-baru ini di projek pembinaan rumah baharu, kawasan Jalan Jaya Negara, Daerah Belait memeriksa seramai tujuh orang warganegara asing semasa operasi tersebut.

Hasil pemeriksaan tersebut, seorang lelaki warganegara asing ditahan dan akan disiasat di bawah Akta dan Peraturan Imigresen Penggal 17 kerana didapati telah gagal mengemukakan sebarang pas imigresen yang sah sewaktu pemeriksaan dijalankan.

Oleh yang demikian, Ketua Pegawai Imigresen Kanan, Bahagian Penguatkuasa Undang-

Undang, JIPK, menyarankan agar meningkatkan aktiviti penguatkuasaan di negara ini dengan melaksanakan secara berterusan pemantauan, operasi dan pemeriksaan, berpandukan kepada maklumat yang ada, sama ada secara bersendirian atau bersama dengan agensi penguatkuasaan yang lain.

Ke arah aktiviti penguatkuasaan tersebut, jabatan ini mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen.

Sebarang maklumat dan nama pemberi maklumat akan dirahsiakan sepenuhnya dengan menghubungi talian JIPK, +673 8734888 atau +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) dan +673 8984111 (Kuala Belait).

Derma darah punyai manfaat kepada penerima

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



DAYANG Nur Rafidah binti Saili, mahasiswi Universiti Islam Sultan Sharif Ali ketika ditemu bual.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Jun. - Bersempena Hari Penderma Darah Sedunia 2021, Kementerian Kesihatan melalui Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) menganjurkan Kempen Menderma Darah Mega yang diadakan selama tiga hari, bermula 14 Jun lalu, di beberapa buah tempat terpilih di Daerah Brunei dan Muara.

Sehubungan itu, Kempen Menderma Darah Mega diteruskan lagi di hari ketiga yang diadakan di Pusat Pendermaan Darah, Hospital RIPAS, dari jam 7.30 pagi hingga 10.00 malam.

Kempen tersebut turut mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada orang ramai selaku para penderma, antaranya bagi Dayang Nur Rafidah binti Saili, 24 tahun, mahasiswi Universiti Islam Sultan Sharif Ali yang sudah menderma darah buat kali kelima dan beliau tetap merasa teruja untuk melakukan pendermaan darah lagi di masa akan datang.

"Menderma darah bukanlah sesuatu perkara yang menakutkan untuk dilakukan,

malah ia merupakan fardu kifayah dalam kita melaksanakan kehidupan kita, antaranya dengan membuat pendermaan darah kerana manfaatnya sangat besar kepada para penerima nanti, kerana dengan menderma darah *kitani* dapat menyelamatkan nyawa insan lain yang memerlukan," ujarnya.

Dalam pada itu, pendermaan darah secara kerap dan sukarela adalah penting bagi memastikan stok bekalan darah sentiasa di tahap optima dan mencukupi bagi menampung penggunaan di kesemua hospital di negara ini.

Bagi prosedur keselamatan seperti biasa sebelum menderma darah, para penderma terlebih dahulu dibuat pemeriksaan kesihatan, seperti bacaan tekanan darah (*blood pressure*) dan kandungan darah (*hemoglobin*) yang mencukupi.

Selepas pendermaan darah dijalankan, para penderma dinasihatkan untuk meminum banyak air dan tidak boleh melakukan kerja berat dalam tempoh masa 24 jam.

Setiap individu yang berhasrat untuk menderma darah hendaklah mempunyai tidur dan rehat yang cukup, bebas daripada selesema, demam

panas dan penyakit-penyakit lain, selain mempunyai berat badan sekurang-kurangnya 50 kilogram atau 110 paun dan berumur 18 tahun ke atas.

Selain itu, para penderma juga adalah disarankan untuk makan makanan yang berkhasiat sebelum menderma darah dan mengelakkan makan makanan yang berlemak serta elakkan daripada mengambil sebarang ubat yang mengandungi aspirin seperti panadol atau *paracetamol* dalam masa dua hari sebelum pendermaan platelet.

Namun bagi individu yang diberikan suntikan vaksinasi terhadap COVID-19 pula adalah dinasihatkan untuk tidak menderma darah selama satu bulan selepas suntikan vaksinasi dan juga dinasihatkan untuk membawa buku vaksinasi semasa menderma darah.

Untuk sebarang maklumat lanjut atau membuat tempahan bagi mengadakan Kempen Derma Darah, sila hubungi Pusat Pendermaan Darah menerusi talian +673 2242424 sambungan 5745 / 6001 / 6002 atau e-mel kepada bloodbank@moh.gov.bn dan ikuti Pusat Pendermaan Darah di Instagram dan Facebook di [@bloodbank_ripas](https://www.facebook.com/bloodbank_ripas).



ANTARA penderma yang menyertai Kempen Menderma Darah Mega bertempat di Pusat Pendermaan Darah, Hospital RIPAS.



RUNDINGAN KESELAMATAN SIBER PUTIN-BIDEN MUNGKIN PETANDA BERAKHIRNYA ERA 'WILD WEST' DUNIA MAYA

Keluarkan sendiri vaksin penyelesaian terbaik pastikan bekalan cukup

BANGKOK, 17 Jun. - Perdana Menteri Thailand Prayuth Chan o-cha berkata, penyelesaian jangka panjang terbaik bagi memastikan bekalan vaksin COVID-19 sentiasa mencukupi dalam memerangi wabak ini adalah dengan cara membuatnya sendiri di negara itu.

Beliau berkata ketika ini, beberapa negara berdepan masalah mendapatkan vaksin kerana pengeluar menghadapi kesulitan, menyebabkan berlaku kelewatan dan kekurangan penghantaran.

Memetik Singapura dan Taiwan sebagai contoh, kedua-dua negara mengakui membeli vaksin dari syarikat antarabangsa menjadi cabaran terbesar dalam menguruskan keadaan.

"Mengeluarkan vaksin kita sendiri adalah penyelesaian jangka panjang terbaik dan perkara ini telah kami putuskan lebih setahun lalu.

"Penyelesaian jangka panjang untuk negara adalah dengan membangunkan kemampuan pengeluaran vaksin tempatan. Ini membolehkan kita memastikan penduduk diberi vaksin selama bertahun-tahun dan selama yang diperlukan.

"Ini adalah keputusan tepat, dan saya bagi pihak negara, mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada pakar yang menyarankannya untuk negara kita," katanya ketika berucap pada Rabu malam.

Bagi penyelesaian jangka pendek, Prayuth menambah menjadi keutamaan kerajaan memastikan setiap penduduk menerima sekurang-kurangnya dos pertama secepat mungkin.

Siam Bioscience Co Ltd, pengeluar biofarmaseutikal pertama dan tunggal di Thailand, telah mula menghasilkan vaksin AstraZeneca COVID-19 untuk negara ini dan Asia Tenggara.

Selain itu, Universiti Chulalongkorn Thailand telah membangunkan calon vaksin RNA (mRNA) COVID-19 yang dinamakan ChulaCov19. Ujian terhadap manusia sudah dimulakan pada Isnin selepas kajian pra-klinikal menunjukkan hasil meyakinkan. - ©BERNAMA

China terus teroka usaha perang pengurusan

BEIJING, 17 Jun. - China hari ini mengadakan sambutan Hari Memerangi Pengurusan Sedunia ke-27 dengan tema "membaik pulih ekologi, pelihara tanah dan pulihkan ekonomi" dalam usaha negara ini membina semula persekitaran kediaman lebih baik di bumi yang sihat.

Hari Memerangi Pengurusan Sedunia disambut pada 17 Jun setiap tahun.

Di China, keluasan dan jumlah hutan menyaksikan peningkatan dalam tempoh 30 tahun kebelakangan ini.

Sebagai contoh, padang pasir Maowusu hampir hilang, manakala projek penanaman hutan perlindungan di barat timur, utara dan timur laut telah ditetapkan sebagai "kawasan contoh ekonomi ekologi" padang pasir yang pertama di seluruh dunia oleh Jabatan Rancangan Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Laporan Keadaan Penghijauan Wilayah China 2020" yang diumumkan baru-baru ini turut mendedahkan bahawa tanaman hutan pada 2020 mencatat 6.77 juta hektar, sementara padang rumput pula mencapai 2.83 juta hektar dan padang pasir yang terkawal berjaya mencapai 2.096 juta hektar.

Bekas Perdana Menteri Kyrgyzstan, Djoomart Otorbaev berpendapat bahawa projek memerangi padang pasir Kubuqi di Wilayah Mongolia Dalam China yang dimulakan pada 30 tahun lepas telah membawa hasil dan kini direkodkan terdapat enam ribu kilometer persegi padang pasir berada dalam keadaan terkawal.

Beliau sering kali melawat China termasuk untuk mempelajari pengalaman China dalam pembasmian kemiskinan berpandangan bahawa 'pembasmian kemiskinan melalui ekologi' adalah pengalaman berguna yang boleh dikongsi China dengan seluruh dunia.

Pada masa sama, China juga sentiasa aktif menyertai kerjasama antarabangsa dan pengawalan ekologi global dalam memerangi pengurusan, di samping melaksanakan konvensyen antarabangsa yang berkaitan dan mendorong kerjasama berkenaan dengan ASEAN, Eropah timur dan tengah, Asia timur laut serta Pertubuhan Kerjasama Shanghai (SCO). - ©BERNAMA

Pemilik TikTok, ByteDance catat kerugian bersih US\$45 bilion pada 2020

MOSCOW, 17 Jun. - Syarikat China ByteDance, pemilik platform media sosial popular TikTok, mencatatkan kerugian bersih US\$45 bilion tahun lalu, terutamanya disebabkan penyediaan bantuan, lapor Sputnik memetik Wall Street Journal.

ByteDance dalam satu kenyataan pada Khamis berkata syarikat ini mengalami kerugian operasi sebanyak US\$2.1 bilion pada 2020, sebahagiannya disebabkan kos yang lebih tinggi untuk membayar pampasan kepada pekerja.

Bagaimanapun, ByteDance turut mencatatkan peningkatan pendapatan dua kali ganda kepada US\$34.3 bilion sepanjang tahun lalu, terdapat kira-kira 1.9 bilion pengguna aktif di semua platformnya, termasuk Douyin, TikTok versi China, dan platform kandungan berita Jinri Toutiao.

Syarikat berpangkalan di Beijing itu ditubuhkan pada 2012. - ©BERNAMA

WASHINGTON, 17 Jun. - Perjanjian antara Presiden Rusia Vladimir Putin dan Presiden Joe Biden untuk memulakan rundingan mengenai keselamatan siber bakal menjadi satu langkah penting ke arah meningkatkan keselamatan global, lapor Sputnik.

Ia juga akan merintis usaha mewujudkan garis panduan di sektor maya yang sehingga sekarang masih belum terbentuk, menurut Chuck Easttom, seorang saintis komputer Amerika yang pakar dalam keselamatan siber.

Pada Rabu dalam satu sidang media selepas mengadakan perbincangan

dengan Biden di Villa La Grange di Geneva, Putin berkata beliau bersetuju dengan Presiden Amerika Syarikat (AS) itu untuk memulakan rundingan mengenai keselamatan siber.

Katanya, keselamatan siber sangat penting untuk seluruh dunia termasuk Rusia dan AS.

"Dua negara kuasa besar dunia itu mula membincangkan perkara berkaitan garis panduan untuk masalah siber bagi mengurangkan penguasaan 'wild west' di dunia maya.

"Ini dapat meningkatkan keselamatan global dan mengurangkan kemungkinan serangan terhadap infrastruktur

negara," kata Easttom.

Menurutnya perbincangan itu "seumpama konvensyen Geneva versi maya."

Namun, ia masih di peringkat awal dan belum jelas bilakah rundingan selanjutnya akan diadakan.

Keselamatan siber menjadi antara isu penting untuk dibincangkan di sidang kemuncak itu ketika beberapa serangan penggodaan berprofil tinggi dilakukan terhadap infrastruktur AS.

Meskipun ada yang mendakwa Rusia terlibat namun, Moscow berulang kali menafikan semua tuduhan itu. - ©BERNAMA

China berjaya lancarkan Shenzhou-12

JIUQUAN, 16 Jun. - Kapal angkasa pembawa angkasawan Shenzhou-12 berjaya dilancarkan di Pusat Pelancaran Satelit Jiuquan China pada 9.22 pagi Khamis sebelum dihantar ke orbit mengikut jadual.

Kejayaan pelancaran kapal angkasa yang membawa tiga angkasawan itu dianggap selangkah lagi kemajuan dalam misi penubuhan Stesen Angkasa Lepas China.

Misi angkasa lepas Shenzhou-12 kali ini turut disifatkan sebagai projek penerbangan angkasa lepas yang membawa angkasawan pertama sewaktu

pembinaan Stesen Angkasa Lepas China dan misi penerbangan keempat ketika menguji teknologi penting berkaitan dengan pembinaan dan pengoperasian stesen angkasa lepas.

Ketiga-tiga angkasawan tersebut dijadualkan berada di angkasa lepas selama tiga bulan untuk menjalankan misi seperti menyelenggara dan membaik pulih kemudahan serta menggantikan peralatan di luar kenderaan kapal angkasa lepas.

Kapal angkasa pembawa angkasawan Shenzhou-12 merupakan kapal angkasa lepas

dengan standard rekaan tertinggi oleh China dan paling baik prestasinya setakat ini.

Difahamkan kapal angkasa tersebut terdiri tiga modul melibatkan modul orbit, kapsul kemasukan semula dan modul perkhidmatan belakang, selain turut dilengkapi 14 sistem cawangan.

Sementara itu, roket pembawanya, Long March-2F Y12 pula telah dinaikkan taraf dari segi kredibiliti dan kebolehgunaan bagi menjayakan misi pelancarannya yang ke-14. - ©BERNAMA

Thailand rancang buka pintu kepada pelancong sudah lengkap divaksin pertengahan Oktober

BANGKOK, 17 Jun. - Perdana Menteri Prayuth Chan o-cha pada Rabu mengumumkan Thailand akan membuka semula negara kepada pelancong yang sudah lengkap mendapat vaksin pada pertengahan Oktober untuk menghidupkan kembali ekonominya yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Beliau berkata pelancong yang sudah lengkap divaksin termasuk warga Thailand yang mahu pulang, akan dibenarkan masuk tanpa perlu menjalani kuarantin atau sekatan lain.

Prayuth mengakui keputusan itu mempunyai beberapa risiko kerana mungkin akan berlaku peningkatan

"Saya fikir ketika kita mempertimbangkan keperluan ekonomi rakyat, sudah tiba masanya untuk kita menjangkakan risikonya dan menetapkan tarikh membuka semula negara sepenuhnya dan mula menerima pelawat.

"Membuka kembali negara adalah antara cara penting untuk mengurangkan penderitaan mereka yang kehilangan pendapatan.

"Oleh itu, saya menetapkan matlamat untuk Thailand dibuka sepenuhnya dalam masa 120 hari lagi bermula hari ini (Rabu), dan pusat pelancongan boleh membuat persediaan awal," katanya ketika berucap pada Rabu

malam.

Beliau menambah sektor pekerjaan dan perniagaan serta pengangkutan domestik juga dapat beroperasi seperti biasa tanpa sekatan.

"Satu-satunya pengecualian terhadap garis panduan ini adalah jika berlaku suatu keadaan serius atau kemungkinan berlaku keadaan sedemikian, kami akan melihat perkara itu satu persatu mengikut kes," katanya.

Sejak April tahun lalu, Thailand mengenakan syarat kemasukan dan langkah kuarantin yang ketat untuk mengawal pandemik tersebut. Namun pada pertengahan Disember tahun lalu, negara ini menyaksikan gelombang kedua pandemik dan sejak April tahun ini kerajaan bertungkus lumus membendung gelombang ketiga.

Sekatan perjalanan menyaksikan ketibaan pelancong ke negara ini susut kepada 6.7 juta tahun lalu berbanding hampir 40 juta pada 2019.

Ujar Prayuth berkata pulau perancangan Phuket akan mula menerima pengunjung yang sudah lengkap divaksin mulai 1 Julai apabila sebahagian besar penduduk tempatan di destinasi pelancongan itu menerima vaksin masing-masing.

Di bawah "Phuket Sandbox", pelawat yang mahu mengunjungi Phuket tidak perlu

menjalani kuarantin 14 hari, namun perlu berada di pulau itu selama dua minggu sebelum boleh melakukan perjalanan ke wilayah lain di negara itu.

"Saya telah mempercepat perkara ini untuk dipertimbangkan dan diputuskan dalam mesyuarat Kabinet minggu depan," katanya.

Mengenai vaksinasi, Prayuth berkata kerajaan telah menandatangani kontrak tempahan dan perbekalan sejumlah 105.5 juta dos yang akan dihantar tahun ini, melebihi sasaran bekalan.

"Kami akan terus mendapatkan bekalan tambahan vaksin untuk tahun depan.

"Kerajaan merancang untuk menyuntik kira-kira 10 juta dos sebulan bermula Julai, jadi menjelang Oktober, kira-kira 50 juta orang bakal mendapat sekurang-kurangnya satu dos," katanya.

Sehingga 15 Jun, sejumlah 6.78 juta orang menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin, sama ada Sinovac atau AstraZeneca di negara itu, termasuk 1.83 juta orang yang menerima dua dos vaksin COVID-19.

Thailand menyasarkan untuk menyuntik 70 peratus daripada 70 juta penduduknya bagi mencapai sasaran imuniti kelompok. - ©BERNAMA

ISRAEL LANCAR SERANGAN UDARA DI SEMENANJUNG GAZA



GAZA CITY, 16 Jun. - Pesawat perang Israel pada awal Rabu menyerang kedudukan Hamas di Semenanjung Gaza, lapor Agensi Berita Anadolu.

Tentera Israel dalam satu kenyataan menyatakan pihaknya menasaskan kedudukan Hamas, termasuk di al-Yarmouk di sebelah timur bandar Khan Younis serta kawasan kejiranan

di Zeitoun.

Serangan udara itu dilakukan sebagai tindak balas terhadap belon api yang dilancarkan dari Gaza ke selatan Israel.

Kementerian Kesihatan Palestin belum mengeluarkan sebarang maklumat sama ada terdapat mangsa yang terbunuh dalam serangan itu.

Ia serangan udara pertama sejak

gencatan senjata dicapai antara Israel dan Hamas pada 21 Mei.

Gencatan senjata itu dibuat pada awal pagi 21 Mei mengakhiri pengeboman Israel selama 11 hari di Semenanjung Gaza, dengan Mesir bertindak sebagai orang tengah.

Serangan Israel di Gaza dan Tebing Barat mengorbankan sekurang-

kurangnya 289 orang, termasuk wanita dan kanak-kanak, selain menyebabkan banyak kemusnahan. Pusat kesihatan dan

pejabat media serta sekolah adalah antara yang menjadi sasaran. - ©BERNAMA

Castillo menang pilihan raya Presiden Peru

MOSCOW, 16 Jun. - Calon presiden sayap kiri Peru, Pedro Castillo memenangi pusingan kedua pilihan raya presiden dengan memperoleh 50.125 peratus undi,

menurut keputusan akhir yang dikeluarkan pada Selasa.

Menurut Suruhanjaya Pilihan Raya, Castillo, yang mewakili parti Bebas Peru, mendapat

8,835,579 undi, lapor Sputnik. Castillo dicabar calon sayap kanan Keiko Fujimori yang memperoleh 49.875 peratus undi. - ©BERNAMA

Guna helikopter untuk pasukan vaksinasi bergerak di Sarawak - Abang Johari

KUCHING, 16 Jun. - Kerajaan negeri Sarawak menggunakan perkhidmatan helikopter doktor udara untuk sampai ke kawasan pedalaman negeri itu, bagi mencapai sasaran vaksinasi 80 peratus penduduk negeri itu menjelang Ogos.

Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg berkata, kos perkhidmatan itu yang ditanggung kerajaan negeri akan digunakan pasukan vaksinasi bergerak, yang turut menggunakan pengangkutan

sungai untuk sampai ke penempatan yang tidak dapat dihubungi menggunakan jalan raya.

"Kita telah membuat beberapa penyesuaian, mengikut keperluan tempat masing-masing, khususnya di luar bandar, kita telah menggunakan (kaedah) suntik dulu baru mendaftar, kerana kita nak mempercepatkan (proses vaksinasi)," katanya.

Bercakap dalam sidang media selepas mengadakan lawatan ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV)

di Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) di sini beliau berkata, jumlah PPV di negeri ini juga akan ditambah lagi daripada 213 yang beroperasi sekarang, bagi mencapai sasaran vaksinasi 50,000 orang sehari.

Menurutnya, sejumlah 110,380 dos vaksin akan tiba esok untuk diberikan kepada penduduk di Miri, Bintulu dan Belaga, manakala 350,000 dos lagi akan tiba di Kuching pada Jumaat ini, untuk PPV di Kuching. - ©BERNAMA

Hong Kong layak tandatangani RCEP

HONG KONG, 17 Jun. - Ketua Eksekutif Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong, Carrie Lam Cheng Yuet-ngor menyatakan wilayah itu kini cukup layak untuk menyertai Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP).

Menurutnya, sebagai perjanjian perdagangan bebas terbesar dunia, RCEP berjaya membawa manfaat kepada 2.2 bilion populasi dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) entiti ekonomi anggotanya pula menduduki satu pertiga global.

"Jumlah perdagangan antara Hong Kong dengan 15 anggota RCEP telah melebihi USD770

bilion (RM3.2 trilion), dengan menempati 73 peratus perdagangan Hong Kong pada 2020," ujar Carrie Lam ketika berucap pada Forum Kemuncak Usahawan Cina Sedunia 2021 pada Khamis.

Carrie Lam berpendapat bahawa penyertaan Hong Kong dalam RCEP mampu membawa banyak kebaikan terhadap ekonomi serantau.

"Hong Kong merupakan sumber pelaburan utama di rantau Asia Pasifik, dan negara anggota RCEP adalah merupakan destinasi pelaburan luar bagi Hong Kong yang meliputi lebih 50 peratus pada 2019.

"Selepas menyertai RCEP, Hong Kong dapat menikmati pelbagai langkah memudahkan dan jaminan undang-undang mengikut perjanjian tersebut, sekali gus boleh menarik lebih banyak syarikat Hong Kong melabur di entiti ekonomi anggota RCEP serta mempergiat pembangunan dan pelaburan serantau," tambah beliau.

Carrie Lam turut mendedahkan bahawa anggota RCEP mengalu-alukan penyertaan Hong Kong dan pihaknya sedang berhubung dengan RCEP untuk mengadakan rundingan berkaitan seawal mungkin. - ©BERNAMA

Pakar kesihatan Jepun syor penganjuran Olimpik Tokyo tanpa penonton

TOKYO, 18 Jun. - Panel pakar Jepun mengenai pandemik COVID-19 pada Jumaat mengatakan adalah lebih baik Olimpik Musim Panas di Tokyo dianjurkan tanpa penonton secara langsung.

"Menganjurkan sukan tanpa kehadiran penonton meminimumkan risiko jangkitan di stadium dan cara paling selamat untuk ia berlangsung," kata para

pakar dalam laporan yang disampaikan kepada panitia penganjur, lapor Sputnik memetik Kyodo News.

Pandangan ini, bagaimanapun, bertentangan dengan hasrat kerajaan yang ketika ini sedang mempertimbangkan untuk menetapkan jumlah penonton pada acara sukan itu kepada 10,000 orang, atau tidak melebihi 50 peratus di setiap kemudahan.

Sukan Olimpik Musim Panas di Tokyo pada awalnya dijadualkan pada 2020 tetapi ditangguhkan ke musim bunga tahun lalu di tengah-tengah pandemik COVID-19.

Acara itu akan berlangsung pada musim panas ini, dari 23 Julai hingga 8 Ogos. Ia dirancang dengan bilangan acara terbesar, sejumlah 33 disiplin dan 339 kategori. - ©BERNAMA

Gempa bumi berskala 6.1 gegar Maluku, Indonesia

JAKARTA, 16 Jun. - Gempa berkekuatan 6.1 pada skala Richter melanda Maluku, Indonesia pada Rabu, lapor Badan Meteorologi, Klimatologi dan Geofizik (BMKG).

Gegaran berlaku pada 11.43 pagi waktu Jakarta dengan pusat gempa terletak 67 kilometer (km) tenggara Maluku Tengah, pada kedalaman 10 km.

Menurut BMKG, tiada ancaman tsunami dikeluarkan. Setakat ini, tiada laporan kerosakan atau kehilangan nyawa. - ©BERNAMA

COVID-19 : Varian Beta dipercayai punca kes positif, kematian meningkat di Kelantan

KOTA BHARU, 16 Jun. - Peningkatan ketara kes positif dan kematian akibat COVID-19 di Kelantan tahun ini dipercayai berlaku akibat penularan varian Beta dalam komuniti.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan Datuk Dr Zaini Hussin berkata pihaknya dimaklumkan mengenai perkara itu hasil keputusan 23 ujian sampel daripada beberapa kluster yang telah dihantar untuk jujukan genom.

"Kita tidak hantar semua kes positif, kita ambil sampel daripada beberapa kluster di negeri ini. Kita rasakan bahawa kemungkinan majoriti kes di Kelantan adalah varian Beta.

"Melihat dari segi perebakan begitu cepat malah purata bilangan kematian juga meningkat empat hingga enam kes sehari, menjadikan 175 kematian tahun ini sahaja, berbanding hanya tujuh kes sepanjang tahun lepas, varian ini mungkin telah berada dalam komuniti di Kelantan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas meninjau Program Outreach Vaksinasi Kakitangan Penjara dan Keluarga Jajahan Kota Bharu di Penjara Pengkalen Chepa di sini hari ini.

Turut hadir, Pengarah Penjara Kelantan Mat Yaacob dan Pengarah Penjara Pengkalen Chepa Wan Sani Ab Latiff.

Semalam, Kelantan mencatatkan 245 kes positif baharu COVID-19, menjadikan 3,837 kes aktif.

Sementara itu, Dr Zaini berkata 12 peratus daripada 1.2 juta penduduk Kelantan yang layak menerima vaksin COVID-19 sudah menerima suntikan dos pertama dan kedua.

"Ketika ini kemampuan suntikan harian kira-kira 6,000 hingga 8,000 dos sehari, kita boleh tingkatkan kemampuan antara 14,000 dan 32,000 sehari apabila bekalan vaksin tiba, dijangka dalam jumlah yang banyak Julai ini," katanya. - ©BERNAMA

Biden umum nama 9 calon duta, termasuk ke Israel, Mexico

WASHINGTON, 16 Jun. - Presiden Amerika Syarikat (AS) Joe Biden pada Selasa mengumumkan senarai nama sembilan calon duta termasuk untuk ditugaskan ke Israel dan Mexico.

Menurut Agensi Anadolu, mereka yang dicalonkan ialah Julie Chung ke Sri Lanka, Sharon Cromer (Gambia), Troy Damian Fitrell (Guinea), Thomas Nides (Israel), Marc Ostfield (Paraguay), Ken Salazar (Mexico), Julianne Smith (NATO), "Sully" Sullenberger III (Majlis Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa) dan Dr Cynthia Ann Telles (Costa Rica).

Nides yang dicalonkan ke Israel pernah berkhidmat sebagai Timbalan Setiausaha Negara untuk Pengurusan dan Sumber di Jabatan Negeri dari 2010 - 2013, memetik kenyataan Rumah Putih.

Pencalonannya dibuat selepas gabungan pimpinan Naftali Bennett memenangi 60-59 undi percaya di Knesset (parlimen) pada Ahad untuk membentuk kerajaan baharu Israel. Kesemua calon itu perlu mendapat kelulusan Senat terlebih dahulu. - ©BERNAMA

19 terbunuh trak terhumban ke dalam sungai di Zambia

LUSAKA (Zambia), 17 Jun. - Sekurang-kurangnya 19 orang terbunuh dan lima yang lain cedera selepas trak dinaiki terbalik dan terhumban ke dalam sungai di daerah Mungwi di utara Zambia pada Rabu.

Menurut Agensi Anadolu, ketua polis daerah Jestus Nsokolo dalam satu kenyataan berkata trak yang membawa 57 penumpang, kebanyakannya peniaga telefon bimbit, hilang kawalan akibat dipandu laju serta lebih muatan.

Menurut beliau pemandu trak itu melarikan diri.

Menzahirkan kesedihan berikutan kemalangan itu, timbalan pengurus kempen wilayah untuk parti Front Patriotik Presiden Edgar Lungu mengumumkan kempen untuk pilihan raya umum pada Ogos ini ditangguhkan sementara sebagai menghormati keluarga dan mangsa yang terkorban. - ©BERNAMA

Sukan

INFO SUKAN

SUKAN Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD) diadakan dua tahun sekali sejak 2012, merupakan kejohanan peringkat kebangsaan, bertujuan untuk membina juga memajukan tahap dan prestasi ahli-ahli sukan di negara ini, dengan penyertaan secara berkontinjen sebagai medan untuk memilih ahli sukan berkecayaan untuk mewakili negara, di peringkat serantau dan antarabangsa.



ePaper Pelita Brunei

3PML MENANG MENENTANG BAMIT FC

AKSI menarik pada perlawanan Liga Persatuan Bola Sepak Amatour Daerah Tutong (TDAFA), di antara 3PML (Persatuan Melayu Lamunin) dan Bamit FC.

Berita dan Foto : Dk. Vivv Malessa
Pg. Ibrahim, Ihsan Liga Persatuan Bola Sepak Amatour Daerah Tutong

TUTONG, Jumaat, 18 Jun. - Pasukan 3PML (Persatuan Melayu Lamunin) berjaya menewaskan pasukan Bamit FC dengan 3 - 2, pada perlawanan Liga Persatuan Bola Sepak Amatour Daerah Tutong (TDAFA), yang berlangsung di Kompleks Sukan Tutong, di sini.

Pada babak pertama perlawanan, menyaksikan kedua-dua pasukan saling berbalas serangan, namun pasukan 3PML bijak mengatur serangan dan berjaya mengejutkan gawang pihak lawan dengan jaringan gol seawal minit ke-4 menerusi Muhd. Ari Saizulfadli.

Namun pasukan Bamit FC berjaya menyamakan kedudukan dengan sepakan gol dari Khairul Azim pada minit ke-14.

Aksi 3PML semakin kencang membuat serangan untuk



menggandakan jaringannya melalui Abang Muhd Fakhri apabila berjaya sekali lagi membolos gawang pihak lawan pada minit yang ke-37 dan minit ke-45.

Namun, ia tidak mematahkan semangat pasukan Bamit

FC apabila Roswandi turut menjaringkan gol kedua bagi Bamit FC pada minit ke-61 separuh masa kedua dan menjadikan keputusan 3 - 2 dan keputusan kekal hingga ke wisel penamat.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Ak. Mohd. Aminol
Adi Azraie Pg. Haji Nikman

MIC tewas di tangan KUPU SB



SEKITAR perlawanan di antara Micronet International College (MIC) dan pasukan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Jun. - Pasukan Micronet International College (MIC) terpaksa akur setelah tewas di tangan pasukan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dengan kiraan 4 - 7 pada perlawanan yang berlangsung di Padang 'A', Kompleks Sukan Universiti Brunei Darussalam (UBD) baru-baru ini.

Seawal minit kedua permainan, MIC menggegarkan gawang KUPU SB melalui jaringan pemain Muhammad Arif.

Namun kegembiraan MIC itu hanya sementara apabila KUPU SB mengatur serangan dan berjaya membolosi gawang MIC pada minit ke-14 melalui Muhammad Faez dan Azizi Hamid pada minit ke-22.

MIC terus bangkit, memberikan asakan bertubi-tubi sekali gus berjaya menjaringkan gol kedua mereka pada minit ke-26 sekali lagi melalui Muhammad Arif.

Selang dua minit selepas gol ketiga MIC, KUPU SB menghadiahkan MIC gol ketiga dan keempat mereka melalui Abdul Hadi Azhar dan Mohd. Amirul Hafizan pada minit ke-38.

Beberapa minit sebelum separuh masa pertama berakhir, KUPU SB terus mengasak gawang MIC dan berjaya menjaringkan gol kelima pada minit ke-41 melalui hasil rembatan Salahuddin Al-Ayubi.

Pada separuh masa kedua, menyaksikan kedua-dua pasukan saling berentap untuk menambah jaringan, namun pertahanan kedua-dua pasukan tidak goyah dan kerap kali menggagalkan percubaan membolosi bola ke pintu gawang hingga pada minit ke-51 dan ke-72 di mana KUPU SB menambah lagi jaringan ke enam dan tujuh mereka menerusi hasil jaringan Mohd. Aiman dan Azizi Hamiz.

Tahukah Awda

JABATAN Hal Ehwal Ugama telah ditubuhkan sebagai sebahagian daripada Jabatan Adat Istiadat Negeri, Ugama dan kebajikan Masyarakat pada 1 Julai 1954. Dengan Kuatkuasa Perlembagaan, mulai 1 Mei 1960, Jabatan Hal Ehwal Ugama telah menjadi sebuah jabatan yang berasingan daripada Jabatan Adat Istiadat Negeri dan Kebajikan Masyarakat. Sejak 1 Mei 1960 sehingga 1967 terdapat dua orang Pengetua Pegawai yang mengetuai jabatan tersebut.

SUMBER : Buku Suara Wanita Brunei - Siri 1

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'PENABUR FITNAH TIDAK AKAN MASUK SYURGA'

دتر بیتکن اوله جابتن قنراغن، جابتن فردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قللس سندیرین برحد، نگارا برونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam